

DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KEDUA

Shah Alam, Khamis 09 Julai 2009

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
YB Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)
YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)
YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)
YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom,
PJK. (Morib)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

TIDAK HADIR

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh
Setiausaha

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Cik Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha II

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Md. Saref bin Salleh
BENTARA

Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Cik Siti Salina bt. Muftar
PELAPOR PERBAHASAN

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum WBT* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi mesyuarat kedua, penggal kedua. Persidangan Dewan Negeri Selangor yang ke-12 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan sambungan.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker soalan no 13

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: DENDA LEWAT BAYAR CUKAI TAKSIRAN TELAH DINAIKKAN DARI
RM2.00 KEPADA RM20.00**

13. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Kenapa denda saman dinaikkan dengan kadar yang besar?
 - b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang memansuhkan kenaikan denda lewat bayar cukai taksiran?
 - c) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat memansuhkan penalti terhadap tunggakan cukai taksiran?

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, soalan ini mengenai denda lewat bayar cukai taksiran. Seksyen 147, Akta Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa jika apa-apa jumlah wang yang kena dibayar mengenai sesuatu kadar masih belum dibayar pada akhir bulan Februari atau akhir bulan Ogos mengikut mana yang berkenaan, pemunya atau pemunya-pemunya adalah bertanggungjawab membayar jumlah wang itu bersama dengan apa-apa bayaran yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dari semasa ke semasa. Sebelum penstrukturan semula caj denda lewat, kebanyakan PBT di Negeri Selangor mengenakan kadar 5% dari jumlah tunggakan semasa yang tidak berbayar bagi setiap Notis E yang dikeluarkan. Walau bagaimanapun, ekoran daripada keputusan Mahkamah Persekutuan pada 18 Julai 2007 ke atas kes Generation Product Sdn. Bhd. melawan Majlis Perbandaran Klang, *fee* denda lewat hanya boleh dikenakan atas kadar tetap dan bukannya dikenakan berdasarkan peratusan tetap. Kadar tetap itu pula adalah jumlah berpatutan yang merupakan kos untuk isu Notis sahaja.

Disebabkan kadar yang diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor tidak sah, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 7 Januari 2009 telah bersetuju agar satu kadar tetap bayaran dikenakan sebanyak RM20.00 iaitu kos isu Notis bagi setiap cukai taksiran yang tidak dibayar di dalam tempoh yang ditetapkan. Kos untuk isu Notis ini meliputi :-

- i) kos carian hak milik, pengangkutan dan pelbagai berjumlah RM 5.00
- ii) kos pengurusan cetakan, menyemak dan guna tenaga kerja berjumlah RM10.00
- iii) kos penghantaran melalui pos, *courier*, pos berdaftar berjumlah RM 5.00

Yang mana jumlah keseluruhannya adalah RM20.00. Oleh itu, kenyataan yang mengatakan bahawa denda lewat dinaikkan dengan kadar yang besar adalah tidak tepat kerana kenaikan tersebut berlaku kepada pemilik pegangan yang dikenakan kadar cukai yang rendah. Manakala pemilik pegangan yang dikenakan kadar cukai yang tinggi akan mengalami penurunan kadar denda lewat memandangkan PBT hanya mengenakan kadar tetap sebanyak RM 20.00 sahaja. Tuan Speaker, buat masa ini Kerajaan Negeri sedang mengkaji semula caj lewat bayar cukai taksiran yang dikenakan secara kadar tetap kepada pemilik pegangan yang lewat membayar cukai taksiran. Mereka terutama pemilik pegangan yang dikenakan cukai taksiran tahunan yang rendah bagi mengurangkan bebanan golongan yang terlibat. PBT secara pentadbiran telah mengecualikan caj denda lewat bagi pemilik pegangan yang dikenakan cukai taksiran kurang daripada RM100.00 setahun. Kerajaan Negeri belum berhasrat memansuhkan penalti atau denda lewat terhadap tunggakan cukai taksiran kerana ia turut membantu dalam menambah pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan. Akta Kerajaan Tempatan juga tidak menghalang Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengenakan caj dengan kadar tertentu bagi setiap bayaran cukai yang lewat diterima. Tujuan denda lewat ini juga pada dasarnya diwujudkan untuk memastikan pembayar cukai lebih bertanggungjawab untuk menjelaskan cukai taksiran di dalam tempoh yang telah ditetapkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya mendapat aduan daripada pemilik harta, mereka mengadu kepada saya bahawasanya adilkah kerana kegawatan ekonomi Negara ini termasuklah Negeri Selangor dan kegawatan pihak PBT. Sama ada betul ke tidak kerana itulah semua denda-denda yang dibuat oleh pihak PBT ini dinaikkan. Sebentar tadi YB mengatakan RM2.00 kepada RM20.00 itu memang satu angka yang kecil tapi kalau kali dengan berapa kali ganda tu, rasa saya besar tu. Jadi, ini merupakan, adakah ini merupakan salah satu cara Kerajaan Negeri mengutip denda itu untuk menampung perbelanjaan pihak PBT. Terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, tadi saya sudah jawab. Sebenarnya RM 20.00 itu untuk orang yang membayar cukai yang rendah memanglah merupakan satu kenaikan tetapi kebanyakan pembayar cukai, mereka bayar yang lebih daripada RM100.00 itu, mereka sebenarnya mendapatkan satu kekurangan ataupun mereka dapat satu diskaun untuk denda lewat. Sebab itu tadi saya sudah kata kita sedang mengkaji semula satu cara yang lebih berkesan dan praktikal tetapi pada masa yang sama itu, kita telah gunakan kuasa pentadbiran, kita telah mengecualikan pembayar itu denda lewat untuk sesiapa yang membayar cukai taksiran yang lebih rendah daripada RM100.00 setahun. Itu telah mencerminkan Kerajaan Pakatan Rakyat prihatin, kita tidak mahu gunakan denda lewat itu untuk menambah pendapatan untuk Kerajaan Negeri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya silakan. Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih, Tuan Speaker. Adakah merupakan satu tekanan daripada masyarakat apabila selepas melaksanakan denda lewat ini dan masyarakat mengeluarkan perasaan tidak puas hati terhadap semua denda yang menaik mendadak ini jadi Kerajaan barulah buat langkah untuk mengecualikan denda lewat ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ini tak payah cakaplah, ini bukan soalan. Ini memanglah sudah ada rungutan, Kerajaan buatlah. Itu saya rasa tak payah. Ini bukan masa ucapan ya. Ini bukan persoalan. Baik silakan, Hulu Bernam. Hulu Bernam, lama tak tekan *mic* agaknya.

YB DATO' MOHAMED IDRIS BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker, soalan yang ke 14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK : PROGRAM SPIES

14. Bertanya kepada YAB DATO' Menteri Besar :

a) Berapa peruntukan yang telah dibelanjakan berdasarkan jenis kategori sasaran peserta dan jumlah program sepanjang tahun 2008 dan pertengahan 2009?

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: *Assalamualaikum.* Terima kasih, Tuan Speaker dan terima kasih kepada Hulu Bernam. Bagi memastikan hala tuju Selangor maju, sejahtera, berkeadilan dan menjadi idaman semua tercapai, maka program holistik pembangunan modal insan Negeri Selangor (*SPIES*) diadakan dan diwujudkan. Ia merupakan satu agenda penting Kerajaan Negeri yang bertujuan untuk melahirkan rakyat yang berkualiti, berdaya tahan, berdaya juang, berdaya maju, berdaya saing dan cemerlang dalam seluruh aspek kehidupan. Kita mahu mengarus perdanakan kepedulian sosial atau kebertanggungjawaban sosial ataupun yang biasa dikenali sebagai *corporate social responsibility* (dengan izin). Kita mahu rakyat Negeri Selangor bukan sahaja mempunyai minda kelas pertama tetapi keseluruhan elemen fizikal, emosi, sosial dan lebih-lebih lagi spiritual mereka juga haruslah kelas pertama. Kita bukan sahaja mahu *project consultant*, arkitek, *engineer*, kontraktor di Negeri Selangor ini mempunyai daya intelek atau minda kelas pertama tetapi mereka juga mesti memiliki spiritual kelas pertama, *social responsibility* kelas pertama supaya apabila mereka membina apa-apa bangunan atau terlibat dalam mana-mana projek di Negeri Selangor tidak terjadi pembinaan stadium yang cantik tak sampai setahun runtuh, super market runtuh, sekolah runtuh, Bukit Antarabangsa runtuh, MRR2 retak berulang kali. Begitu juga dengan usahawan dan peniaga

TUAN SPEAKER: YB, YB sebab saya lihat di sini tolong....Speaker tengah cakap ni ya. Saya tahu Hajah Halimah banyak tak puas hati, saya dah cakap dah saya dah mula berpuas hati. Tolong bertenang, sabar sikit. YB EXCO, soalan yang saya nampak sini, berapa peruntukan yang telah dibelanjakan berdasarkan jenis kategori sasaran peserta dan jumlah program sepanjang tahun 2008 dan pertengahan 2009? Jadi saya minta terus pada jawapan.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Tak sebab nak bagi.....

TUAN SPEAKER: Ini bukan masa membuat gulungan, bukan masa untuk menyampaikan ucapan dasar. Jadi saya minta semua EXCO yang jawab terus pada soalan tersebut sebab walaupun kita lanjutkan masa setengah jam tapi saya rasa masa ini adalah untuk ADUN membangkitkan soalan, membangkitkan seberapa banyak soalan yang mungkin dan mendapat jawapan seberapa banyak yang mungkin. Bukan untuk mana-mana pihak termasuk ADUN untuk membangkitkan soalan yang bukan-bukan untuk mengambil kesempatan untuk membuat ucapan. Jadi ini terpakai kepada semua ADUN termasuk EXCO, saya minta terus kepada jawapan tersebut.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih, Speaker. Saya sebenarnya memberikan apa itu tadi supaya yang bertanya Hulu Bernam faham kenapakah peruntukan itu diberikan mengikut kategori sebab saya nak pergi kepada itu, mengikut kategori itu supaya faham kenapa jumlah

TUAN SPEAKER: Saya rasa tak perlu. Kalau dia nak, dia buat soalan tambahan. Soalan yang tertera adalah jelas. Berapa peruntukan yang dibelanjakan. Itu sahaja.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: OK Tuan Speaker. Jadi, oleh itu Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan peruntukan yang berpatutan bagi melaksanakan program-program tersebut. Pada tahun 2008, sebanyak 75 program telah berjaya dilaksanakan dengan melibatkan perbelanjaan RM1,583,600.00 dengan perinciannya bagi kategori kanak-kanak ada empat (4) program di mana pesertanya ada 411, jumlah kos ialah RM82,200.00. Belia ada 23 program, jumlah peserta 2303, RM460,600.00. Ibu bapa ada enam (6) program melibatkan 714 peserta, melibatkan RM142,800.00. Warga industri kita ada buat dua (2) program, 160 peserta melibatkan RM32,000.00. Ketua Kampung, kita ada tiga (3) program yang melibatkan RM66,000.00. Setiausaha JKKK, 365 orang melibatkan RM73,000.00. Warga pendidik, tujuh (7) program, 850 peserta yang memakan belanja RM170,000.00. Remaja, 700 peserta, RM140,000.00. Mahasiswa, 12 program, 1200 peserta, RM240,000.00. Pegawai JAIS ada dua (2) program untuk 135 peserta yang melibat kos RM27,000.00. Siswa, satu (1) yang mendapat hadiah RM1,000.00 ada empat (4) program yang mempunyai 400 peserta dan melibat RM80,000.00 dan pimpinan pelajar ada 200 peserta yang di mana RM40,000.00 dibelanjakan, maknanya ada 7,918 peserta *SPIES* diadakan sepanjang 2008.

Bagi tahun 2009 sehingga Mei sebanyak **RM 1.22 juta** telah digunakan, di mana kategorinya agak berlainan sedikit apabila kita telah membuat 'post-mortem' bagi program-program dan, pada 2009 ini telah memfokuskan kepada *SPIES* Kepimpinan termasuk penjawat-penjawat awam dan juga pimpinan semua masyarakat.

BIL	KATEGORI	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA	KOS (RM)
1	Masyarakat	1	60	13,800
2	Belia	10	924	212,520
3	Alumni <i>SPIES</i> Belia	13	1100	253,00
4	Remaja	4	400	92,000
5	Alumni <i>SPIES</i> Remaja	3	300	69,000
6	<i>SPIES</i> Kepimpinan/Penjawat Awam	4	194	44,620
7	Ibu bapa	10	2000	460,000
8	Ibu Tunggal	2	200	46,000
9	Pendidik	1	100	23,000
10	Pelajar IPT	1	100	23,000
	JUMLAH	49	5378	1,236,940

Sekian, Speaker.

YB DATO' MOHAMED IDRIS BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker, sejauh mana program.....

TUAN SPEAKER: Nanti la, belum panggil tu.. Hulu Bernam jarang bangun ke? Okey, Hulu Bernam.

YB DATO' MOHAMED IDRIS BIN ABU BAKAR: Sejauh mana program-program yang dah dibelanjakan mencapai matlamat.

YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI: Terima kasih Hulu Bernam. Pencapaiannya sebenar ini di antara yang kita, saya bagi contoh, sebab untuk yang menyeluruh dan komprehensif, jawapan komprehensif, kena tanya ada bahagian kedua sepatutnya. Jadi untuk yang secara, saya bagi contoh untuk belia. Kita telah memberikan pendedahan konsep pembangunan modal insan bagi *SPIES* asas kepada belia dan di antara belia ini, kita telah berikan satu '*re-amforcement*' dengan izin, satu pengukuhan alumni *SPIES* belia. Kemudian kita ambil daripada mereka yang telah berjaya ini yang telah berminat dan telah terangsang untuk memupuk sifat kesukarelawanan mereka, di antara mereka ini, 60 orang di antara mereka ini telah mempunyai sijil bomba, sijil paramedik, dan mereka sekarang ini mengikuti satu kursus khas yang agak spesifik yang melibatkan '*chemical hazard*' dan sebagainya.

Ini satu contoh yang kita telah lihat. Dan di antara pencapaian kita di mana ketua-ketua kampung dan setiausaha kampung yang telah kita beri *SPIES* itu, kita baru sempat memberikan *SPIES* asas kepada mereka di mana kita lihat mereka ini lebih berupaya, lebih bertanggungjawab dan lebih mampu untuk membawa dan melaksanakan dasar-dasar Kerajaan Negeri Selangor ke *grass root*, ke kampung-kampung dan taman-taman masing-masing. Jadi kita masih dalam proses menilai supaya kita boleh menambah baik lagi input-input dan sebenarnya kursus *SPIES* ini hanyalah satu intro, satu pengenalan. *SPIES* ini adalah satu perkara yang perlu di '*internalize*'. Jadi pencapaiannya memerlukan masa yang lebih lama supaya kita boleh melihatkan dengan sebenarnya apakah kesan-kesan apabila seseorang itu memahami konsep *SPIES*. Sekian, Speaker.

TUAN SPEAKER: Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN: Soalan daripada Kajang iaitu soalan tambahan. Apakah walaupun kita dengar dikatakan pencapaian itu adalah mengambil masa yang agak lama, tapi adakah dalam program *SPIES* ini diadakan KPI-KPI iaitu kayu ukur yang dapat kita mengukur pencapaian yang dalam masa yang tersingkat. Terima kasih.

YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI: Terima kasih, Kajang. Mungkin masa yang tersingkat yang saya, kami Jawatankuasa Sekretariat *SPIES* ini meletakkan antara indikator-indikator keberkesanan satu dasar yang baru seperti *SPIES* ini ialah kita mahu melihatkan gejala sosial, kadar jenayah, keterlibatan remaja-remaja dan belia-belie kepada aktiviti-aktiviti yang negatif ini sepatutnya kurang, apabila kita telah berjaya untuk mencapai kritikal *mess* di dalam golongan belia dan remaja, ini satu. Yang keduanya juga, apabila kita sebut *SPIES* kepada penjawat awam, kita mahu melihat produktiviti *output* kerja mereka, kebersamaan mereka dengan kita, sebagai Kerajaan Negeri Selangor, sepatutnya meningkat. Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat Kajang, kita baru memulakan *SPIES* penjawat awam ini, tahun ini dan kita telah pun semua Pegawai Daerah, Yang Dipertua dan Datuk Bandar, serta ketua-ketua Pengarah Jabatan sama ada yang negeri ataupun federal telah kita beri pendedahan kepada kursus

SPIES dan telah pun melalui alumni *SPIES*. Bukan seratus peratus yang federal, tapi itu yang di antara kita melihatkan semakin mudah kita membawakan, memberi penerangan, semakin mudah mereka menerima dasar-dasar kita dan semakin mudah untuk mereka bersama kita membawa Selangor ini supaya kita boleh mencapai hala tuju yang telah ditetapkan.

TUAN SPEAKER: Teluk Datuk.

YB TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE: Tuan Speaker, soalan No. 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK: PROJEK PEMBANGUNAN DAN PERUMAHAN TERBENGGKALAI

15. Bertanya kepada YAB DATO' Menteri Besar :-

- a) Berapakah projek yang telah diambil alih pemaju baru? Sila senaraikan.
- b) Berapakah projek terbengkalai yang belum diambil alih pemaju baru? Apakah masalahnya?

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Terima kasih, Yang Berhormat dan Tuan Speaker. Soalan pertama, berapakah yang telah diambil alih oleh pemaju baru. Menurut rekod kami, kita telah menubuhkan satu *Task Force* pada bulan Jun 2008. Dan *Task Force* ini telah mengusahakan menemukan pemaju lama dan pemaju baru. Dan ia *Task Force* ini telah menilai projek-projek terbengkalai yang ada dan nombor atau *figure* ataupun jumlah yang terkini yang telah diambil oleh pemaju ataupun kontraktor yang baru adalah sebanyak 42 projek terbengkalai. Di antaranya ada yang baru diambil alih pada bulan Jun yang lepas, dan ada yang pada bulan Mac yang lepas. Dan soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat juga adalah senaraikan projek-projek tersebut.

NO	NAMA PROJEK	PEMAJU ASAL	PEMAJU/ KONTRAKTOR PENYELAMAT	BILANGAN UNIT
1	Cadangan Membina 1 Blok Pangsapuri (RPKR), 19 Tingkat Di Atas Sebahagian Lot 163, Seluas 9.19 Ekar, Ukay Bistari, Mukim Hulu Klang, Daerah Gombak	Y-Talis Housing Sdn. Bhd. & Damai Bistari Sdn. Bhd.	Weiru Capital Sdn. Bhd.	256 Unit – Pangsapuri Kos Rendah
2	Cadangan Perumahan Di Taman Ukay Bistari Di Atas Lot 648, 649, 621 & 824, Kampung Pasir, Mukim Hulu Klang,	Damai Bistari Sdn. Bhd.	Pertiwi Prestij Sdn. Bhd.	146 Unit – Pangsapuri Kos Rendah 16 Tingkat

	Daerak Gombak		Syarqiah Holdings Sdn. Bhd. NBH Standard Links Enterprise Sdn. Bhd. Raih Zaman (M) Sdn. Bhd. Sama Sejati Sdn. Bh. Pertiwi Prestij Sdn. Bhd.	120 Unit – Pangsapuri Kos Sederhana Rendah 12 Tingkat 60 Unit – Kos Sederhana 8 Tingkat 1027 Unit – Service Apartment 6 Blok 76 Unit Kedai dan Pejabat
3	32 Projek Perumahan Terbangkalai, Di Daerah Klang (12 Projek) dan Daerah Kuala Langat (20 Projek)	Rhid Development Sdn. Bhd.	Faza Impiana Sdn. Bhd. & Inventive Power Sdn. Bhd.	964 unit – Rumah Berkembar & Banglo
4	Cadangan Pembinaan Rumah Kos Rendah, Jalan Plato U5/138, Seksyen U5, Shah Alam	Unique Creation Sdn. Bhd.	ECL Management Sdn. Bhd.	840 Unit – Rumah Kos Rendah 10 Unit – Kedai
5	Cadangan Pembinaan Rumah Teres Di Atas Lot Sub Lot 1 hingga 244 (Fasa 5e) Di Atas Sebahagian Lot 48729 (16929), Mukim Petaling, Daerah Petaling	Lestari Puchong Sdn.Bhd. (Talam Corporation Berhad)	RSS PMC Sdn. Bhd.	244 Unit – Rumah Teres
6	Cadangan Pembinaan Rumah Pangsa Kos Rendah, Saujana Puchong Mukim Petaling, Daerah Petaling	Expand Factor Sdn. Bhd. (Talam Corporation Berhad)	RSS PMC Sdn. Bhd.	228 Unit – Rumah Pangsa Kos Rendah

7	Projek Pembinaan Gombak Perdana Villa Di Atas Lot 5311 HS(D) 1733 MUKim Setapak, Daerah Gombak	RSS PMC Sdn. Bhd.	Pertiwi Prestij Sdn. Bhd.	222 Unit Pangsapuri Kos Sederhana
8	Projek Taman Mudun, daerah Hulu Langat	Rimbun Capital Sdn. Bhd. (Liquidator)	Central Malaya Construction Co. Sdn. Bhd.	18 Unit rumah teres 1 tingkat
9	Projek Taman Malim Mas, Daerah Hulu Selangor	Rimbun Capital Sdn. Bhd. (Liquidator)	Sri Wilayah Enterprise Sdn. Bhd.	131 unit rumah teres kos sederhana
10	Projek di Lot 1640, Kg. Sg. Ramal, Kajang, Daerah Hulu Langat	ZM Development sdn. Bhd.	Bina Siap (M) Sdn. Bhd.	70 unit rumah teres
11	Projek Putera Intan Kondominium Dengkil, Daerah Sepang	Lembah Kerjaya Sdn. Bhd	Pembinaan Purcon Sdn. Bhd	300 unit kondominium
12	Projek Pembinaan Taman Sri Angsana Hilir, Mukim Ampang	Kabra Holdings Sdn. Bhd. & RSS PMC Sdn. Bhd.	Pertiwi Prestij Sdn. Bhd.	175 unit – Pangsapuri Kos Sederhana

Sekarang ini terdapat 130 projek yang masih belum mempunyai kontraktor ataupun pemaju penyelamat walaupun kita telah menyelesaikan 48 projek, tetapi ada 130 projek. Ini oleh kerana sepanjang tahun yang lepas bahawa kita telah juga menerima aduan-aduan tentang projek-projek terbengkalai. Bermakna bertambah projek-projek terbengkalai. Dan juga apabila kita turun padang kita dapat kenal pasti lagi 29 lagi yang terbengkalai. Walau bagaimanapun 130 projek ini tidak bermakna ianya tidak dapat diselamatkan tetapi masih belum ada lagi pihak yang bersetuju.

Menjawab soalan kenapa sebuah projek itu memerlukan masa untuk mendapatkan kontraktor yang baru. Adalah di antaranya adalah baki pembiayaan oleh bank tidak dapat menampung kos menyiapkan projek tersebut. Ini dua sebab. Sama ada kos pembinaan yang meningkat bagi projek yang telah terbengkalai lebih 10 – 15 tahun ataupun kerana pemaju telah membuat tuntutan daripada pembeli lebih dari yang sepatutnya. Contohnya kerja di tapak baru 50% tetapi tuntutan daripada bank telah 80%. Ataupun pemaju gagal mengambil kira semua kos yang terlibat seperti gagal memasukkan kos infrastruktur. Juga ada kes-kes di mana tidak, pemaju tidak mendapat kelulusan pihak berkuasa dan melanggar undang-undang yang sedia ada. Ada yang tidak ada kelulusan bangunan sekalipun. Walaupun telah dijual tetapi tidak ada

kelulusan bangunan. Dan isu tanah, ada projek-projek yang tidak ditukar syarat, masih tanah pertanian, terpaksa bayar premium. Tidak mampu bayar premium, itu sebab projek itu terbengkalai. Dan juga seterusnya adalah tidak persefahaman di antara pihak terlibat. Kerana kita kena faham bahawa kebanyakan projek-projek terbengkalai ialah projek defisit, yang merugikan. Jadi untuk menghidupkan projek tersebut, semua pihak perlu berkorban atau pihak pemaju dan bank mesti bersedia untuk mengorbankan keuntungan mereka. Dan pembeli juga, kadangkala perlu membuat pembayaran tambahan. Itulah di antara sebab-sebab kenapa kita mengambil sedikit masa untuk memulihkan atau mencari pemaju atau kontraktor baru bagi 130 projek yang masih terbengkalai. Dan kita telah melalui fasa yang pertama dan selaras dengan pakej rangsangan ekonomi Negeri Selangor kita telah mengadakan satu sesi percambahan fikiran yang telah diadakan dengan memanggil lebih ramai pihak yang berminat. Kita berharap bahawa hasil daripada perbincangan ini, kita akan dapat mempercepatkan lagi akan pemulihan projek-projek tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, Taman Templer.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Terima kasih, Tuan Speaker. Memandangkan pada sesi penggulungan yang lepas, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pernah memaklumkan bahawa sebuah mungkin yang dipanggil kalau saya tak silap, Dana Harta Selangor akan ditubuhkan untuk membantu menyelamatkan syarikat-syarikat atau projek-projek yang terbengkalai. Soalan saya Tuan Speaker, kepada Yang Berhormat EXCO adakah adakah perancangan ini masih akan dilakukan dan kedua termasuk di kawasan saya sendiri, projek perumahan Bukit Botak yang boleh juga dikatakan terbengkalai. Satu Jawatankuasa Penyiasatan telah pun dimaklumkan akan ditubuhkan. Adakah jawatankuasa ini akan menyiapkan laporan sepertimana yang disebutkan bulan lapan dan berkenaan Dana Harta itu, adakah perancangan itu akan dijalankan dan adakah syarikat-syarikat baru akan dilantik untuk membantu menyelesaikan masalah yang begitu besar nampaknya projek terbengkalai Negeri Selangor ini. Terima kasih.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Tuan Speaker, Yang Berhormat, terima kasih. Untuk menjawab soalan itu perkara yang sedang kita buat adalah kita menyenaraikan semua projek-projek yang ada. Dan kita meletakkan berapakah kos tambahan yang diperlukan untuk menyiapkan projek-projek tersebut. Daripada itu baru kita dapat berapakah kos sebenar untuk memulihkan semua projek-projek itu. Seperti yang saya katakan, Yang Berhormat bahawa projek-projek ini defisit. Kita nak tau berapa banyak defisit. Kita dah ada dah, kita tengah buat satu persatu, itu sebab bila kita meminta pihak pemaju yang baru atau kontraktor yang baru, ramai yang tak mahu apabila melihat ada defisit. Jadi untuk menjawab soalan tersebut, benda itu akan kita kaji, dan tapi kita kena tahu berapa, berapa banyak yang diperlukan, untuk kita menyelamatkan projek itu. Kita dah ada satu demi satu, tetapi untuk keseluruhannya kita kena lihat, mana satu yang paling perlu diutamakan.

Untuk soalan kedua, adalah tentang kes ataupun penduduk bekas setinggan Bukit Botak, memang kita telah mengadakan penyiasatan. Yang pertama penyiasatan tentang status mereka yang telah diberikan milik tanah. Dan Jawatankuasa tersebut telah berjalan. Ada pejabat di Majlis Daerah Gombak, Yang Berhormat boleh pergi sendiri, kalau nak berjumpa dengan kakitangan di pejabat tersebut. Kita telus. Ada, apa yang kita siasat, mereka yang hendak disiasat, ataupun nama mereka yang telah diberikan hak milik tanah. Semuanya dipamerkan di situ, dan pada perancangan kami ataupun *dateline* ataupun tarikh akhir bagi penyiasatan ataupun jawatankuasa ini adalah 18 Ogos, pada 18 Ogos kita tahu yang mana yang layak, yang mana yang tidak layak.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa mereka yang layak tidak perlu bimbang. Sebab kita bukan hendak membalas dendam atau apa-apa, Cuma kita hendak keadilan bagi semua yang pernah tinggal di Kampung Bukit Botak itu. Terima kasih.

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya, Batang Kali.

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: YB EXCO jalan perlahan, ini soalan tambahan. Soalan saya, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan terhadap pemaju yang gagal, dan apakah mereka akan diberi peluang yang kedua. Terima kasih.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang kita buat kita boleh menyenaraikan hitam mereka, bukan sahaja menyenaraikan hitamkan mereka tetapi Lembaga Pengarah mereka. Kita ada 115 pemaju yang merupakan yang tidak menjalankan tugas, lari daripada tanggungjawab, dan nama Lembaga Pengarah mereka kita ada. Apa yang kita buat, kita dah buat adalah kita telah meletakkan nama syarikat-syarikat tersebut di laman web. Jadi orang tahu syarikat mana yang telah gagal, syarikat mana yang berjaya. Tapi kita masih melihat akan implikasi undang-undang, sebab kita ingin meletakkan nama pengarah-pengarah mereka dan nombor kad pengenalan mereka. Semuanya ada, kita tunggu. Kalau kita, kita merasakan bahawa atau kita mendapatkan nasihat bahawa boleh kita lakukan tanpa apa-apa implikasi undang-undang, nama mereka juga akan diletakkan di laman web. Tetapi menjawab soalan itu, bagi pihak negeri apa yang boleh pihak negeri lakukan adalah menyenaraihitamkan mereka dan apabila datang permohonan untuk kebenaran merancang atau kebenaran pelan bangunan, kita akan melihat dengan teliti, permohonan-permohonan tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batu Caves.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Speaker, soalan 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK: KEMALANGAN DI BEKAS PASARAYA JAYA, SEKSYEN 14, PJ.

16. Kerja-kerja meruntuhkan bangunan di Seksyen 14, Petaling Jaya baru-baru ini berakhir dengan tragedi.

Bertanya kepada YAB DATO' Menteri Besar :

- a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai garis panduan dalam memantau kerja-kerja meruntuhkan bangunan.
- b) Secara umumnya dalam mengatasi masalah kemalangan di tempat kerja, apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Soalan Yang Berhormat Batu Caves adalah mengenai tragedi kemalangan di bekas Pasar raya Jaya, Seksyen 14, PJ. Tuan Speaker, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, telah mengarahkan agar Majlis Bandaraya Petaling Jaya menyediakan satu draf garis panduan perobohan bangunan bagi seluruh Negeri Selangor. Setelah draf ini disahkan di peringkat EXCO, maka garis panduan tersebut boleh diguna pakai di semua PBT di Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat, garis panduan ini telah disiapkan dan telah diluluskan pada kali pertama oleh EXCO pada minggu yang lalu, dan selepas *endorsement* akan digunakan di seluruh Selangor.

Pemantauan projek pembinaan sekarang dilakukan setelah perunding bertauliah mengemukakan Borang B kepada Majlis dan pemaju atau kontraktor mematuhi syarat-syarat kelulusan yang ditetapkan. Untuk makluman juga, sejak Kementerian Perumahan dan Tempatan meminda akta bahawa CF tidak akan lagi dikeluarkan oleh PBT, CF itu digantikan dengan satu sistem yang dinamakan CCC itu, akan dalam tanggungjawab profesional ataupun perunding-perunding. Jadi boleh dikatakan sekarang PBT tidak ada kuasa, tidak ada tanggungjawab terhadap kerja perobohan dan sebagainya. Tetapi walau bagaimanapun kita telah ada satu garis panduan kerana kita harus ada, kerana kita mendapati seluruh Malaysia, sebelum tragedi yang berlaku di pasar raya itu kita tidak ada garis panduan yang demikian. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker, soalan no. 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK: PENGURUSAN AIR

17. Hasrat kerajaan Negeri Selangor mahu mengambil alih pentadbiran air di Negeri Selangor belum kesampaian.

Bertanya kepada YAB DATO' Menteri Besar :

- a) Mengapakah air hak negeri begitu sukar untuk dikembalikan urusannya kepada negeri?
- b) Adakah ini disebabkan Kerajaan Persekutuan dan syarikat-syarikat air mempunyai kepentingan?
- c) Benarkah dikatakan tawaran kerajaan Negeri Selangor untuk mengambil alih pengurusan air sejumlah RM5.9 bilion jauh lebih rendah dari nilai sebenarnya yang ditaksirkan sebanyak RM9.7 bilion?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih, Tuan Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Bangi. Pertamanya soalan mengapakah air hak negeri begitu sukar dikembalikan kepada negeri. Jawapan ringkasnya kerana kita dah jual ataupun kita dah beri konsesi ini kepada pihak swasta. Jawapan ringkasnya. Dan oleh sebab itu kalau kita nak balik pengurusan tersebut, sudah tentulah kita kena bayar. Jawapan ini bukan saja difikirkan saja oleh masa sekarang jawapan ini sudah difikirkan lima tahun yang lepas. Bila kerajaan mengkaji semula mengenai kejayaan atau kelemahan penswastaan. Jadi apabila dia buat kajian tentang

penywastaan air yang dibuat di seluruh Semenanjung. Dia mendapati bahawa akhirnya pengguna-pengguna terpaksa membayar harga air yang begitu tinggi sehinggakan menjadi beban kepada rakyat. Sebagai contoh kalau kita benarkan SYABAS memberi meningkatkan tarif air yang seperti dalam perjanjian tersebut, tahun ini saja harga air yang pada 2005, ialah RM1.21 satu meter padu, dinaikkan pada RM1.39 pada tahun lepas, dinaikkan pada RM 1.90 pada 2009, dinaikkan pada RM2.38 pada 2014, dinaikkan, dia naik tiap-tiap tahun sehinggakan menjadi Harga RM3.84 satu meter padu. Bererti harga air Selangor ini melebihi harga minyak.

Oleh sebab itulah kerajaan Persekutuan juga memahami tentang perkara ini. Jadi di perjanjian telah dilakukan di mana negeri dan kerajaan Persekutuan bersetuju untuk meluluskan apa yang dipanggil WASIA, *Water Servicers Industri Act*. Perkhidmatan Air Negara, yang lebih terkenal Akta 655. Iaitu kita mestilah membuat susunan semula industri air di seluruh Semenanjung. Bukan saja di Selangor, di Kedah, di mana-mana tempat. Jadi dengan cara itu, dengan cara ini, kita boleh dapat membendung kenaikan-kenaikan dan pengurusan yang lebih terbaik supaya rakyat dapat membeli dan mendapat perkhidmatan air dengan harga yang sangat berpatutan. Tetapi ini sudah dilakukan, dah mula dilakukan, WASIA telah diluluskan dan Kementerian Air juga telah menubuhkan apa yang dipanggil SPAN untuk meninjau dan mengawas harga-harga air dan juga kerajaan Persekutuan telah menubuhkan satu unit dipanggil PAAB yang disebut sebagai Pengurusan Aset Air Berhad, yang mana untuk menolong negeri-negeri ini mengambil alih harta-harta yang telah diswastakan untuk ditolong perbelanjaannya ataupun pembeliannya oleh sebuah unit dalam Kementerian Kewangan. Jadi kita telah ada industri air, kita juga telah ada strukturnya.

Tapi, adakah soalnya bolehkah kita ambil alih, jawapannya kita boleh ambil alih. Tetapi pada harga yang sesuai. Jadi tujuan kita sebagai negeri Selangor, keadaannya lebih kompleks daripada di banding di Melaka ataupun di Johor, sebab kita bukan swastakan kepada satu pihak tetapi kita swastakan kepada empat pihak. Satu dipanggil ABBAS, ABBAS itu kita swastakan ialah loji pembersihan air, dan kedua kita swastakan kepada SPLASH, SPLASH adalah satu konsortium yang membuat empangan, dan air daripada empangan itu dijual dan untuk membaiki pembuatan empangan. Ketiga, ada loji besar yang kita buat diswastakan kepada PUNCAK NIAGA. Dan ketika akhir-akhir tahun lepas, kita juga swastakan apa yang dipanggil sistem pengagihan air di bawah nama SYABAS. Jadi kita ada empat. Jadi oleh sebab itu untuk menyusun semula syarikat-syarikat ini, untuk kita beli balik, supaya kita ada penyusunan semula industri air ini, kita mesti berunding dengan keempat-empat bukan satu, keempat-empat tu supaya kita dapat mengambil alih konsesi-konsesi tersebut supaya ia dapat ditubuhkan sebuah syarikat di bawah, milikan Kerajaan Negeri yang mana dapat mengurus pengurusan air itu dengan cara yang terbaik. Buat masa ini, Kumpulan Darul Ehsan yang telah dikenal pasti untuk dijadikan syarikat pengurusan air tersebut. Antara sebab-sebabnya Kumpulan Darul Ehsan juga menjadi pemilik saham dalam tiga konsesi tersebut. Satu ialah dalam Kumpulan ABBAS, dua dalam kumpulan SPLASH, ketiga dalam kumpulan SYABAS.

Jadi tujuannya, apabila kita dapat penyusunan semula ini, barulah kita dapat tubuhkan sebuah syarikat yang dapat menguasai kesemua konsesi-konsesi ini. Buat masa ini ia dalam perbincangan. Perbincangan sebab sudah tentulah orang yang memiliki konsesi itu menghendakkan harga terbaik untuk mereka. Jadi Kerajaan Negeri untuk membelinya juga mesti membuat kira-kira yang paling terbaik untuk rakyat. Jadi ada dua kumpulan, satu untuk mereka dan satu untuk rakyat.

Jadi kita dapat simpulkan di sini dalam konsesi *water services add* itu telah juga diterbitkan cara penyusunan semula itu. Kementerian telah membuat satu buku untuk cara pembelian balik apa semua dipanggil '*water tablet*'. macam dalam bahasa anu ialah "kitab" dalam kitab itu

diceritakan bagaimana cara penyusunan itu boleh dibuat. Dan untuk negeri Selangor penyusunan itu dibuat mengikut kiraan.

Pertama, kita membeli aset-aset air. Membeli aset-aset air dengan harga yang nilai aset itu dipanggil satu kali aset yang dipanggil ' *one time aset*' itu harga aset. Tapi harga aset itu tidak akan menyenangkan hati orang yang mempunyai konsesi. Sebab dia juga hendak untung. Dia tak nak rugi. Kalau kita beli aset itu, dia tidak rugi tapi dia juga nak untung.

Dan bagaimana kita hendak membahagi untung. Jawapannya: Kita membahagi untuk untung melalui ekuiti maknanya bila dia nak beli syarikat tersebut, hendak ambil alih beli dalam bentuk ekuiti. Ekuiti kita kira, setiap orang yang kita labur dalam konsesi tersebut kita kira berapa keuntungan yang boleh kita beri kepada mereka supaya ianya selesa bukan untung terlalu banyak tapi selesa. Apakah nilai keselesaan bila dia telah masuk konsesi itu. Bukan kita merampas, bukan kita *generalist* tapi kita membuat keselesaan.

Jawapannya: kita telah buat kiraan. Kiraannya kalaulah seseorang itu melabur setiap tahun dia dapat pulangan 10-15%. Saya ingat orang itu memanglah senang hati, bukan ketawa besar tapi senang hati. Maknanya dia tidak rugi dia dapat 10. Kalau pun dia masuk dalam bank sekarang dia dapat pulangan sebanyak 3%, jadi kita bahagi, jadi kiraan itu sudah kita masukkan. Dalam kiraan itulah baru kita menawarkan kepada konsesi air. Walau bagaimanapun ada setengah pihak konsesi ingin lebih baik daripada itu. Mengikut kiraan kita setengahnya mengharapkan 70% pulangan setahun. Jadi itu agak tidak menyenangkan rakyat. Bukan saya sahaja, rakyat pun kalau dia tahu dia tidak senang. Oleh sebab itu, secara terbuka kalau itu yang dikehendaki kita akan minta *agihresnt* supaya semua rakyat tahu bagaimana kira-kira tersebut.

Saya, Kementerian air, saya ambil ringkas sahaja. Kementerian air setuju dengan cara yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dan kiraan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri hampir sama. Oleh sebab itulah prosesnya dalam keadaan ini. Sebab Kerajaan Negeri berpendapat jika dengan harga yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri akan terus memberikan percuma air 20 meter padu di samping dapat mengurangkan harga-harga air yang telah diperjanjikan dengan SYABAS. Dan tidak lagi kita membeli air lebih daripada harga membeli minyak. Jadi itu kita telah adakan. Kita bawa satu pengurusan yang baru yang mana dulunya kalau kita bagi pengurusan, orang yang kita bagi konsesi itu tidak ada dalam industri air. Dia baru belajar tapi dia kenakan kita pengurusan yang sangat tinggi. Jadi itu saya terangkan begitu sukar, memang sukar, bukan satu perkara yang senang. Dua, jumlah wang yang terlibat dalam penglibatan air ini bukan sedikit iaitu sekarang 5.9 bilion sampai kepada 9.2 bilion. Jadi maknanya harga itu agak besar. Jadi bukanlah senang.

Soalan yang kedua, Adakah disebabkan Kerajaan Persekutuan dan syarikat-syarikat itu mempunyai kepentingan? Kerajaan Persekutuan tiada kepentingan tapi syarikat-syarikat itu mempunyai kepentingan. Saya berjumpa dengan pemilik-pemilik saham dan nampaknya ialah seperti orang *business* dia nak harga yang terbaik untuk mereka, walaupun dia kata dia sayang kepada rakyat. Tapi itu tidak apa.

Benarkah tawaran Kerajaan Negeri Selangor untuk mengambil alih pengurusan air sejumlah RM5.9 bilion jauh lebih rendah dari nilai sebenarnya yang ditaksirkan sebanyak dengan RM9.7 bilion. Jawapannya ialah 5.9 bilion adalah harga aset air campur dengan harga nilai ekuiti keuntungan. Tapi Kerajaan Persekutuan telah meminta Kerajaan Negeri untuk menolong menyelesaikan bon-bon ataupun pinjaman –pinjaman keempat-empat syarikat itu supaya kita selesaikan. Dengan penyelesaian itu, maknanya masalah ini akan selesai untuk syarikat tetapi

juga untuk negara. Mengapa? Setengah dari bon-bon tersebut telah di beli oleh EPF maknanya *Employer Profesional Fun* apatu syarikat penyimpan. Kalau ada kerugian maknanya ramai pekerja-pekerja akan mendapat kerugian. Jadi kita bersetuju tetapi persetujuan kita ialah mesti ada *aset back up, one time asset* jadi kalau dia punya nilai 9.2 bilion maknanya dia 5.9 bilion harga aset air dan lebih itu adalah nilai-nilai aset yang lain. Dan ini akan di audit, bukan hanya cakap saja. Tapi akan ada audit *proses due legend* dan seterusnya. Dan apabila ini selesai, Insya-Allah kita boleh mengambil alih pengurusan air dan masih lagi dalam keadaan rundingan. Dan, saya rasa dari segi negeri harga-harga yang kita katakan ini dengan rancangan yang kita adakan. Pengambilan air saya ingat boleh berlaku dan boleh menguntungkan rakyat dari keadaan yang ada sekarang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Tan Sri sila beri penjelasan sebab Yang Amat Berhormat tadi memberi jawapan bahawa sekiranya mengikut konsesi perjanjian yang dimeterai sebelum ini, harga air akan naik sampai RM3.83 pada tahun 2038 maknanya ketika itu rakyat minum minyak lebih murah dari minum air, ya. Jadi saya hendak kenal pasti perjanjian ini yang seperti ini pada ketika itu siapakah Menteri Besar yang bertanggungjawab? Siapakah Menteri Besar yang bertanggungjawab? itu satu. Kedua, kenapa pada ketika itu kerajaan di bawah Menteri Besar tersebut membuat perjanjian merugikan rakyat dan menguntungkan konsesi. Apakah puncanya. Adakah *element* rasuah, penyalahgunaan kuasa atau ada habuan yang diterima. Sekian terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Perjanjian itu dibuat oleh tiga pihak bukan satu pihak, iaitu antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan konsesi-konsesi berkenaan. Jadi, tiga pihak. Tetapi saya fikir perjanjian itu tidak kemas daripada segi *exit close*-nya. Maknanya, untuk keluar daripada persoalan itu agak kurang menguntungkan negeri. Sebab, kalau buat salah pun kita tidak boleh lepas daripada pembiayaan. Itu yang saya fikir kalau seorang *profesional* melihat perjanjian tersebut saya ingat *exit close* yang dibuat tidak diteliti dengan baik.

Tiga perjanjian itu ditandatangani oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan syarikat-syarikat konsesi, dan yang ini untuk SYABAS. Kerajaan Negeri telah menjualkan sistem pengagihan air melalui PUAS. Yang dipanggil PUAS, sekarang sudah ada lagi. PUAS sudah kepada SYABAS. PUAS itulah yang mempunyai sistem-sistem untuk mengenakan tiap-tiap pengguna tentang pelbagai perkara. *Computer system* itu yang dibuat oleh PUAS dan diserahkan kepada SYABAS.

Hari ini saya ingin meminta balik sistem tersebut kerana sistem itu milik Kerajaan Negeri. SYABAS pula tidak hendak beri sebab mereka kata itu harta mereka. Kalau kita perhatikan *Exit Close* itu saya dapati ia tidak begitu bijak ataupun tidak berpengalaman. Sebabnya saya sekarang bagi Kerajaan Negeri membuat perjanjian, saya hendak lihat daripada segi *Exit Close* sebab kita memberi kepercayaan sepenuhnya kepada orang yang kita janjikan. Apabila selesai satu keadaan mereka tidak terlupa yang perjanjian itu dibuat mengambil kira dua-dua belah pihak.

Oleh itu, saya tidak mengatakan boleh jadi urus niaga yang dibuat ini dalam konflik. Tetapi boleh jadi Kerajaan Negeri terlalu percaya kepada Kerajaan Persekutuan dan tidak meneliti hak-hak negeri dengan sewajarnya. Walaupun kuasa Kerajaan Negeri masih ada, kita boleh ke Mahkamah untuk menunjukkan perkara ini tidak betul, namun, ia memakan masa dan boleh merugikan rakyat jika perkara ini dilakukan.

TUAN SPEAKER: Bangi.

YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih Tuan Speaker. Mungkin ini dosa kerajaan BN yang lepas yang kita tidak boleh maafkan. Saya hendak tanya apakah implikasi dari segi kewangan dan ekonomi bagi Kerajaan Negeri Selangor apabila terpaksa membayar satu jumlah yang besar sampai 9.7 bilion. Tidakkah ini akan menjadikan Selangor terhutang dan mengganggu dari segi peruntukan ekonomi bagi sektor-sektor yang lain bagi kemajuan negeri.

YAB DATO MENTERI BESAR: Terima kasih, Bangi. Jawapannya ialah kalau perjanjian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri ini benar-benar dapat dilaksanakan, maka pembiayaan untuk pembelian aset ini boleh dibiayai oleh PAAB. PAAB boleh membiayai dengan nilai pinjaman oleh Kerajaan Persekutuan, iaitu dengan nilai yang sewajarnya. Kita pula ada mengambil kira berapa pulangan hasil daripada penjualan air tersebut dan berapa kos pembersihan air tersebut. Mengikut kiraan kita, ada baiknya kita mengambil alih sebab semua keuntungan tersebut kita dapat merendahkan harga air kepada rakyat Negeri Selangor. Kerajaan Negeri pula tidak mempunyai beban yang besar sebab harta aset itu bernilai. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan tidak rugi disebabkan ia mendapat harga aset yang sebenar dan kiraan kos itu dimasukkan dalam kos penjualan air: lagi kurang kosnya, lagi kurangnya harga air.

Jawapan saya adakah kita biarkan, kalau orang boleh buat dengan memberi dua puluh meter padu air percuma dapat mengurangkan kos air, kita memang bersedia untuk membuatnya. Tetapi kita dapati kumpulan swasta memang tidak dapat boleh melakukannya sebab ia ada "*effected react of return*", iaitu kadar pulangan yang ia jangkakan melebihi daripada sepuluh peratus. Tetapi kalau kadar pulangan antara lima ke enam peratus sudah menjadi kadar yang munasabah, maka dengan cara itu Kerajaan Negeri lebih baik, dan ia suatu pengajaran yang sangat besar dalam penswastan. melalui penswastan itu apa yang kita lakukan ialah kita jual aset kita dan ditambah nilai dengan harga yang besar, maka pengusaha dapat untung kerana dia jadi kontraktor. Lepas itu keuntungan campur nilai itu pulak dijamin oleh Kerajaan Persekutuan tentang pulangan. Maksudnya, dia dapat untung dua kali ganda daripada *Contraction*, dan pulangan untuk nilai yang lebih mahal diberi oleh Kerajaan Persekutuan. Inilah sebabnya kos jalan raya, kos semuanya terlalu tinggi sehinggakan sekarang boleh jadi satu undang-undang selain air untuk menyelesaikan masalah tol ini. Namun, Kerajaan Selangor bersedia untuk melakukan ini supaya menjadi pengajaran bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Dan apabila kita dapat selesaikan ini rakyat mendapat faedah daripada kerja yang dilakukan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS B. HAIRI: Yang Berhormat Tuan Speaker soalan saya soalan nombor 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK: BANTUAN SUMBANGAN KERAJAAN PRIHATIN.

18. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah status program yang telah dirancang itu.

- b) Apakah alternatif yang boleh diberikan kerana sebahagian dari mereka, pihak DUN telah membuka akaun untuk mereka.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tuan Speaker, terima kasih. Program tersebut telah ditangguhkan sehingga dimaklumkan kelak. Kita ada masalah teknikal sedikit dengan.....

TUAN SPEAKER: Program apa itu, program tersebut,

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Program prihatin di mana kita telah tanya ADUN-ADUN untuk bagi nama dengan anak-anak keluarga miskin di dalam kawasan. Sekiranya tetapi proses ini diteruskan sekiranya pelajar yang cemerlang tersebut berasal dari keluarga miskin dan mempunyai masalah untuk meneruskan pelajaran disebabkan oleh masalah kewangan, pihak DUN bolehlah merujuk kes tersebut kepada Lembaga Zakat Selangor ataupun Jabatan Kebajikan Masyarakat jugak kepada pejabat saya dan kita boleh melalui apa-apa yang telah ditanya kita boleh dengan peruntukan yang kita ada kita boleh bantu mereka. Agensi-agensi tersebut menyediakan bantuan sekolah dan pendidikan kepada para pelajar yang berasal dari keluarga miskin untuk meneruskan persekolahan mereka. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sijangkang

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS B. HAIRI: Soalan saya adakah pihak Kerajaan akan membuat pengumuman agar mereka yang terlibat tidak akan datang menagih ke pusat-pusat Khidmat Masyarakat atau pun pejabat-pejabat DUN untuk bertanyakan hal yang sedemikian sebab contohnya semalam masih ada lagi rakyat yang bertanyakan berkaitan dengan hal tersebut.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih. Ya kita akan buat satu pengumuman tetapi saya ingat program ini bukan katakan kita telah diberhentikan. Kita tangguhkan sementara sahaja sampai isu-isu teknikal yang kita ada masa itu akan diselesaikan sebelum kita akan umumkan program ini kepada rakyat sebulan lagi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. HAJI LIAS: Tuan Speaker, soalan nombor 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGGAI BURONG)**

TAJUK : PERTANIAN – PEMBAKARAN TERBUKA JERAMI PADI

19. Bertanya kepada YAB DATO' Menteri Besar:

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri mengenai pembakaran terbuka jerami padi di kawasan sawah padi?

- b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah jerebu dan pencemaran alam akibat pembakaran terbuka di sawah padi?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, Mengikut peruntukan perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti-aktiviti yang Diisytiharkan)(Pembakaran Terbuka) 2003, aktiviti pembakaran jerami padi untuk tujuan tanaman semula adalah dibenarkan dengan syarat-syarat berikut:-

- i. hendaklah dikeringkan dalam tempoh minimum selama 7 hari sebelum pembakaran;
- ii. semasa cuaca kering di antara jam 1.00 petang dan jam 5.00 petang;
- iii. dipantau dan dikawal dengan rapi;
- iv. jika asap dan habuk yang terhasil daripada pembakaran itu tidak mengganggu lalu lintas dan jika amaran yang mencukupi tentang bahaya yang mungkin timbul telah diberikan kepada pengguna jalan raya sekiranya pembakaran dilakukan berhampiran dengan jalan raya atau laluan utama yang lain;
- v. tidak menyebabkan kacau-ganggu kepada penduduk yang berhampiran atau mengganggu kebolehlihatan biasa; dan
- vi. balai polis yang terdekat telah dimaklumkan sebelum pembakaran itu dilakukan. Setakat ini aktiviti pembakaran jerami dijalankan secara terkawal.

Soalan kedua iaitu tentang langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah jerebu dan pencemaran alam sekitar akibat pembakaran terbuka di sawah padi ialah mengurangkan iaitu kita telah adakan satu program pengurusan jerami padi di mana beberapa langkah-langkah dilaksanakan seperti di mana jerami padi digunakan sebagai baja kompos, pelapik dengan izin “*feed lot*” lembu, bahan kajian untuk dijadikan makanan lembu dan bahan untuk digunakan sebagai dengan izin “*soil erosion and control*” Selain daripada itu juga ada beberapa pengusaha-pengusaha yang juga terlibat dalam program kitar semula di mana jerami padi boleh digunakan atau di kitar semula dan dibuat alat-alat seperti alat-alat makanan, kotak-kotak dekorasi dan sebagainya.

YB DATO’ MOHD SHAMSUDIN B. HAJI LIAS: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Silakan.

YB DATO’ MOHD SHAMSUDIN B. HAJI LIAS: Pertama hari ini saya ingat masalah jerebu begitu ketara sekali, semalam pun di kawasan Tanjung Karang penuh dengan jerebu jadi kalau dikatakan keadaan pembakaran jerami padi ini dikawal. Saya rasa adakah Kerajaan Negeri sedar ia juga telah memberikan *contribution* ke arah penambahan jerebu di kawasan tersebut dan apakah langkah-langkah untuk memperkatakan perkara ini. Yang keduanya saya sangat bersetujulah tentang langkah-langkah untuk mengatasi pencemaran ini melalui mengurangkan menggunakan jerami padi ini bagi digunakan perkara-perkara lain. Cuma saya ingin tanya baru-baru ini Kerajaan Negeri ada juga melaksanakan projek ternakan cacing yang bertujuan matlamatnya adalah untuk mengatasi masalah pembakaran jerami terbuka dengan menggunakan sebahagian dari jerami-jerami padi tersebut sebagai bahan input kepada penternakan cacing yang menghasilkan baja. Tetapi ternakan cacing ini telah ditutup kerana rugi. Soalan saya adakah Kerajaan Negeri telah membuat kajian, analisa kos *benefit* ataupun

kajian analisis sosial kos *benefit* walaupun projek ini rugi tetapi oleh kerana dari segi sosial kos ataupun sosial *benefitnya* mungkin menguntungkan ia seharusnya dikaji semula.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Sungai Burong. Kita memang ada masalah jerebu dan pembakaran terbuka bukan sahaja di Tanjung Karang tetapi boleh dikatakan di seluruh Semenanjung dan juga di Sabah, Sarawak. Apa yang kita benarkan iaitu mengikut perundangan Akta Kualiti Alam Sekeliling tersebut adalah khas untuk di kawasan di mana terdapat banyak Petani padi itu khas. Kita memang ada banyak perundingan dengan petani-petani tersebut supaya mereka mengurangkan pembakaran jerami padi. Walau bagaimanapun mereka telah memesan atau membuat menyeru kepada pihak Jabatan Alam Sekitar untuk membenarkan mereka membakar secara kecil-kecilan kerana mereka ingin menggunakan pembakaran tersebut sebagai baja. Namun demikian kita juga telah ada sedang menjalankan satu proses pendidikan di mana kita juga ingin menyeru dan juga mendidik mereka bahawa kalau mereka menggunakan jerami padi tersebut, seperti yang disebut tadi untuk kitar semula untuk dibuat baja kompos dan sebagainya mereka memang tidak akan rugi. Jadi ini memang merupakan satu pendidikan dan juga pendekatan yang akan mengambil sedikit masa. Buat sementara ini memang Jabatan Alam Sekitar mengeluarkan kebenaran untuk membuat pembakaran secara kecil-kecilan dan dikawal. Saya rasa apa yang sedang berlaku di berapa tempat termasuk dekat Tanjung Karang adalah pembakaran yang tidak disahkan ataupun pembakaran terbuka oleh Peneroka Tanah dan sebagainya. Ini memang satu isu yang hangat khususnya pada tahun ini kita dimaklumkan mungkin di Malaysia kita akan mengalami fenomena El-Nino. Jadi Jabatan Alam Sekitar bersama dengan semua agensi yang berkenaan termasuk Bomba, termasuk Metrologi, termasuk Pertanian dan sebagainya. Kita telah ada satu mesyuarat khas untuk menangani isu ini. Jadi kita harap apabila langkah-langkah yang kita telah setuju akan dilaksanakan jadi kita akan mengurangkan pembakaran terbuka dan juga masalah jerebu di Selangor.

Tentang soalan kedua iaitu projek ternakan cacing, saya memang bersetuju dan menyokong semua projek-projek di mana ada elemen kitar semula atau pun dengan izin "*naturals west of composting or racling*" dengan izin. Walau bagaimana pun ini memang bukan dalam bidang saya. Soalan ini sepatutnya ditujukan kepada EXCO Pertanian dan saya berharap Yang Berhormat EXCO Pertanian boleh memberi jawapan secara menulis tentang soalan-soalan yang dibangkitkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Bharu

YB TUAN WONG KOON MUN: Tuan Speaker soalan nombor 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y. B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK: PELABURAN

20. Bertanya kepada YAB DATO' Menteri Besar:

- a) Mohon dinyatakan secara terperinci perbelanjaan lengkap Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri yang telah dinyatakan dalam dewan yang mulia ini yang berjumlah RM50 bilion.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, terima kasih Kuala Kubu Bharu, yang menyoalkan tentang perbelanjaan ataupun jangkaan perbelanjaan untuk Pakej Rangsangan

Negeri yang kita nyatakan secara kumpulannya melebihi RM50 bilion. Satu perkara yang perlu diingat, kita bukan hanya bercakap sahaja kalau saudara ada masa saudara boleh datang ke Tingkat 23, di situ kita ada *Operation Room* mengenai Pakej Rangsangan. Kita ada lima (5) Pakej Rangsangan yang diumumkan pada Mac 2009, dan dimasukkan lagi satu pakej rangsangan iaitu melipatgandakan pengeluaran padi di Barat Daya Selangor. Pakej Rangsangan terawal terdiri daripada biaya pembersihan Sungai Kelang, diikuti pengambilan air pengurusan air, dan seterusnya melibatkan projek-projek pengangkutan, projek-projek pemulihan semula kawasan-kawasan hartanah yang terbengkalai, dan pembangunan semula kawasan-kawasan sekitar Petaling Jaya dan Kelang.

Bagi memahami cara angka itu diperolehi, kita mesti mengetahui tentang andaian-andaian yang kita lakukan. Sebagai contoh, untuk memberikan andaian kita sekarang menggazetkan rizab Sungai Kelang, dan dari Kuala Sungai Kelang ke sempadan Bandaraya Shah Alam yang dikuasai oleh MPK. Kawasan yang dua puluh (20) kilometer lagi kitaewartakan tanah dan kita dapati jumlah hartanah yang boleh dibangunkan antara sempadan baharu itu panjangnya seratus dua puluh (120) kilometer. Kita hanya buat kajian dua puluh (20) kilometer sahaja dahulu dari sempadan Shah Alam ke Kuala Sungai Kelang dan jumlah hartanah yang boleh dibangunkan ialah sebelah menyebelah, yang melebihi lima ratus (500) ekar.

Oleh itu, kalau saudara menggunakan sifir lima ratus (500) ekar kali empat puluh ribu (40000) kaki seekar maknanya saudara dapat dua puluh (20) *million square feet* dan kalau saudara kali dengan sepuluh ringgit sekaki, ia bersamaan dua ratus juta. Tetapi kalau saudara bangunkan sehingga menjadi Bandar Kelang di bawah harga seratus ringgit satu kaki saudara bernasib baik. Sebab itulah Sekinchan sekarang berminat tentang hartanah. Maknanya, saudara sudah sampai ke angkat dua bilion. Sebab itulah, pengandaian kita dan biasanya bukan harga seratus tetapi dua ratus jadi empat bilion. Itu andaian kita baru dua puluh kilometer. Sebab itulah kita membahagi andaian bahawa keseluruhan projek Sungai Kelang itu. Nanti Sungai Pinang perlu belajar daripada sayalah, sebab dia mungkin tidak pernah tengok Sungai Kelang, sebab itulah dia tak tahu...

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang bukan Sungai Pinang

YAB DATO' MENTERI BESAR: Ya, Sungai Panjang. Jadi jangan saudara kalau tak buat dahulu sekarang saya dah buat dah... Sebab itulah saya tunjukkan bagaimana andaian yang itu dibuat supaya saudara faham. Tak tahulah kita dah buat, besok hanya boleh kritik tapi tak boleh nak kata... Macam air juga kita dah beritahu baru harganya..Kita andaikan Sungai Kelang lebih kurang antara lima belas ke dua puluh lima bilion dan air ialah sepuluh bilion, dan tanah-tanah yang terbengkalai antara lima ke tujuh bilion kita tahu....tapi boleh jadi kita dapat lakukan untuk setengah sahaja kerana yang setengah itu lebih baik tidak diselesaikan tapi diroboh semula dan...kemudian ada Projek LRT yang kita lakukan dan diberi penerangan. Kerajaan Persekutuan sudah mula merancangkan beberapa perjalanan LRT yang ditambah dan Kerajaan Negeri menyokong usaha tersebut dan meminta untuk dipanjangkan dan mereka mengatakan projek mereka bernilai antara dua ke sepuluh bilion. Kita ada pembangunan Petaling Jaya yang kita jangkakan melebihi lima bilion. Jadi kalau saudara campur semua itu melebihi lima puluh bilion tapi untuk melihat kerja terperinci kita dah ada .. Jadi saudara kena *sign* buku sebab saudara tidak melibatkan *index bussiness transaction* dalam bahagian tersebut kalau tidak saudara dianggap orang *insider* ... Orang yang insider ini boleh dapat kepentingan. Oleh sebab itu yang akhir sekali saya nak ingatkan EXCO supaya bersetuju memasukkan dalam rangsangan itu usaha melipatgandakan keluaran padi. Kita merasakan ini penting dan saudara YB **Yaakob Sapari** boleh menerangkan nanti. Kita berharap semua wakil rakyat – tak kira parti - marilah kita tolong pesawah supaya peningkatan padi itu memberi pulangan

pendapatan yang lebih. Kita dah tunjukkan ini boleh berlaku. Maknanya, kita jangan harapkan di Sekinchan sahaja, yang sudah ada.. Jadi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tak kira dari parti mana kalau nak tengok macam mana program itu dilaksanakan supaya akhirnya peningkatan padi untuk masyarakat di Kelang, di Tanjung Karang, Sabak Bernam di Barat Daya Selangor ini dapat berhasil. Terima kasih.

YB TUAN NG SUEE LIM: Soalan tambahan, Tan Sri berkenaan dengan Pakej Rangsangan ini sebelum saya ke soalan saya ingin saya untuk tambah nilai Istana Sungai Panjang yang bernilai 2.4 juta ini sebab saya nak cari agen yang saya sendiri. Yang Tan Sri katakan itu, saya agen Harta Tanah tapi Yang Berhormat Sungai Panjang tak nak bagi kunci tak perlah agen Harta Tanah menunggu kunci. Ok tentang berapa syarikat yang minat untuk masuk Pakej Rangsangan untuk membantu pengurusan pembersihan Sungai Kelang berapakah syarikat tempatan dan luar yang berminat sila nyatakan secara terperinci? Terima kasi.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Pada masa ini sudah ada sepuluh syarikat yang berminat, iaitu tujuh dari luar negara dan tiga dari dalam negara. Syarikat dari Korea, dari Hong Kong dan dari Singapura, dan beberapa syarikat lain ada datang. Kita hendak buat beberapa perjumpaan tapisan. Kita bukan terus terima syarikat itu tetapi kita buat menerusi tender terbuka. Bagaimana projek itu dapat dilaksanakan? Kita *target* dua bulan mendatang kita nak adakan. Maknanya, kita sudah dapat menilai bagaimana Korea, iaitu Seoul dapat membuat pemulihan sungai di Seoul dengan jalan-jalan yang bertingkat-tingkat di atas sungai dibuat, dan di Singapura kalau siapa berminat boleh melihat sungai Sungai Kalang di Singapura yang dijadikan kawasan hartanah yang tertinggi nilainya dibandingkan dengania lebih tinggi nilainya untuk saudara Sekinchan nak tahu *different pricing*, dipanggil *different pricing* dan ada juga dari China yang berminat tentang perkara ini. Di China ada dua kumpulan yang pernah membersihkan sungai di Negeri China. Jadi tak ada lawatan dibuat untuk belajar cara untuk membersihkan sungai tetapi mereka datang ke sini. Bagaimanapun, saya pergi ke Singapura untuk melihat apa yang dipanggil Marina.... untuk menyelesaikan masalah kalau kita ada air pasang tinggi di laut dan hujan, kadang kita tidak dapat kawal aliran air, Saya sudah menengok program tersebut di Singapura dan sempat juga berjumpa dengan Perdana Menteri Singapura untuk berbincang daripada segi usaha yang boleh kita kongsi untuk membangunkan negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras

YB DATO' IR MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR : Tuan Speaker. Soalan No. 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK : MISI DAGANG KE LUAR NEGARA

21. Misi dagang ke luar negara adalah suatu perkara lazim yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri bagi mencari pelaburan terus asing (FDI).

Bertanya kepada YAB DATO' Menteri Besar :-

- a) Berapa banyakkah misi pelaburan ke luar negara yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri setakat ini.
- b) Siapakah yang terlibat dalam sesuatu misi tersebut dan perbelanjaan yang dikeluarkan bagi sesuatu misi tersebut?
- d) Negara manakah yang dilawati dan bagaimanakah hasil daripada misi-misi tersebut?

YB PUAN TERESA KOKSUH SIM: Tuan Speaker, bagi tempoh Mac 2008 sehingga Jun 2009 sebanyak empat misi penggalakan pelaburan ke Luar Negara telah diadakan seperti berikut:-

1. Lawatan Penggalakan Pelaburan ke Taiwan yang diadakan pada 14 hingga 21 Disember tahun lepas ia telah diketuai oleh saya dan perbelanjaan yang terlibat adalah tujuh puluh satu ribu seratus tujuh puluh tujuh ringgit perpeuluhan lima puluh enam sen. Hasil lawatan dalam misi ini ialah:-
 - Menjalinkan hubungan yang lebih erat dengan membuat kunjungan hormat ke syarikat-syarikat Induk di Taiwan yang berpotensi untuk melabur di Selangor seperti OPTI International Corporation, Taisen Elektronik Corporation, Ten Ascending Enterprise Co. Limited;
 - Memberikan pendedahan bagi mempromosikan peluang-peluang pelaburan di Selangor kepada kumpulan pelabur berpotensi di Taiwan melalui Seminar On Business Opportunity In Taipei County Selangor State 2008 yang diadakan dengan kerjasama Kerajaan Taipei County;
 - Mempelajari pengalaman dan kejayaan Taiwan membangunkan dan menguruskan kawasan Sains Park berasaskan ICT seperti Central Taiwan Sains Park, Nandang South Park dan INTRI itu Industri Technology Research Institute

Di dalam penggalakan, lawatan penggalakan pelaburan ini kita juga telah pun menandatangani beberapa memorandum persefahaman MOU antara syarikat Selangor dan Taiwan:-

1. Memorandum Persefahaman antara Dewan Perdagangan dan Perindustrian China Klang dan dengan Mr. James Khoo, Ketua Pegawai Eksekutif Bridge International Corporation untuk mempromosikan industri pelancongan antara Negeri Selangor dan Taiwan di samping usaha sama di antara dua pihak bagi menggalakkan industri pelancongan;
2. MOU kedua adalah di antara Talk Map Root dan Taiwan Bagi meningkatkan kerjasama perniagaan, pertukaran maklumat serta perkembangan perniagaan di antara dua-dua syarikat itu;
3. Ketiga ialah persefahaman. Memorandum Persefahaman antara LB Confectionary Sdn. Bhd. bersama Refusion Co. Ltd. bagi membeli produk makanan bernilai RM1.2juta daripada Syarikat LB Confectionary Sdn. Bhd. di Malaysia dalam tempoh satu tahun

dari MoU ditandatangani. Untuk makluman Yang Berhormat produk makanan yang dimaksudkan ini adalah isi *mooncake* yang dihasilkan di Malaysia.

Lawatan menggalakkan pelaburan yang kedua adalah ke Pravasi Baratia Divas 2009 dan Vibrant Gujerat Global Investor Summit 2009 di India di ketuai oleh Yang Berhormat dari Seri Andalas pada 6 hingga 14 Januari tahun ini. Kos yang terlibat adalah RM66,309.23. Apa yang dicapai dalam lawatan ini adalah kita mendapati syarikat-syarikat dari India yang berminat untuk melabur di Malaysia tetapi belum dapat cukup pendedahan dan maklumat tentang destinasi yang strategik di dalam Negara ini. Hasil lawatan ini boleh juga dijadikan landasan untuk meningkatkan perdagangan dua hala antara negeri-negeri di India dengan negeri Selangor. Selain itu ia boleh jadi satu titik mula bagi anak syarikat kerajaan negeri untuk meneroka pasaran atau projek berpotensi di India. Syarikat-syarikat di India juga tertarik dengan pembangunan di Port Klang Free Zone (PKFZ) dan potensi perniagaan di bidang logistik di Selangor.

Misi lawatan menggalakkan pelaburan yang ketiga adalah ke Negara China, He Fei dan Beijing 4 April hingga 1 Mei tahun ini yang hasil lawatannya adalah kita mendapati Negara China mempunyai dasar yang menggalakkan syarikat tempatan untuk melabur di luar negeri. Jadi para pegawai dan peniaga syarikat besar memang berminat untuk mengkaji peluang pelaburan yang sedang membangun termasuk Selangor. Kita juga mendapati kebanyakan ahli-ahli peniaga yang kita jumpa di Beijing dan di China kurang kenal negeri Selangor sebagai destinasi pelaburan di Malaysia. Oleh itu kita perlu melakukan lebih promosi di kalangan pegawai kerajaan kanan di negeri-negeri di China termasuk mempromosi peluang pelaburan di EXPO Perdagangan Antarabangsa tahunan di China dan mengadakan lebih lawatan pelbagai tempat dan seminar di China dan Kerajaan Negeri Selangor dan anak-anak syarikat kerajaan negeri perlu menyediakan pakej insentif pelaburan yang menyeluruh kepada pelabur di negeri China demi bersaing dengan Negara-negara lain di dunia.

Misi lawatan menggalakkan pelaburan yang keempat adalah lawatan ke Kuan Ming, Xi Ang dan Guangzhou pada 4 Jun hingga 13 Jun dan kos yang terlibat adalah RM99,280.36. Pencapaian kita dalam lawatan kita yang terakhir ini adalah satu rombongan yang merangkumi lebih kurang 100 orang peniaga warga China ada dalam industri *Machinery* akan menyertai *20th National Food Sassing and Exhibition* pada 23 hingga 26 Julai di PWTC. Jadi pihak kerajaan negeri Selangor akan mengadakan satu jamuan sambutan kepada mereka dan memperkenalkan beberapa kawasan perindustrian pada mereka. Dan SSIC juga akan menganjurkan lawatan tapak kepada para peniaga negeri China tersebut. Pencapaian kedua adalah pihak kerajaan *Chancy Province* telah membekalkan senarai-senarai syarikat di Xi Ang yang berminat dan berpotensi untuk melabur di luar Negara kepada kita. Jadi tindakan susulan telah dilaksanakan untuk membawa satu rombongan yang merangkumi 30 orang pegawai dari syarikat teknologi tinggi untuk melawat tempat-tempat perindustrian di Selangor dan dalam tempoh 3 bulan akan datang. Pencapaian ketiga ialah rombongan kami telah mengadakan mesyuarat dengan sebuah syarikat besar di Hian Jing yang berminat untuk melabur dalam bidang pengeluaran bahan-bahan pakai buang dengan menggunakan sisa kelapa sawit dan tumbuhan lain. Pihak pengurusan syarikat ini akan melawat Selangor tidak lama lagi. Sekiranya rundingan ini berjaya kita akan dapat menarik pelaburan yang bernilai berbilion ribu ringgit ke Selangor. Jadi hasil keempat adalah lawatan susulan di China akan diteruskan di pelbagai pameran dan sidang perdagangan untuk mempromosikan negeri Selangor sebagai destinasi pelaburan terunggul di rantau ini. Dan mengenai soalan siapa yang mengikuti rombongan misi pelaburan kita ini mereka adalah kakitangan daripada anak-anak syarikat kerajaan negeri, syarikat swasta termasuk Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian jam telah menunjukkan 11.34, dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-Undang Enakmen tambahan 2009 semua peringkat.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang atau satu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang dari kumpulan wang disatukan negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan negeri tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu dibacakan kali pertama.

YB PUAN TERESA KOK: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Rang Undang-Undang ini dibacakan untuk kali pertama.

SETIAUSAHA DEWAN: Rang Undang-Undang ini bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan negeri tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker: Oleh sebab Rang Undang-Undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga, maka saya mencadangkan di bawah peraturan tetap 78 supaya ditangguhkan peraturan tetap 48 dan 53 bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk memberi kuasa statutori bagi bayaran tertentu dibuat untuk perkhidmatan negeri tahun 2009 yang tidak diperuntukkan oleh Undang-Undang sedia ada. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Satu usul berjumlah RM1.4 bilion ataupun 1 bilion 400 juta sudah diluluskan dalam persidangan Dewan Negeri Selangor yang diadakan pada 20 Oktober 2008. Berdasarkan anggaran belanja sehingga Disember 2008 terdapat kekurangan sebanyak RM120 juta. Sehubungan itu, peruntukkan tambahan sebanyak 120 juta diperlukan untuk menampung kekurangan tersebut. Peruntukan tambahan ini diperlukan oleh Jabatan-jabatan seperti berikut.

B06 Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri sebanyak RM77,067,495.74.

B12 Jabatan Kerja Raya sebanyak RM11,200,000.00.

B29 Perbendaharaan luar jangka sebanyak RM31,732,504.26.

Bagi maksud B06 Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri tambahan sebanyak RM77,067,495.74, dikehendaki untuk perbelanjaan seperti berikut:

Sebanyak RM39,587,720.98 diperlukan bagi P01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

Sebanyak RM37,479,774.76 diperlukan bagi P12 Jabatan Kerja Raya; maksud B12 Jabatan Kerja Raya.

Tambahan sebanyak RM11,200.00.00 dikehendaki untuk membiayai kerja penyelenggaraan jalan bagi sebahagian daripada harga kontrak *Highway Civil Maintenance* no. kontrak JKR Selangor 51512008 yang berjumlah RM10 juta dan sejumlah RM1.2 juta bagi membiayai tunggakan bil lampu jalan dan lampu isyarat di jalan-jalan negeri.

B29 Perbendaharaan Negeri Luar Jangka: Sebanyak RM31,732,504.26 di bawah 4200 pembelian dalam negeri dikehendaki untuk memberi bantuan kepada pembayaran tunggakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada Alam Flora Sdn. Bhd. Kenaikan Emolumen kepada kakitangan sokongan seramai 687 orang yang mendapat kenaikan pangkat setelah berkhidmat lebih 15 tahun dan penyaluran peruntukan kepada jabatan-jabatan yang dijangka defisit pada tahun 2009. Jangkaan defisit tersebut disebabkan oleh keperluan bayaran elaun lebih masa, kadar utiliti, perbelanjaan luar jangka yang meningkat.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan penjelasan yang diberikan tadi, saya mencadangkan satu enakmen bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang yang disatukan untuk perbelanjaan tambahan pada tahun 2009 berjumlah RM120 juta dan memperuntukkan wang itu bagi maksud yang tertentu dibaca kali yang kedua.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan. Sekinchan silakan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Puan Speaker, Sekinchan bangun di Dewan yang mulia ini untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2009 pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor yang kedua belas. Kita sedia maklum dalam keadaan ekonomi yang tidak konsisten dan merudum ini telah memberi impak yang negatif terhadap pencapaian sasaran pertumbuhan ekonomi negeri. Keadaan kedudukan kewangan negeri juga mengalami sedikit penurunan walaupun menurut laporan audit keadaan kewangan negeri masih kukuh dan stabil jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain.

Puan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Kerajaan Pakatan Rakyat yang sebelum ini didakwa oleh pihak pembangkang kononnya tiada pengalaman dalam tadbir urus sebuah kerajaan tetap yakin dapat mengurus ekonomi dengan baik di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Seri sejak awal-awal lagi sudah membuat persediaan untuk menghadapi tempas kemelesetan ekonomi. Antara langkah-langkah yang telah dilakukan untuk menghadapi kemelesetan ekonomi ialah mengamalkan konsep ketulusan dan kebertanggungjawaban serta berjimat cermat, perbelanjaan secara berhemat semasa berbelanja seterusnya memastikan setiap wang ringgit, wang rakyat yang dibelanjakan itu mempunyai nilai tambah serta mencapai sasaran yang ditetapkan. Pada masa yang sama saya juga dimaklumkan bahawa kerajaan pusat juga mengalami belanja, belanjawan deposit pada tahun 2009 sebanyak 7.6%. Manakala tanggungan hutang negara adalah sebanyak 200 bilion, sebaliknya bajet yang dibentangkan oleh Pakatan Rakyat pada tahun 2009 adalah bajet seimbang iaitu sebanyak Ringgit Malaysia 1.4 bilion. Walau bagaimanapun saya menyokong satu dalam keadaan ekonomi kemelesetan ekonomi ini yang

masih berpanjangan. Satu pembekalan tambahan sebanyak Ringgit Malaysia 120 juta perlu diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor. Sementara itu juga saya telah dimaklumkan bahawa kutipan hasil Kerajaan Negeri Selangor dari bulan Januari hingga Mac berjumlah RM 277,758,158.39 telah mencatat penurunan sebanyak 18.73%. Jika pada bulan Januari hingga Mac. Jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada 2008. Setelah diperhalusi kenapa hasil kerajaan negeri berkurangan dengan angka sebegitu yang mendadak. Antara punca yang dikenal pasti ialah kemelesetan ekonomi menyebabkan ramai rakyat kita, orang awam lambat ataupun lewat membayar cukai tanah dan premium serta cukai-cukai yang lain.

Puan Speaker,

Kerajaan Negeri telah merealisasikan agenda merakyatkan ekonomi negeri Selangor dengan mengadakan program-program Skim Mesra Usia Mas. Tabung TAWAS, tuisyen rakyat, pembelian air percuma 20 meter padu dan sebagainya. Berdasarkan kos kesemua program tersebut telah menelan belanja lebih daripada RM 10 juta setahun. Tambahan pula pada tahun ini buat pertama kalinya Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor telah memperuntukkan bantuan kewangan sebanyak RM 4 juta kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan RM 4 juta juga untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil serta RM 4 juta untuk diberikan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR). Pada masa yang sama sebanyak RM 2 juta disalurkan kepada sekolah menengah persendirian. Sebab sebelum ini Puan Speaker sekolah-sekolah ini tidak diambil berat walaupun ada sedikit peruntukan daripada kerajaan pusat tetapi kerajaan negeri di bawah pimpinan kerajaan yang lepas tidak begitu peka terhadap keperluan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil dan Sekolah Agama Rakyat. Lebih-lebih lagi, lebih-lebih lagi sekolah persendirian sering kali meminta bantuan hanya diberikan sewaktu saya telah beberapa kali menerangkan di dalam Dewan yang mulai ini hanya akan diberikan peruntukan sewaktu menjelang musim pilihan raya mahu undi baru datang. Kalau tak undi tak jumpa batang hidung. Ah inilah sikap kerajaan yang lalu dan saya lebih sedih sebagai seorang yang bukan Islam saya diberitahu Sekolah Agama Rakyat yang rata-ratanya daripada murid beragama Islam dan Sekolah Agama Rakyat ini di Selangor kebanyakan eh keadaan sekolahnya begitu uzur dan tidak diberi pertolongan oleh kerajaan yang lalu. Dan Kerajaan sumbangan dan bakti Sekolah Agama Rakyat ini telah melahirkan ramai juga modal insan yang berkualiti tinggi untuk berkhidmat untuk dan kerajaan negeri Selangor. Tetapi kerajaan Barisan Nasional dan UMNO tidak memberi pertolongan kepada Sekolah Agama Rakyat. Saya dimaklumkan oleh kawan-kawan bahawa kita katakan, selalu kita katakan, kita tekankan Yahudi ini zalim saya nampak dalam keadaan sesama Islam pun kita tak Bantu Sekolah Agama Rakyat. Saya nampak Barisan Nasional UMNO lebih zalim daripada Yahudi.

Puan Speaker,

Saya percaya kerajaan negeri masih mampu dan sanggup berbelanja demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat, walaupun terpaksa menghadapi tekanan daripada kerajaan pusat yang mengagihkan banyak peruntukan-peruntukan yang sepatutnya ye disalurkan kepada kerajaan Negeri Selangor oleh kerana rakyat dah mendukung, mengangkat kerajaan Pakatan Rakyat pada 8 Mac 2008 yang lalu, kerajaan pusat telah bermain kotor dan tidak menghormati prinsip amalan demokrasi seperti yang tertera di dalam Perlembagaan di mana hak-hak Rakyat Negeri Selangor dinafikan begitu rupa dengan tidak memberi peruntukan dan sengaja disekat dan peruntukan itu kalau beli pun disalurkan menggunakan agensi kerajaan pusat yang lain. Inilah satu diskriminasi yang cukup jelas daripada Barisan Nasional. Saya minta rakyat buat satu hukuman lebih berat pada pilihan raya akan datang kepada Barisan Nasional yang tidak menghormati tidak reti tentang prinsip demokrasi yang rakyat pilih kerajaan. Kerajaan sudah

dipilih tetapi dia membuat sesuatu bertentangan dengan hasrat pengundi pada pilihan raya inilah satu dosa yang besar.

Puan Speaker,

Demi rakyat kita sanggup, kerajaan negeri sanggup untuk berbelanja selagi dengan apa keadaan kewangan yang ada walaupun tidak semewah seperti kerajaan pusat yang sering kali melaksanakan banyak-banyak projek yang sebelum ni kita nampak. Ya wang kita sepatutnya kita bayar *incometax* yang banyak, cukup pendapatan yang banyak kepada kerajaan pusat. Saya nak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa Selangorlah ini membayar cukai pendapatan yang paling tinggi kepada kerajaan pusat, sewajarnya sebagai ketua pembangkang Sungai Panjang bekas Menteri Besar 8 tahun ya, mestilah bagi tahu pusat Selangor mesti diberi pertolongan, diberi peruntukan yang sewajarnya. Itu baru patut. Tapi tak tahu apa peranan yang dibuat dalam perkara ini.

PUAN SPEAKER: Apa cadangan Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Ah. Cadangan saya agar peruntukan-peruntukan yang wajib kepada PLB daripada PLB Kementerian Luar Bandar dan Perumahan patut disalurkan kepada kerajaan negeri seperti dulu. Jangan ujud eh penyekatan-penyekatan sebab rakyat sekarang sudah matang. Rakyat Negeri Selangor sudah faham. Mereka tahu apa yang kita lakukan. Jangan kerana kita melakukan sesuatu nampak orang tak nampak tetapi Tuhan nampak apa yang kita buat. Walaupun kita boleh berselindung.

PUAN SPEAKER: Nampak orang tak nampak tu butalah.

YB TUAN NG SUEE LIM: Ah.

PUAN SPEAKER : Buta

YB TUAN NG SUEE LIM : Ah itu memang begitulah tarifnya. Puan Speaker, saya juga ingin membangkitkan beberapa projek gajah putih ya dana-dana yang disalurkan kepada kerajaan negeri Selangor kadang-kadang diuruskan oleh kerajaan pusat, banyak ujud projek-projek gajah putih. Kalau dibagi kat kerajaan negeri Alhamdulillah saya percaya dan yakin kerajaan Negeri Selangor ini mampu mengurus dan berbelanja dengan berjimat cermat. Dan kita pastikan tiada projek buat *elephant project*, dan kalau tokoh yang paling hebat dengan gajah putih ini tidak lain dan tidak bukan Yang Berhormat Sungai Panjang. Di kawasan Sungai Panjang dua tiga projek gajah putih. Banyak sekali dah saya sebut. Saya tidak mahu *detail* lagi, yang penting sekarang kita nampak bagaimana pembaziran wang rakyat, pemborosan wang rakyat jadi *fork lane free zone* menurut laporan audit, sebanyak RM 12.9 bilion berkecai entah ke mana. Sampai sekarang tuduh menuduh tidak tak ada pun satu seorang individu yang bertanggung jawab di dakwa dikenakan tindakan ataupun didakwa di mahkamah tak ada. RM 12.9 bilion lesap begitu saja dan RM 12.9 bilion ini 5 kali ganda skandal Bank Bumiputra Finance pada tahun lapan puluhan. Dulu 25, RM 2.5 bilion saja tapi sekarang ini 5 kali ganda. Begitulah wang rakyat dibelanjakan dan baru-baru ini kita nampak satu contoh yang nyata saya tidak mahu menuduh, saya pun tidak mendoakan perkara ini sebegitu berlaku. Kita tidak ada hasrat yang begitu. Ya, buruk sangka jahat dan tidak tiba-tiba tak ada hujan, tak ada angin, suasana ceria, cuaca terang tiba-tiba pagi stadium di Kuala Terengganu ranap dan runtuh. Saya pun hairan bangunan tu boleh ranap dan runtuh. Sekinchan tak ada sampaian suruh runtuh tak ada. Ya minta maaf. Saya *clear*kan di sini Sekinchan tak ada sampaian minta runtuh tak ada. Tapi dia runtuh sendiri. Ini petunjuk

Tuhan. Tuhan maha kuasa, sependai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh juga. Jatuh. Jadi Tuhan sudah memberi petunjuk kepada kita bahawa apa yang diselindungi, penyalahgunaan kuasa, perasuah tidak dapat ditutup lagi. Akhirnya akan timbul kepada rakyat. Rakyat akan tahu. Ah ini kuasa Tuhan. Saya bersyukur kepada Tuhan begitu maha kuasa.

Puan Speaker,

Saya amat setuju dengan konsep ketulusan, amanah dan kebertanggungjawaban yang di praktikkan oleh Yang Amat Berhormat Tan Seri dengan mengumpul perolehan gaji dan elaun yang diterima oleh Dato' Menteri Besar dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri EXCO Selangor bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dan pertikaian serta keraguan pada masa hadapan. Seperti apa yang berlaku ya Kerajaan Negeri Selangor telah membuat pengumuman di *web site* berapa pendapatan, berapa elaun dan gaji EXCO, perisytiharanlah, pengumuman, perisytiharan harta dan Yang Amat Berhormat Tan Seri pun bagi tahu Menteri Besar gajinya fulusnya sebulan *kiro* pinta berapa, dengan izin berapa, lebih kurang RM 48 ribu sebulan. Tetapi saya hairan Puan Speaker, saya cukup hairan, sebab baru-baru ini saya dedahkan satu Istana Bali *style* milik Yang Berhormat Sungai Panjang ini saya anggarkan bernilai RM 24 juta telah didirikan di Seksyen 7, Shah Alam, Seksyen 7 Shah Alam dengan keluasan tanah 52 ribu 221 kaki persegi dan saya tahu pada penggal yang lepas, saya sebagai pembangkang duduk di situ ya sebelah-sebelah, saya duduk di situ. Ya, Yang Amat Berhormat sebagai Menteri Besar 8 tahun, lapan tahun lapan tahun, gaji kalau 28 ribu kali dengan 18 bulan satu bulan RM 576 ribu. Ini kira-kiraan anak saya darjah 5 pun boleh tahu. Darjah 3 pun tahu. RM 576 ribu satu tahun. Itu pun makan minum *ngeseng*, *ngeseng* itu beraklah semua ditanggung oleh kerajaan.

PUAN SPEAKER: Sekinchan bahasa rasmi dalam Dewan ialah Bahasa Malaysia

YB TUAN NG SUEE LIM: / minta maaf Puan Speaker, saya minta izin. Dengan izinlah.

PUAN SPEAKER: Ah dibenarkan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Ah jadi makan minum ya satu sen pun tak payah pakai, untung bersih, Sekinchan berniaga mini market tak ada untung bersih, dia kena ada kasar dulu tolak berapa barang masuk, baru untung berapa itu berniaga. Tapi ini untung terus. Nak kena bayar cukai pendapatan.

PUAN SPEAKER: Mesti belajar daripada Sungai Panjang kalau begitu.

YB TUAN NG SUEE LIM: Ah.

PUAN SPEAKER: Untung selalu.

YB TUAN NG SUEE LIM: Wah itu lain cerita. Nah jadi satu tahun tak perlu belanja satu sen. *Shopping* pun kerajaan tanggung sebab RM 48 ribu net bersih untung bersih kali dengan kali dengan 8 tahun. Saya kira-kira pakai matematik walau saya belajar tak berapa tinggi sangat seperti yang didakwa oleh Sungai Panjang. Kalau saya lawan Doktor Gigi saya kalah. Kalah dari pelajaranlah tapi dari segi perkiraan belum tentu, cabut gigi dengan berniaga tu lain.

Puan Speaker,

Jadi dalam tempoh 8 tahun itu lebih kurang RM 4.6 juta pendapatan bersih...bersih...RM 4.6 juta kalau kita bagi *interest* sebab Orang Islam tak boleh *interest*. Yang Berhormat-Yang Berhormat Gombak Setia Orang Islam kalau *interest* tak boleh riba boleh riba... tak boleh juga....riba....jadi lebih kurang dari situlah saya bagi RM 1 jutalah...jadi RM 4.7 juta bagaimana dengan duit itu boleh memiliki satu banglo *exclusive Bali style* ala istana lebih besar daripada Allahyarham Zakaria kawan saya dulu. Lebih besar daripada istana dia sebab ini lagi besar RM RM 50 ribu kaki persegi panjang saya anggarkan *estimate* RM 24 juta masya-Allah besarnya...ini satu. Yang ke 2 saya dah kira-kira daripada dalam surat khabar saya tahu YB Sg. Panjang yang mengatakan dia punya niaga besar, niaga besar tahniahlah syabaslah niaga besar dia pandai memang dia syabas tahniah kita tiada perasaan sebarang perasaan hasad dengki dan iri hati sebab dalam Islam itu di tegah tidak boleh jangan hasad dengki dan iri hati. Kurang orang pintar kurang pandai kita tahniah tapi kalau daripada kita gunakan cara tak betul kita kena tegur itu kena kritik ya menyatakan sebelum menjadi ADUN saya tahu sebelum dia duduk di kampung sebelum jadi ADUN sebelum Doktor Gigi di Kajang Klinik di Kajang tiap-tiap hari beratur panjang. *Customer* dia beratur panjang klien untuk cabut gigi maknanya ada 2 kemungkinan satu betul-betul dia memang cabut gigi. Nombor 2 orang Kajang ini hari-hari tak tahan hari-hari kena cabut. Ini saya pening kepalalah. Gigi dia tak tahan hari-hari kena cabut. Orang Kajang siapa dari Kajang YB Kajang. Ini masalah cuba balik bagi pendidikan orang-orang Kajang supaya gosok gigi pagi, petang, malam kalau tidak gigi cepat rosak. Nanti banyak hutang YB Sg. Panjang sebab kena beratur. Ini dia. Saya tak tahulah saya minta penjelasan kenapa hendak lantik saya jadi agen. Tuan Speaker saya sangguplah 50% banyak tu lumayan. Kalau ini rezeki jangan ditolak. 50% jadi saya minta kunci bagilah kalau ada kunci alhamdulillahlah saya ada *buyer* pergi tengok. Saya minta itu dia. Jadi kita tengok contoh-contoh bagaimana Menteri Besar daripada Pakatan Rakyat di Kelantan 20 tahun menjadi Menteri Besar Tok Guru Nik Aziz 5 penggal, 5 penggal bantuan pusat di sekat di sini sana syukur alhamdulillahlah Tuhan Maha Kuasa tetap dengan kemenangan Tok Guru hingga sekarang masih duduk di rumah kampung. Berbanding dengan contoh *ikon* daripada Barisan Nasional jauh berbeza. Puan Speaker inilah contoh rakyat tahu menilai apa cara pemborosan dan urus tadbir. Puan Speaker saya hendak teruskan dengan beberapa perkara yang berlaku tentang pengurusan Kerajaan Negeri. Dalam kita menegur Orang Melayu kita tegur sendiri contoh saya minta pemprosesan tanah dan permohonan pemberi pelupusan pembermilikan tanah, tukar syarat dan sebagainya di semua Pejabat Daerah di bawah YAB Tan Sri dapat dipercepatkan, diperlicin supaya bersistematik. Sekarang ini saya nampak pengamatan saya maklumlah kita baru 1 tahun 17 bulan, 17 tahun *confirm*lah

TUAN SPEAKER: Tersasullah Sekinchan...tersasul ya....

YB TUAN NG SUEE LIM: Tersasul 17 tahun *confirm* akan ditambah usul akan di tambahkan ya...lebih 5 penggal tiada masalah. Jadi 17 bulan baru kita stabil ada banyak kelemahan yang perlu kita perbaiki. Jadi saya minta sekarang ini sebab ada dengar-dengar daripada orang ramai, daripada kontraktor mengatakan proses permohonan ini agak lambat. Terlalu banyak birokrasi. Kadang-kadang permohonan banyak terpaksa menunggu bertahun-tahun 2 tahun 8 bulan, 10 bulan subuh-subuh tak jadi-jadi. Jadi saya minta sebab kelewatan ini jugalah akan menyebabkan hasil Kerajaan Negeri berkurangan hendak tak hendak kita terima hakikat ini saya minta YAB Tan Sri betul-betul beri perhatian khusus untuk selesaikan kelewatan seperti ini. Jadi kita hendak mesra kontraktor mesra peniaga supaya pembangunan ekonomi kegiatan ekonomi di Negeri Selangor semakin giat semakin lancar dan Negeri Selangor semakin maju ke depan. Ini hasrat Kerajaan Pakatan Rakyat. Jadi saya ada juga satu kes saya nampak sekarang ini masih ada pegawai kerajaan ataupun kakitangan kerajaan yang masih leka atau

kurang fokus. Saya pada persidangan yang lepas saya sudah beri tahu tolong perbaiki semua yang elok yang baik puji dan kita beri pengiktirafan yang lemah kita kena beri teguran. Misal kata saya terpaksa dalam Dewan yang mulia ini, saya terpaksa beri tahu masih ada surat-surat daripada EXCO kepada Ketua-ketua Jabatan khususnya di Pejabat Tanah ya.. kepada Tuan Pegawai Daerah yang tidak diendahkan 2 bulan tidak dibalas. Contoh Pegawai Daerah daripada Gombak surat daripada EXCO 2 bulan tidak dijawab ini tidak mencontohkan *efisien* dan *efektifnya* satu pentadbiran. Jadi saya minta kelemahan ini kita perbaiki. Kalau hendak tuduh menuding jari siapa salah tiada kesudahan. Tapi kita baiki kita kena pasti kita bertaubat supaya lebih pentadbiran pengurusan tanah permohonan ini akan lebih baik saya harap begitu. Kalau tidak persidangan akan datang ini bukan ayat-ayat seperti ini kita akan pantau supaya ada peningkatan dari masa ke semasa. Dan seterusnya saya juga baru-baru ini oleh kerana kita hendak siasat kena pasti istana daripada Sg. Panjang berapa besarnya kan. Terpaksa saya pergi ke Pejabat Tanah dan Galian khususnya di bawah tempat Pendaftaran, Pemberimilikan kutipan hasil saya tengok suasana kerja di situ saya pantau sendiri ruang kerja begitu sempit, ruang kerja tidak selesa fail dokumen di letak sini sana setinggi gunung pun ada tiada tempat lain untuk di letak. Saya tanya pegawai kenapa letak begitu. Karang orang ambilkan tempat tak ada nak buat macam mana. Saya pantau-pantau betul juga. Tempatnya sempit. Jadi saya mintalah YB kita kalau benda ini sempit ruang kerja tidak selesa kita kena cari sama ada kena pindah atau sebagainya kalau tidak pegawai kita tidak selesa kerja nanti pelanggan datang berurusan dengan mereka pun tak selesa. Sebab apa ini secara automatik tempat kerja pun dah teruk lintang pukang kelam kabut macam mana kita hendak layan pelanggan dengan baik hendak senyum macam mana tak boleh ini penting. Saya minta ini diberi keutamaan. Dan seterusnya saya hendak bicara sedikit Puan Speaker tentang masalah-masalah di daripada 2 sektor yang penting di Sekinchan, Sg. Panjang pun tapi jarang-jarang Sg. Panjang utarakan tapi tak apalah saya tolong suarakan. Masalah nelayan-nelayan di persisiran pantai Kuala Selangor, Sekinchan, Sabak Bernam dan Sg. Besar ini semua kawasan penempatan nelayan. Selama ini mereka meminta bot-bot permit B bot permit B mereka minta yang beroperasi di luar batu 5 nautika yang beroperasi di perairan Zon B selama ini mereka minta agar mereka menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja nelayan, orang-orang tempatan ada tapi kurang ya dan ada yang tidak berminat untuk menjadi nelayan jadi selama ini mereka menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja dan meminta perkara ini banyak kali dipanjangkan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Menteri Pertanian semua dipanjangkan macam-macam dipanjangkan sampai mana pun tak tahu hingga sekarang tiada satu respons. Jadi saya minta EXCO Pertanian boleh tolong siapkan surat-surat untuk di hantar kepada Menteri Pertanian yang baru Ahli Parlimen Tg. Karang YB Noh Omar agar diberi tahu supaya bantulah kalau dulu Menteri kita Menteri Pertanian di Kelantan jauh susah hendak bantu jauh tapi sekarang dia dekat di Tg. Karang. Lagi-lagi dari Barisan Nasional ini susah sikit ini kadang-kadang Barisan Nasional tak berapa hendak sangat itu tak apalah itu jangan ikut parti untuk bantu nelayan kita sama-sama. Cari pendekatan sama ada boleh kita izinkan kalau kita tak dapat 2 orang kita izinkan satulah pekerja asing bagi mereka. Bukan kita hendak galakkan pekerja asing masuk secara tidak sah tidak bayar dengan permit kalau tidak ada permit tangkap tapi bagi kelulusan kurang-kurang satu. Tapi sekarang ini tak boleh mereka curi-curi saya tahu curi-curi sering kali di saman oleh Merin oleh Perikanan sebagainya macam-macam jadi saya mintalah perkara ini dipanjangkan. Dan perkara ke yang 2. Banyak bantuan-bantuan daripada Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pertanian dan Perikanan untuk bantu nelayan. Baru-baru ini tak lama dia setahun 2 di umum subsidi hasil ikan 10 sen satu kilo. Kalau hari ini saya keluar laut tangkap 50 kilo saya dapat RM 5 kalau kita ada buat rekod. Kalau buat pendaftaran dapat RM 5. Kalau saya dapat 500 kilo saya dapat RM50.00 macam itulah lebih kurang. Jadi sampai sekarang ramai lagi membuat komplain rungutan berbulan-bulan bertahun-tahun sehingga setahun 2 tak dapat indah khabar daripada bayangan bagaikan melepaskan batuk di tangga tapi duit tak sampai. Jadi perkara ini juga sampai dengan surat YB

EXCO walaupun ini bukan bidang kuasa kita tapi kita bagi sebulan kita bagi 2 surat satu tahun bagi 24 surat supaya dia faham sampai faham sampai faham dan betul faham kita bagi minta tolong itu masalah nelayan perikanan di kawasan Sabak Bernam, Kuala Selangor. Dan saya nak timbul sikit tentang padi saya ucapkan tahniah kepada YAB Tan Sri dan YB EXCO Pertanian rajin turun saya tahu...oooh...orang kampung cakap YB EXCO turun lagi turun lagi minggu lepas turun lagi ini betul saya kena sanjung *inisiatif* dari YB EXCO Kota Anggerik ini sebab dia minat dengan pertanian saya pun minat pertanian saya turun dia turun. Saya turun lain tempat dia turun lain tempat ke padi sahaja. Sebab dia hendak projek perintis untuk meningkatkan hasil padi dan alhamdulillah memang ada peningkatan dan saya syorkan cadangkan projek ini diperbesarkan, diperbanyakkan dengan dana yang ada dan sekarang ini timbul satu masalah timbul satu masalah saya dengar sebab sekarang di pasaran harga padi di Sekinchan, Sg. Panjang, Sabak Bernam di sekitar jelapang padi di Negeri Selangor alhamdulillah selepas 8 Mac yang lalu tukar selepas kerajaan ini daripada bantuan semua pihak memang sudah naik ia sekali ganda. Dulu 70 kita bising kita buat demonstrasi sebab tak cukup sekarang naik sampai 130 – 140 itu berkat daripada sokongan semua. Jadi masalah harga padi dah boleh di terima oleh petani di situ tapi masalah lain yang timbul subsidi beras di pasaran 17 % kandung hancur 17 persen itu. Jadi mana Kementerian Pertanian banyak memberi subsidi kepada pekilang-pekilang yang menghasilkan beras-beras ini tetapi saya dengar cerita baru-baru ini subsidi ini telah disalahgunakan dia tidak agih kepada banyak mana-mana pekilang yang buat menghasilkan beras 17 persen. Dia hanya akan saya dengar cerita akan diberi kepada satu syarikat saja untuk monopoli subsidi tersebut. Sekiranya keadaan ini hakikat ini benar saya minta Kerajaan Pusat bagi tahu Kerajaan Pusat tolong bagi tahu Menteri Pertanian tolong jangan bagi monopoli kalau boleh agih-agihkan sebab saya percaya mana-mana bisnes

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Bagi laluan..minta lalu...

YB TUAN NG SUEE LIM: Oh...bagi-bagi...

PUAN SPEAKER: Dusun Tua

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Terima kasih Puan Speaker. Saya pun peliklah YB Sekinchan daripada tadi saya dengar asyik bercakap perkara tentang Kerajaan Persekutuan hari ini kita berada di Persidangan Dewan Negeri jadi saya rasa tak perlulah kita bincang perkara yang boleh melibatkan Kerajaan Persekutuan ramai Ahli Parlimen kita dekat sini YAB Menteri Besar dari Ahli Parlimen boleh sampaikan jadi jangan buang masa kita dalam Dewan ini kita bincangkan yang melibatkan Kerajaan Persekutuan. Saya minta Puan Speaker. Terima kasih.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih dari yang Dusun Tua ya...terima kasih saya ambil maklum tentang itu. Tapi oleh kerana sikap Kerajaan Pusat yang bantu sambil lewat itu yang jadi masalah kalau dia tak ada masalah saya tak akan timbulkan masalah kalau di betul-betul bantu selesai tanpa apa-apa penganugerahan subsidi kepada monopoli saya tak akan timbulkan kalau boleh selesai tak masalah tak jadi isu tapi oleh kerana saya nampak

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Puan Speaker saya rasa YB ini tidak faham apa yang saya cakap ini...

YB TUAN NG SUEE LIM : Ya..ya..cukuplah..

YB TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Ni, apa dia cakap ni.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Ya! Ya! Saya dah cukup dah.

PUAN SPEAKER : Kita dengar penjelasan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Saya faham tak faham itu terpulang, tapi yang pentingnya kalau nak berbahas atau tidak ada peluang ya, nanti Puan Speaker akan beri dia laluan yang lebihlah, supaya dia pula yang boleh cerita apa itu tidak ada masalah. Puan Speaker, jadi soal monopoli itu kita minta jangan ada monopoli, ya, jangan macam kita kena ambil iktibar pembelajaran daripada penswastaaan seperti air, monopoli, seperti TNB, monopoli, seperti *highway*, ah! Lebuhraya Utara Selatan, monopoli juga oleh satu syarikat. Banyak lagi projek-projek macam Bernas, monopoli, pengimport beras dari luar negeri. Semua monopoli, jadi akhirnya rakyat yang susah. Jadi kita tidak mahu, kalau boleh diagih-agihkan dan seterusnya.

PUAN SPEAKER: Saya ingat dah nak gulung dah.

YB TUAN NG SUEE LIM: Ah! Nak gulung ke, ada masa banyak kan. Sampai hari minggu depan. Jadi saya sangka boleh sampai boleh diizinkan berbahas sampai pukul sepuluh nanti. Tak ada masalah ya. Puan Speaker boleh minta izin lah.

PUAN SPEAKER: Sekinchan kena beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat yang lain.

YB TUAN NG SUEE LIM: Oh! Boleh, boleh, jadi ada sedikit, jadi saya gulung untuk masuk *gear* tiga untuk gulung ya! *Gear* tiga untuk gulung. Tentang masalah di ah! Berapa masalah tentang kekurangan rumah-rumah perumahan, projek perumahan di Sekinchan di DUN Sekinchan ini. Tapi di Sabak Bernam cukup. Di Kuala Selangor, cukup. Di Tanjung Karang, cukup. Tapi di Sekinchan ini rumah tak cukup, ah! Kalau tak percaya saya cabar bina rumah dua tingkat 300 unit boleh jual. Sebab sekarang saya agen harta tanah. Ah! Sebab dilantik oleh YB Sungai Panjang untuk jual istana. Jadi sekarang saya sebagai agen tanah ni saya tahu 300 rumah di Sekinchan pun tak cukup. Sebab permintaan dah banyak. Walau pun tidak secara bertulis. Tapi pejabat saya sering menerima aduan. Permintaan daripada penduduk, anak-anak mereka yang baru mendirikan rumah tangga baru nak *rabi* (jawa – kahwin) baru lepas rumah tangga tidak dapat, tidak dapat duduk dengan pak mertua, mak mertua, atas sedikit salah faham. Dan mereka perlukan rumah. Tetapi nak beli rumah tak ada terpaksa keluar daripada Sekinchan. Ah! Ini banyak perkara terpaksa termasuk baru-baru satu kes yang berlaku di Kg. Baru Site A di mana terdapat permintaan daripada penduduk di situ mahukan satu perumahan di situ. Walau pun tak besar, 80 biji rumah 60 biji pun jadi, janji ada rumah. Kalau tidak ramai akan pindah daripada Sekinchan. Dan Sekinchan penduduk akan bertambah kurang. Ha! Ini yang jadi masalah. Dan saya boleh *confirm* kalau rumah di Site A 60 pun tak cukup jual. Dengan harga 250,000.00 pun habis. Ah! Ini permintaan yang luar biasa di DUN Sekinchan. Jadi saya minta Yang Amat Berhormat, kalau boleh ya banyakkkan, tengok mana-mana di Sekinchanlah yang boleh kita proses supaya rakyat dapat memiliki rumah yang mereka kehendaki. Sekarang, mereka tengah tercari-cari rumah. Ini satu. Yang kedua, saya juga terima surat daripada Persatuan Dewan Perniagaan Cina Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam yang baru-baru ini telah meluluskan satu usul meminta kawasan Sabak Bernam khususnya Sekinchan diadakan satu tapak perindustrian. *Small Medium Enterprise* (SME), ya! Di situ kerana di Sekinchan setakat ini saya cari-cari pun tak ada satu kawasan yang khusus untuk SME. Jadi, kalau ada ramai SME ini akan masuk ke Sekinchan untuk mengusahakan hasil-hasil laut dan sebagainya. Tapi sekarang tak ada satu tempat. Dan di kampung-kampung baru Site A, Site B, Site C ada kampung-kampung yang, ada kilang-kilang, kilang-kilang, kilang yang *illegal* tanpa izin yang sampai sekarang ini tidak bisa saya selesaikan. Sebab apa, tak ada tempat hendak menempatkan mereka. Kalau ada satu tempat di mana, di Sg. Lang. 40

kilometer daripada Sekinchan. Tak patutlah kita panggil dia pergi 40 kilometer. Jadi, terpaksa keluar, kita cari di sekitar Sekinchan, jadi saya minta pihak UPEN. Kalau boleh tolonglah, bantulah, ya! Cari satu tempat 5 ekar pun jadilah, 6 ekar pun jadilah. Atau pun 10 ekar. Sekurang-kurang ada untuk ditempatkan. Jadi baru boleh kita merealisasikan pemutihan kilang-kilang ini. Kalau tidak, cakap saja kita *ngak* bisa lakukan. Itu permintaan saya. Jadi, para akhir saya menyokong, ya! Rang Undang-Undang Pembekalan Tambahan sebanyak RM 120 juta ini. Moga-moga, ya! Kedudukan kewangan Negeri Selangor pada masa akan datang akan bertambah stabil dan hasil kerajaan Negeri akan bertambah. Insya-Allah. Sekian. Terima kasih.

PUAN SPEAKER: Terima Kasih Sekinchan. Ya! Sg. Panjang.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Terima kasih Puan Speaker kerana memberikan keizinan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan perbelanjaan tambahan bagi tahun 2009 yang berjumlah RM 120 juta yang telah dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Ijok sebentar tadi. Puan Speaker. Kita lihat ekonomi global hari ini dalam keadaan yang begitu bermasalah. Dan kita lihat juga usaha-usaha telah dibuat untuk meningkatkan keupayaan dunia mengawal resesi daripada terus berlaku dan menjerumuskan banyak negara jatuh kepada kebangkrapan. Begitu juga berlaku kepada negara kita yang mana tindakan bijak telah diambil oleh kerajaan Barisan Nasional dengan meluluskan *package stimulus economy* sejumlah RM 60 bilion, yang hari ini nampaknya dapat menahan daripada negara jatuh kepada keadaan resesi yang amat berat dan saya lihat tanda-tanda positif semakin kelihatan dan negeri Selangor juga tak dapat dinafikan mengalami masalah ini. Ditambah lagi dengan konsep pentadbiran ekonomi andaian yang bermasalah. Puan Speaker, kalau kita lihat andaian FDI Kerajaan Negeri adalah RM 15 bilion dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, tapi saya difahamkan tak sampai pun RM 4 bilion realitinya. Inilah bahayanya politik andaian, atau pun ekonomi andaian. Dan kita melihat juga tentang banyak lagi andaian-andaian yang diberikan selama hari ini yang kita amat kesal kena kesannya tidak dapat dinikmati. Saya ambil contoh andaian, andaian pendapatan pasir RM 150 juta hingga RM 200 juta. Saya tidak dapat *figure* yang jelas, yang mana satu. Semalam Pegawai EXCO mengatakan pendapatan hasil jualan RM 22 juta. Saya hendak tanya berapa pendapatan bersih. *Net profit* yang masuk akaun negeri. Saya difahamkan tak sampai pun RM 10 juta. Bagaimanakah kerajaan negeri mengandaikan. Cukup jauh RM 150 juta realitinya RM 10 juta. Dan inilah di antaranya tadi bila Sijangkang kata kenapa tidak dapat diteruskan projek kerajaan prihatin kerana kita sudah kekurangan kewangan. Bukannya teknikal nak beri pelajar-pelajar universiti duit seribu saya tak ada *technical problem*. Dia bawa surat tawaran jumpa kita, kita bagi daftar nama jangan ulang dua kali tetapi ini realitinya. Kita bergantung kepada andaian. Saya cukup bimbang Puan Speaker bukan saya nak, nak kata apa, ekonomi andaian inilah yang mengambil masalah. RM 50 bilion andaian yang diberikan, tetapi realitinya di mana. Puan Speaker, kita harus ingat kepada Yang Amat Berhormat, kita hormat beliau sebagai tokoh korporat kerana banyak andaianlah Ijok terpaksa dikeluarkan oleh Guthrie dan hari ini berhadapan dengan berjuta hutang-hutang dan saman bankrap oleh Bank Islam. Saya tak hendak pengalaman ini berlaku di negeri Selangor. Kerana andaian. Andaiannya begitu realitinya lain. Dan akhirnya rakyat akan menghadapi masalah. Saya ambil contoh Puan Speaker kita berbelanja RM 400 ribu ringgit yang kita bayar kepada satu konsultan *Task Force* Tanah yang diketuai oleh Datuk Dr. Nik Zain. RM 400 ribu ringgit itu lebih kurang. Tetapi hari ini pendapatan kerajaan negeri jatuh RM 150 juta. Dan saya tak tahu dari mana duit RM 150 juta ini hendak akan diperolehi. Kalau ini andaian juga kita menghadapi masalah yang besar. Pendapatan Kerajaan Negeri menurun 6 bulan pertama RM 150 juta. Jadi, ini di peringkat awal sedangkan *Task Force* ini mencadangkan kepada kita. Macam-macam cadangan. Sepatutnya dia meningkatkan jumlah kutipan hasil bukan menurun. Ditambah pula dengan kegemaran

kerajaan negeri pada hari ini melantik konsultan-konsultan. PKNS ada empat atau lima konsultan, semua projek konsultan akan dilaksanakan. Seheinggakan pegawai tak boleh berfikir. Konsultan fikir untuk pegawai. Pegawai jadi robot. Semuanya kena rujuk kepada konsultan. Melantik pegawai-pegawai, mengarah anak-anak kerajaan negeri membayar RM 10 ribu satu pegawai. Puan Speaker dan yang saya hormati sekalian, kita tidak mahu politik andaian ini akan menjerumuskan kerajaan negeri Selangor. Dan saya harap kalau benarlah RM 50 bilion ini nak didedahkan dari mana duitnya kerana ekonomi berkait dengan duit dan kesan perbelanjaan duit. Kita tak mahu. Umpamanya Sg. Kelang, Sg. Kelang RM 10 bilion dan saya difahamkan syarikat kerajaan Singapura daripada Singapura hari ini tengah berbincang projek RM 2 bilion. Saya tak tahu apakah ini penswastan sungai atau pun apa. Saya takut pada satu hari orang tak boleh tengok sungai. Kerana sungai dilindungi oleh bangunan. Saya ingat dulu, bila saya hendak cadangkan kita gunakan kaedah hasil sungai mentadbir sungai. Ramai, daripada rakan-rakan di dalam dewan ini membangkang. Tetapi hari ini saya lihat tidak nampak secara jelas. Puan Speaker dan yang saya hormati sekalian kita hendak tahu pasir ini kerana inilah dikatakan merakyatkan ekonomi, merakyatkan ekonomi, merakyat ekonomi RM 200 juta. Kita berucap di depan istana. 120, 200 juta akan dapat. Kita hendak tengok kenapa berapa jumlah Syarikat Rambai Angkut Sdn. Bhd., Wawasan Dengkil Sdn. Bhd., HICOM Construction, Lau Hai Eng San Trading, Rasbil Holding Sdn. Bhd., berapa jumlah yang dibayar kepada KSSB. Jelaskan kepada kita. Kita mahu ia nampak dengan jelas supaya rakyat tahu bahawa kita sebenarnya hari ini gagal mentadbir pengurusan pasir kerajaan negeri. Dulu masa Barisan Nasional saya ingat lagi kita tutup semua lombong-lombong pasir di tanah kerajaan negeri kerana nak memperbaiki lombong yang dikorek sampai 70, 80, 140 kaki malah, hampir-hampir tidak boleh dilaksanakan. Sebab itu kita berhentikan kita ambil mesin, kita bawa dia ke SUK, bawa ke Mahkamah kita tak mahu tanah kerajaan negeri ini rosak dan tak boleh diperbaiki langsung. Bayangkanlah 120 kaki dalam. Macam mana kita hendak pulihkan. Sebab itu kita hanya bergantung kepada tanah swasta dan kita memperolehi RM 17 juta pada ketika itu. Jadi saya harap sangatlah kepada pihak kerajaan janganlah berselindung kepada usaha-usaha ini, kerana saya amat bimbang. Puan Speaker dan saya hormati sekalian kita melihat usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti pertanian saya nampak amat lemah. Kita masih lagi tertumpu secara tradisional kepada hasil utama tak pernah kita hendak didik rakyat kita untuk mendapat hasil dari sumber-sumber sampingan. Sebab itu saya katakan tadi kita mempromosikan alam sekitar. Tetapi bila mana projek-projek cacing yang boleh ke arah *zero burning* jerami hari ini dilelong bangunannya. Kita tahu kita akan rugi. Puan Speaker, tetapi kesannya kepada alam sekitar lebih merugikan kita. Kita didik rakyat kita bela cacing, daripada jerami jadi baja kompos, kompos guna pula untuk menyuburkan tanah. Kita perlu berbelanja kerana ini adalah satu komitmen kepada alam sekitar. Hari ini dilelong. Rugi. Dia tak kira rugi daripada pencemaran, rugi hendak memperbaiki masalah pencemaran dan sebagainya.

PUAN SPEAKER: Sg. Panjang tak beli? Sg. Panjang tak beli ke!

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Saya tak beli. Puan Speaker, saya nak jelaskan tentang pelaburan ini. Masalah kita tertumpu kepada Cina dan Taiwan. Sejarah kita melihat banyak syarikat-syarikat melabur di sini kerana memberi keuntungan kepada mereka. Kalau Cina dan Taiwan hendak melabur sedangkan harga buruh di Cina hari ini lebih murah sukar dia hendak ke mari. Dia ke mari kerana industri makanan. Apa harapan mereka. Mereka buat makanan di Malaysia sebagai negara Islam dan boleh menghantar makanan itu ke negara-negara Islam menembusi pasaran Islam melalui Malaysia. Tetapi kita tidak mempromosikan produk-produk halal ini ke *Middle East*. Sebab itulah mereka datang dan tak melabur. Dan banyak syarikat-syarikat daripada Eropah yang hari ini banyak melabur, umpamanya Q-Sell baru-baru ini dapat RM 3 bilion melabur di Science Park 2 kerana dia melihat. Jadi kalau kita tengok ini lawatan-lawatan dibuat, saya terus terang memang ljok

menyindir saya buat lawatan, tetapi saya hendak jelaskan hasil kerja saya daripada RM 4 billion pelaburan kerajaan negeri meningkat kepada RM 11.8 bilion. 3 kali ganda 8 tahun. Kerana saya terpaksa bergerak mempromosikan negeri Selangor. Mencari pelaburan-pelaburan yang ingin melabur di negeri Selangor. Kalau saya tak buat hari ini pengangguran lagi teruk dan kerajaan negeri tidak pernah gagal menyediakan 30 ribu peluang pekerjaan selama 8 tahun. Ekonomi meningkat sumbangan kerajaan **federal** daripada 18 % hampir ke 25% dalam masa 8 tahun. Hasil padi tadi, kerajaan negeri kata projek perintis perusahaan bersepadu ini bukannya projek perintis, *rebranding*. Kita dah mulakan 8 tahun yang lepas daripada 4 ton, 7 ton, 11 ton dan hari ini ada petani Sg. Panjang yang dapat 13 ton. *Rebranding*. Saya minta EXCO yang terlibat hari ini kita kena mencari sumber pendapat lain kepada rakyat barulah kita boleh menyelesaikan masalah kemiskinan di antara petani-petani. Nelayan, saya setuju saya sokong Sekinchan. Nelayan. Dulu kita beri bantuan pukut, bantuan bot, bantuan enjin kepada yang tak mampu. Hari ini diberhentikan. Bantuan rumah, kalau dulu anak syarikat negeri dipaksa membina rumah percuma kepada rakyat hari ini tinggal duit zakat. Semuanya harus kita lihat. Puan Speaker dan yang saya hormati sekalian, Saya merasakan bahawa tuduhan kepada kerajaan pusat tak menghantar bajet dan sebagainya ni saya hendak terus terang hari ini yang penting rakyat dapat jalan yang baik. Rakyat dapat jambatan yang tak runtuh. Rakyat dapat hidup yang lebih baik. Yang jadi persoalannya pada hari ini siapa nak buat kerja. Sama ada agensi persekutuan atau pun agensi kerajaan negeri. Sepatutnya kerajaan berterima kasih kenapa sudah keluar terus sampai siap jalan. Tak kacau kerajaan negeri kerajaan negeri boleh tumpukan kepada perkara-perkara yang lain. Sepatutnya, tapi kini berebut. Rakyat di bawah sahaja yang tahu dapat jalan. Ini patut kita berterima kasih. Kerajaan Persekutuan menggaji lebih ramai pegawai laksanakan terus projek, jalan kampung, projek turapan jalan dan sebagainya dan kita boleh tumpukan kepada tempat yang lain. Bukan kita hendak berebut benda yang sama. Ini masalah yang timbul. Tentang, saya ingat itulah kepada PKFZ ini saya hendak terang orang tak faham banyak. Memang ada kerugian dan sebagainya tapi, sejarah kena tengok dulu. Tanah yang diberikan itu ialah tanah, tanah *swampy land*. Terpaksa ditimbus pasir dan sebagainya. Itu asalnya kenapa semalam setengah YB mentertawakan bagi pertanian jadi perindustrian. Kerana tak boleh dibangunkan sebagai pertanian. Sebab itu terpaksa ditukar kepada perindustrian. Saya setuju kita biarkan projek ini disiasat oleh *Price Water Cooper*. Lepas itu kita ambil tindakan. Tentang *stadium collapsed* salahkan kerajaan. Kita kata hendak buat tender terbuka. Kita buat. Mungkin teknologinya tak betul. Kita kena belajar. Puan Speaker.

YB PUAN LEE YING HA: Puan Speaker, minta laluan.

YB PUAN SPEAKER: Teratai minta laluan. Dipersilakan.

YB PUAN LEE YING HA: Terima kasih Puan Speaker. Saya Cuma nak Tanya YB Sg. Panjang kesemua ini PKFZ atau pun bangunan-bangunan yang runtuh ini kesalahan siapa?

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Puan Speaker, bila kita buat *open tender* sebagainya kita kena tengok mungkin teknologi silap dan sebagainya. Kita kena, ini teknologi yang pertama yang dibuat di Malaysia. Saja teknologi pertama kita mencuba, kita akan siasat tak ada masalah. Saya ingat ini, andaian ini Sekinchan. Berhentilah. Ijok mengandai sampai ada hutang berjuta. Ekonomi andaiannya. Saya hendak beritahu Puan Speaker dalam perkhidmatan saya tak rasa sedih. Tapi bila isu rumah saya, saya amat sedih. 8 tahun khidmat saya kepada negeri Selangor seolah tidak diendahi. Saya hendak beritahu ketika saya hendak beli rumah ini, sebelum saya beli, saya suruh Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri melawat. Saya suruh Pengarah BPR negeri melawat. Saya *declare* dalam mesyuarat EXCO. Saya ambil bank luar negara dan Syarikat Penilaian pula Rahim & Co. dilantik oleh bank bukan saya. Dan saya

ada bukti semua. Saya harga rumah dengan RM 3.5 juta. Semua ikut peraturan. Tak kanlah lepas saya menjadi Menteri Besar saya hendak duduk di pondok. Menyewa. Dan saya pinjam bank. Saya bukan tak mahu membayar. Saya hendak jelaskan sebelum saya jadi Menteri Besar pun saya ada klinik dan saya bukannya jalan kaki. Kesian. Dan saya naik *Mercedes Benze Master Piece*. Pendapatan saya lebih kurang RM 50 ke RM 60 ribu sebulan. Saya nak bagi tahu, saya nak bagi sekolah sikitlah. Seperti Sekinchan yang tak cerdik ini. Janganlah ambil gigi ini cabut sahaja. Ini pengalaman dan pengetahuan orang 60 tahun dulu. *Orak kayu ki kang*. Kita kena cerita tentang *cosmetic destistry* yang menguntungkan. *Implant, //, Crown, RCT that costs a lot of money*. Satu *implant* kita buat 1 hingga 4, 5 ribu. Bukan cabut gigi. Kajang jangan bimbang. Di Kajang ini orang hendak cantik-cantik supaya semua gigi cantik di Kajang. Sebab itu gigi di Kajang lebih cantik dari Sekinchan. (Dewan Bertepuk)

Jangan ingat Doktor gigi ini kerjanya cabut gigi. Itu pandangan orang 60 tahun dahulu.

YB TUAN NG SUEE LIM: Minta laluan. Ya, kalau Yang Berhormat Sg. Panjang mengatakan sebelum menjadi ADUN sebelum menjadi Menteri Besar dan bisnis besar tolong nyatakan, tolong bagi apa resit daripada *income tax* tunjukkan 10 tahun yang lalu berapa *income tax* yang dibayar. Baru orang percaya. Cakap sahaja siapa percaya. Dan saya dimaklumkan juga sewaktu kita menjawat Menteri Besar kita tak boleh berniaga. Ini ada berniaga. Ini macam mana nilah. Macam mana dia gunakan cara untuk *twist* untuk berniaga, Ha! ini yang menjadi masalah. Ha! Ini yang menyebabkan *conflict of interest*. Minta penjelasan.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Puan Speaker, kalau saya tak bayar cukai dah kena tangkap saya ini. Sebab tiap-tiap kali sebelum penamaan calon kita keca cek semua, wakil BN ini. Semua cek Lembaga Hasil, *Corruption*, Polis kalau dah selesai baru boleh jadi calon. Saya datang ini saya dah masuk tiga kali dah. Saya hendak beritahu saya hanya bayar *instalment* bukannya *cash*. Bukannya *cash*. Kalau *cash* memangnya saya tidak ada duit. Ini bayar *instalment* sampai 23 tahun. *Bank Agreement* semua ada. Saya tidak ada masalah. Sebab itu saya tidak ada, tak ada, tak ada saya nak simpan. Puan Speaker. Kalau saya nak simpan saya tak bagi SS untuk melawat. Saya tak bagi Pengarah BPR melawat sebelum saya beli. Saya tak *declare* dalam EXCO.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker. Terima kasih Sg. Panjang. Tadi Yang Berhormat Sekinchan mengatakan bahawa rumah itu bernilai RM 24 juta. Itu anggaran dia. Yang Berhormat Sg. Panjang mengatakan bahawa kos dia lebih kurang RM 4 juta. 3 perpuluhan juta membeli kemudian RM 500 ribu untuk membaik pulih bumbung. Betul. Jadi jumlahnya RM 4 juta. Saya hendak mencadangkan adakah Yang Berhormat sanggup kalaulah mana-mana individu itu termasuklah kerajaan Selangor membeli rumah daripada Yang Berhormat RM 8 juta. Yang Berhormat untung 100% boleh. Kemudian kita jual kerajaan kita *test the market* untuk mendapat keuntungan 16 juta itu. Sanggupkah Yang Berhormat jual rumah itu kepada Kerajaan Negeri Selangor?

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Puan Speaker, pertamanya saya hendak beritahulah, saya setuju jual RM24 juta kerana andaian. Ekonomi andaian.

Y,B, TUAN LAU WENG SAN: Bukan Yang Berhormat RM 8 juta.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Saya jawab, saya jawab, saya jawab nanti.

YB TUAN LAU WENG SAN: Boleh untung 100 %nanti.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Saya jawab nanti. Saya jawab nanti jangan risau.

YB TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM: *You* duduklah dulu. *You* duduk. Dengar orang jawab.

PUAN SPEAKER: Batang Kali, Batang Kali tak payah *emosional*.

YB TUAN LAU WENG SAN: Tak ada hal. Tak ada hal. Batang kali.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Tak ada masalah. Kg. Tunku dengan Sekinchan tak lama lagi akan dapat surat. Jawablah dalam 14 hari. Kalau tidak kita akan jumpa. Saya terangkan dulu, sebab saya setuju jual RM 24 juta kerana andaian. Saya sanggup beri, saya ingat surat akan sampai sekejap lagi RM 12 juta komisen walau pun tak ikut peraturan. Ini hak saya rumah saya. Hendak berapa terpulang kepada saya. Saya hendak bagi RM 12 juta biar tak payah kerja dah. Tak payah buka kedai runcit lagi dah. Terus terang saya katakan ini bukan *private*, bukannya *opsyen*. *You* bagi *buyer* yang mampu nak beli saya akan bawa lawat dia. Tak ada masalah. Puan Speaker, tentang RM8 juta, saya boleh jual dengan syarat carikan tapak yang baik untuk saya bina rumah. Bagi saya tak ada masalah. Saya nak beri tahu.

YB TUAN NG SUEE LIM: Minta, minta laluan Speaker.

YB. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Saya harap Sekinchan saya dah bagi laluan dah.

YB TUAN NG SUEE LIM: Belum, tak apa, tak apalah.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Tak payahlah, inilah kerja yang tidak kerja. Daripada dewan pertama bersidang sampai ke hari ini. Kerja Pakatan Rakyat menyalahkan Barisan Nasional sampai hari ini akaun kerajaan negeri pun ada masalah. Pendapatan menurun. Kerajaan prihatin terpaksa diberhentikan. Cuba kita tumpukan bagaimana untuk meningkatkan ekonomi kerajaan negeri. Bagaimana kita untuk memberi kesan impak positif kepada kerajaan negeri. Bukannya terus menerus mencari salah orang. Saya dah *immune* dah dituduh ni. Lawatan ke luar negara dikatakan anak saya kerajaan negeri bayar bila saya buktikan kepada SPRM saya bayar dengan resit apa semua, keluar laporan tak ada tulis dalam laporan kata saya bayar, kerajaan negeri bayar untuk anak saya. Tapi satu dunia dah tahu. Ha! inilah kerja yang dibuat. Menjatuhkan maruah orang lain tidak menumpukan kerja kepada masing-masing. Puan Speaker, saya hendak tanya juga ni satu perkara wujudnya usaha salah laku di dalam pemberian hak selama 20 tahun kepada Syarikat Procentech Sdn. Bhd., bagi projek *Hybrid Wyfy*. Pada 1 Julai lalu Menteri Besar Selangor telah mewujudkan kerjasama dengan Procentech Sdn. Bhd., yang memberikan hak kepada syarikat tersebut untuk menggunakan semua premis kerajaan di Negeri Selangor untuk projek *Hybrid Wyfy* di mana syarikat tidak membayar apa-apa bayaran, tidak bayar apa-apa bayaran kepada kerajaan negeri. Hasil semakan dengan Suruhanjaya Multimedia (SKMM) mendapati bahawa syarikat tersebut tidak mempunyai lesen, tidak diiktiraf oleh SKMM. Adalah difahamkan juga bahawa syarikat tersebut hanyalah syarikat 2 ringgit. Puan Speaker, saya bukan berniat hendak mendedahkan, saya tahu apabila saya dedah Pakatan Rakyat akan serang saya secara peribadi. Tetapi sudah tanggung jawab saya sebagai Ketua Pembangkang saya kena lunaskan ini kehendak rakyat. Saya tidak hendak timbulkan salah laku Menteri besar. Tapi bila rakyat inginkan saya timbulkan. Kecil, besar salah tetap salah. Kita hendak tahu juga ada beberapa

pula program yang diwakili oleh kerajaan negeri bayar oleh anak syarikat negeri, saya tetap tahu. Saya tak hendak dedahkan, kerana saya itu tidak mendatangkan *interest* hak rakyat. Banyak yang saya tahu. Saya simpan. Kerana bagi saya mendedahkan keburukan orang lain tidak baik. Dan saya tahu perkara rumah saya pun ada kaitannya. Rumah dah bina 2007 kenapa nak Dewan baru nak timbulkan. Dan saya terus terang saya katakan tiap-tiap kali perkara tuduhan dibuat SPRM akan datang cari saya, 4, 5 jam saya kena tanya. Keluarga saya dalam keadaan *stress*. Bukannya mudah. Anak saya tak hendak ke sekolah. Senang, timbulkan masalah. Lepas tu cuci kaki lepas bila tak ada masalah. Ini yang berlaku hari ini. Saya ambil contoh kita gunakan dewan. Selepas kes agihan lembu di Tun Razak kita bawa dalam dewan. Usul syarikat kerajaan negeri boleh menderma di luar kawasan. Membersihkan dosa yang lama. Bila kita adukan SPRM, Gerak adu pasal penggunaan duit kerajaan negeri untuk *maintain* kereta Menteri Besar, kita bawa usul dalam dewan halalkan kereta satu, inilah yang paling malang 50 tahun kita sambut ulang tahun dewan malam tadi. Dewan digunakan untuk membersihkan dosa yang telah dibuat. Ini tak boleh. Puan Speaker, Saya harap sangatlah supaya projek-projek yang telah dibuat ini kerana segera umpamanya tentang bantuan kematian ini. Sekarang ini bagi RM 1000. Tak apalah kaedah bagi mungkin lain. Hari ini kalau orang mati dia bawa depan mayat kira, 100, 200, 300, 400 sampai 700 sampai terlupa, terlupa pula kira lagi 100, 200, 300 nak tunjuk yang kita ini kuat. Tetapi yang 1,500 kadang-kadang 3, 4 bulan baru nak diberi. Keluarga bergaduh siapa nak ambil 1,500 ini. Anak ada 7. Dijadikan harta wasiat. Kalau nak bagi, bagi sekali, lama sikit kira sampai 25. Lagilah pula popular kerajaan Pakatan Rakyat sampai 20 kira lagi. Ah! Saya tak kecil hati nak buat, tapi jangan menyusahkan rakyat. Bantuan kebajikan kerajaan negeri saya lihat sudah berkurangan. Bergantung kepada kerajaan persekutuan. Kita kena lihat balik. Dan saya harap sangatlah tentang peruntukan dibelanjakan dengan betul. Kita harap sangat, saya harap sangatlah kerajaan negeri melihat perkara ini dan tentang bincang air ini saya hendak terangkan, orang mungkin tak faham dapat cerita yang setengah sahaja kena tengok dari sejarah awal penswastan, kenapa. Dia berlaku bila mana kita menghadapi krisis air pada ketika itu. Dan kerajaan persekutuan pada ketika itu tidak mahu campur urusan air negeri kerana itu hak kerajaan negeri. Rakyat di sebelah kanan hari ini menghadapi krisis air. Kerajaan kata tak mahu campur urusan air *Federal* kata. Kita terpaksa mengambil jalan tengah pada kita menswastakan air. Sejarah dia berlaku krisis pula nak buat empangan air RM 2.6 *billion* yang sama berlaku *Federal* kata tak nak campur urusan air ini hak Kerajaan Negeri rakyat nak air, kilang nak air, semua orang nak pakai air kita terpaksa, kita terpaksa swastakan walaupun dalam keadaan rugi dengan *spy* empangan. Selepas itu baru Kerajaan boleh nampak bahawa *Federal* kena campur tangan kalau tidak bankrap negeri dan saya swastakan Syabas kerana cadangan dari EPU. Kita ada hutang pada dia RM 2 billion lebih. Janji *Federal* kepada kita tarik air kena dikawal tidak membebankan rakyat itu janji hari ini kita tengok kerana *Federal* cuba mengurus satu Malaysia kita kena cepatkan. Penswastan ini kalau tidak *water transfer* dari Pahang tak dapat dijalankan kita akan hadapi krisis nasib kita baik sedikit kerana apa kerana ada krisis ekonomi ah ini bukan andaian bukan andaian betul krisis, betul-betul krisis. Jadi kalau tak ada krisis Investment Kinrara boleh dapat RM 11 bilion lagi, 2 tahun kita hadapi krisis air. Nasib ada krisis yang nyata *investment* turun dari RM 11 di bawah RM 4 bilion. Rumah hari ini pun makin kurang dibina dan dibeli rakyat dah *stress* kurang melahirkan kurang sedikit *stress* keperluan air nasib tapi kalau kita bagi biarkan dia akan meningkat. Jadi puas kita sekalian kalau dilewatkan *water transfer* daripada Pahang ke Selangor kita akan hadapi krisis air yang berpanjangan. Saya tahu usaha Kerajaan hari ini menggali lubang sana menggali lubang sini ini dah dua tiga kali buatlah kita buat kali lubang dah dapat semua *result* hari ini nak bagi kontrak baru gali lubang lagi *check* air bawah tanah lagi kerana kontrak baru orang baru guna juga duit Kerajaan pada hal dah ada *result* dulu. Air itu arsenik berapa % ada masalah toksik berapa % semua dah ada ini buat lagi saya nak beritahu banyak air di Negeri Selangor tak boleh diminum kerana ada pencemaran arsenik yang tak boleh di bersihkan. Ini yang masalah

kepada kita. Ditambah pula dulu kita dah bersihkan Tuan Speaker ladang dan babi tak dibenarkan di tepi sungai hari ini naik balik pelik. Pencemaran dah bertambah jadi kita harap sangat kita fokus hari ini dari strategi fokus apa kita nak buat indicator apa kita nak untuk Negeri Selangor. Jelas fokusnya begitu dan juga kita beramai-ramai dan saya menyokong Kerajaan melaksanakan tanggungjawab Negeri Selangor asalkan menjadi Negeri terbaik. Hari ini Kinrara kita jatuh no. 3 pelaburan *for the 1st time in our history* dengan izin. No. 1 Johor, No. 2 Sarawak kita No. 3 dulu kita mendahului Pulau Pinang dan Johor, Sarawak hari ini tiba-tiba lompat jadi No. 2. Ini membimbangkan tapi boleh diperbetulkan lagi. Buatlah lawatan ke Negara-negara Eropah yang lebih senang melabur di Malaysia daripada China dan Taiwan. Saya pergi Eropah dapat sampai RM1 bilion RM 2 bilion pergi rumah pemilik rumah Syarikat sendiri merayu kepada dia kita pergi cari pujuk dia tak nak buat di Shah Alam, tak nak buat di Damansara dah penuh kita buat Theme Park Dua untuk dia RM 3 bilion Investment dalam Industry Solar yang cukup tinggi teknologinya. Kita kena itu kalau nak pergi China saya ulang lagi pemakanan gerakkan halal hub betul-betul buat *close door halal hub system* masuk *check* barang, keluar *check* barang *confirm* halal market barang kita ke *Middle East confirm* sebab China dan Taiwan pemakanan akan melabur di Negeri Selangor tapi tak buat tak boleh bertabur buat taman Industri halal satu pintu masuk *test* Gombak Setia boleh beri pandangan Agama Islam *test* masuk halal tak halal bersih tak bersih proses bungkus cantik nak keluar *test* balik *confirm* halal cop JAKIM kak situ Halal hantar kita kena market. Ini *Industry* kerepek yang dulu naik sampai RM500,000.00 sebulan hari ini pun dah hampir mati. Tanya ubi tak ada, apa persiapan untuk Hari Raya, ubi pisang tak ada, tak ada jadual penanaman kita kena tengok balik kerana *contract farming* kena buat betul-betul bukan kita bercakap mana ladang rakyat yang dijanjikan oleh Kota Anggerik dulu dah setengah tahun dah. Kita tak nak bercakap realiti ini bukan Pentadbiran andaian PKR, DAP dan PAS jadi Kerajaan bukan andaian realitinya Kerajaan. Jadilah Kerajaan Pembangkang saya terima realiti saya sebagai pembangkang saya tegur apa yang betul kini hidup bukan andaian.

TUAN SPEAKER: Teguran yang salah, bukan teguran yang betul.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Saya tegur yang betul. Bila salah laku saya tegur kata salah. Kalau saya tak tegur salah ini bermaknanya saya yang membodek. Kita ingat *you are in the reality world* bukannya andaian *please* bangun lagi bangun Negeri Selangor banyak masalah-masalah yang tak selesai kita harap sangat kepada Kerajaan tumpukan bagaimana untuk meningkatkan kualiti untuk pendapatan, kualiti hidup rapatkan jurang pendapatan hidup. Insya-Allah konsep Seri Dato' Najib 1 Malaysia insya-Allah akan bantu kita bersama. Kita tak ada bodek saya tak ada apa-apa nak bodek. Kita sedar keselamatan bagus tapi keadilan lebih sama rata. Saya sokong Kerajaan bagi RM 4 juta Sekolah Cina, RM 4 juta Sekolah India kita sokong RM 4 juta tak cukup kita tengok berapa ramai kau nak bagi berapa ramai kanak-kanak murid Sekolah India. Berapa ramai kanak-kanak Sekolah Cina, beberapa ramai kanak-kanak masuk Sekolah Agama barulah kita bajetkan. Barulah adil nama Parti Keadilan ini menjadi masalah kepada kita. Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Berhormat semua saya berharap sangatlah supaya usaha-usaha terus diteruskan untuk meningkatkan ekonomi. Rakyat diberitahu SELCAT transparansi betul SELCAT *complaining, accusing, twisting*. Ini yang berlaku hari ini masalah perkhidmatan di PBT saya minta maaf Pandamaran *statement* dalam surat khabar Jun bagus realitinya kita tingkatkan elaun bagi pejabat, bagi kerani ada pejabat Wakil Rakyat jumpa di Majlis kata apa eh.. bukan *your area* tau *area I* bergaduh dengan Wakil Rakyat. Realitinya perkhidmatan tidak berubah memang kata *Federal* dapat empat PBT dari dulu memang empat juga pernah capai 5 atau 6 sejarah patut hari ini sudah ada 12 PBT. Saya sokong Gombak Setia teliti pengambilan sampah Pandamaran nak ambil balik sampah saya nak buat saya kata nak urus sendiri atau suruh *Federal* membantu. Kalau nak urus sendiri *I commit myself I* boleh minta Persekutuan bagi sampah kepada Kerajaan Negeri tak ada

masalah itu Pandamaran cakap dalam surat khabar taka ada masalah tapi Kerajaan *Federal* nak bantu Gombak betul. Majlis yang miskin Hulu Selangor, Sabak Bernam, Kuala Langat memang kajian dalam masalah sebab itu nak cakap jangan ikut chun, ikut realiti jangan hidup dalam andaian. Hidup dalam realiti itu yang penting sekali saya harap sangat perkhidmatan PBT tingkatkan ada indikator-indikator yang ditetapkan. Dulu kata tender *board* tidak boleh semua pegawai Kerajaan untuk mengekalkan transparensi akauntabiliti maka kita kena letak Ahli Majlis dalam *tender board* seperti dulu juga, seperti dulu juga. Hari ini di PBT berlaku *clash* saya Wakil Rakyat semua jangan nak nafikan berlaku pertemuan antara Wakil Rakyat dengan Ahli Majlis. Ini yang berlaku hari ini sebab itu ke tidak cekapan berlaku. Pegawai terpaksa *balance between* Wakil Rakyat dengan Ahli Majlis. Wakil Rakyat tak ada kuasa di PBT tidak bercakap apa-apa pun sebab itu dulu kita nak duduk dalam PBT kerana kita nak dia sekurang-kurangnya ada umm.... Ada boleh buat cakaplah apa pun mintalah longkang apa sampai salah PBT Wakil Rakyat duduk tepi tengoklah kadang-kadang salam tangan pun tak nak. Bawalah komputer duduklah hujung-hujung ini pertemuan kuasa yang tak diselesaikan dulu saya ada cadangkan supaya *close system* di PBT ini kita buat *close system* di peringkat negeri kita bertukar pegawai dari Kuala Selangor pergi Sabak Bernam dan sebagainya. Saya ingat kita boleh buat kalau nak tukar Akta Kerajaan Tempatan tiba-tiba susah tapi secara pentadbiran kita boleh buat.

TUAN SPEAKER: Sg Panjang masa dah menunjukkan pukul 1.00 tengah hari. Jadi saya harap gulongkan untuk rumuskan apa

YB. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Terima kasih, Tuan Speaker masa dah cukup. Saya harap Kerajaan Negeri jangan cakap tapi tak serupa bikin. Jangan hidup dalam dunia yang berandaian hidup dalam dunia yang realiti hadapi masalah bersungguh-sungguh jangan pergi kampung janji ini janji itu setahun rakyat *happy* tahun depan dia tagih. Saya harap sangat kepada Kerajaan tumpukan kepada bagaimana untuk meningkatkan pendapatan yang menurun hari ini jangan sampai nanti rakyat mencamuk Negeri Selangor bankrap kerana Menteri Besar kita pun menghadapi masalah yang sama ketika di dunia Korporat. Sekian, terima kasih Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Baik, terima kasih, Sg Panjang. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian setelah jam telah menunjukkan 1.01 tengah hari dengan itu saya menangguhkan Dewan hingga jam 2.30 petang di Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.01 tengah hari)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

(Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang)

TUAN SPEAKER: Dewan disambung semula. Utusan perbahasan untuk Rang Undang-Undang Pembekalan Tambahan. Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE ABU BAKAR: Terima kasih, Tuan Speaker. Bangi berdiri untuk menyokong tentang Peruntukan Tambahan Bajet 2009, yang Bangi melihat ini adalah sebagai suatu kewajaran oleh kerana kalau kita lihat setiap tahun bajet akan bertambah umpamanya tahun 2006 sebanyak RM 1,160 juta, 2007 RM 1,285 juta, 2008 RM 1,340 juta, dan 2009 RM 1,400 juta. Dalam mana setiap tahun ini kita lihat akan berlaku peruntukan tambahan bajet, sebagaimana juga pada tahun ini yang saya kira adalah sesuatu yang wajar dengan jumlah sebanyak RM 120 juta. Ini adalah antaranya bertujuan untuk memantapkan pemerintahan kerajaan PR di Negeri Selangor ini. Dalam mana yang kita lihat dari segi pentadbiran umpamanya, Kerajaan PR relatifnya, adalah mantap dalam mana untuk memperbaiki pemerintahan kita telah menubuhkan seperti syarikat yang..kita juga untuk..

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bangi, Bukit Antarabangsa minta penjelasan.

YB TUAN DR. SHAFIE ABU BAKAR: Ya

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Tuan Speaker, sebelum Yang Berhormat Bangi teruskan perbahasan, saya ingin mencelah sedikit, saya mencadangkan supaya Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri wajib hadir tepat pada masanya. Seolah-olah EXCO tidak langsung memberi penghormatan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan yang sepenting ini. Setakat ini saya tengok hanya ada 3 (tiga) EXCO Kerajaan Negeri. Apakah mereka 'busy' dengan tugas yang lain dan tidak menghormati Dewan yang mulia ini dalam perbahasan? Terima kasih Tuan Speaker.

YB TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, saya menyokong.. saya menyokong.

YB TUAN DR. SHAFIE ABU BAKAR: Memang betul Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, sebenarnya tidak diwajibkan dia..semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri hadir pada setiap waktu. Sama juga semua Ahli Yang Berhormat tidak diwajibkan untuk hadir pada setiap waktu tapi sebaik-baiknya lah kerana pada masa ini kita sedang membahaskan Rang Undang-undang Pembekalan begitu satu Rang Undang-undang yang penting jadi sepatutnya sekurang-kurangnya kebanyakan lah yang hadir. Saya rasa ini adalah satu peringatan. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Antarabangsa, dipersilakan Yang Berhormat Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE ABU BAKAR: Terima kasih Tuan Speaker. Untuk memantapkan Pentadbiran lagi, Tuan Speaker kita telah melantik melalui pilihan khas Dewan Negeri menurut Peraturan 71 (3), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor seperti melantik Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pejabat Daerah dan Tanah, melantik Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pihak Berkuasa Tempatan dan juga melantik Jawatankuasa Pilihan

Khas mengenai Agensi Badan Berkanun dan anak syarikat Kerajaan Negeri. Saya ingin menarik perhatian pada awal tahun yang lepas saya adalah, telah membangkitkan bahawa adalah tidak wajar Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri tidak dilantik sebagai Ahli Majlis PBT ya.. Sekarang sudah tiba setahun pada masa itu, EXCO yang berkenaan berjanji untuk me 'review' balik dengan istilah tetapi nampaknya tidak disentuh apa pun dan sekarang apabila dibangkitkan lagi apa yang telah saya bangkitkan itu, memang kita rasa amat rugi dengan tidak dilantik ADUN-ADUN yang diminta hadir secara terpinggir tidak dimanfaatkan fikirannya bahkan tidak diberi ruang untuk bercakap. Kalaupun bercakap, tidak diiktiraf sebagai wakil yang sebenarnya berada di Dewan kadang-kadang kita hadir merasa habis waktu sahaja, duduk sahaja mendengar dan balik dan mesyuarat ini memang banyak, kadang-kadang 2-3 kali dalam seminggu. 'So' kita berfikir kalau kita hadir duduk sahaja tidak mengeluarkan..bila mengeluarkan pendapat tidak diambil kira. Sebab itu kadang-kadang kita rasa lebih baik kita buat kerja lain yang banyak daripada kita hadir fikiran kita tidak dimanfaatkan. Sebab itu, kita minta untuk kebaikan dari segi Pentadbiran dan sekarang mulai pelantikan baru, ADUN-ADUN ini hendaklah dilantik barangkali bukan sahaja ahli tetapi barangkali Timbalan Yang Dipertua di...PBT itu sendiri supaya mereka mempunyai suara dan pandangan kerana kita yang sebenarnya dilantik oleh rakyat bukan Ahli-ahli PBT, Ahli-ahli PBT itu kita yang melantik dia sebab itu saya menyerulah supaya dibuat penilaian balik dan segera ambil tindakan supaya ADUN-ADUN di tiap-tiap kawasan masing-masing dilantik di dalam PBT itu sendiri supaya mereka lebih efektif dari segi menjalankan tugas.

Selain daripada itu, kita juga bertujuan untuk melengkapkan pembangunan. Saya nak menyentuh tentang persoalan pembangunan ini, khusus di DUN Bangi ini sendiri, kita telah memohon dari sejak dulu lagi iaitu perlunya jalan pintas antara Kajang Utama ke Kajang. Begitu juga..perlunya ada jalan yang sempurna bagi sebuah institusi pendidikan yang penting iaitu Institut German Malaysia yang berada di Sungai Tangkas di samping di situ ada beberapa buah taman Universiti jadi agak malu kita kepada pengunjung-pengunjung dari luar khususnya ke Institut German Malaysia ini dengan jalannya yang tidak sempurna dan ini telah lama. Begitu juga ada aset tempat latihan KWSP yang bangunannya begitu hebat tetapi jalannya begitu miskin untuk masuk sebab itu perlu diambil tindakan segera untuk kebaikan di tempat ini. Selain daripada itu Tuan Speaker saya juga menyebutkan bahawa kita memerlukan pembaikan dari segi jalan-jalan kampung seperti Jalan Sungai Ramal Dalam juga jalan di Pekan Bangi lama yang perlu dinaiktarafkan. Begitu juga Tuan Speaker, dari segi pembangunan kami di DUN Bangi yang telah menjadikan Bangi sebagai Bandar ilmu dalam mana kami telah mengadakan berbagai-bagai kegiatan seperti Seminar Pemikiran Bangi, Wadi Ilmu, ceramah, pameran-pameran buku yang telah berkali-kali kami adakan, kami dapati perlunya di Bandar Baru Bangi ini didirikan sebuah Dewan Utama bagi semua kegiatan keilmuan dan juga barangkali aktiviti-aktiviti yang lain. Kami juga mendapati perlunya diadakan galeri buku kerana di tempat kami adalah kawasan di mana terdapatnya 8 buah...18 buah Universiti di keliling Bangi itu sendiri. Sebab itu, galeri buku perlu diadakan. Begitu juga perlunya dilengkapkan perpustakaan di Bangi itu yang sekarang ini lebih diisi untuk keperluan pelajar-pelajar sekolah Menengah sahaja padahal pelajar-pelajar Universiti begitu ramai tetapi buku-buku di dalamnya tidak mencerminkan keperluan pelajar-pelajar Universiti itu sendiri. Sebab itu, perpustakaan di Bangi itu sebagai perpustakaan utama Hulu Langat perlu dilengkapkan dengan buku-buku yang setaraf dengan keperluan pelajar-pelajar di Universiti di sana di samping keperluan masyarakat setempat ya.

Tuan Speaker, saya juga ingin membangkitkan tentang persoalan yang berkait dengan sosial dalam mana kita memang dapati masalah sosial ini makin parah kalau kita lihat mulai tahun 2005 sebanyak 157 kes gejala sosial di Negara kita dan meningkat kepada 220 ... daripada 2006 kepada 209 ribu, 207...2007 kepada 224 ribu, 2008 kepada 250 ribu dan dijangka

barangkali 2009 kepada lebih daripada 250 ribu ini. Sebab itu, soalan gejala sosial ini perlu diberi perhatian penting yang memerlukan kerjasama seperti Persatuan Penduduk, polis, masjid, surau, NGO-NGO dan juga Badan-badan Kebajikan seperti Amar Makruf dan Badar dan sebagainya. Oleh kerana dengan keadaan gejala sosial ini masyarakat merasa kurang selamat dalam kehidupan mereka saya fikir bukan sahaja di Bangi tetapi juga di tempat-tempat yang lain. Dari segi kepentingan masyarakat juga di tempat kami, kami merasakan kekurangan umpamanya ketiadaan klinik terutama Bandar Seri Putra dan Bandar Bukit Mahkota. Ini dua-dua bandar jauh daripada hospital dan barangkali perlu didirikan di sini klinik bagi keperluan penduduk setempat. Begitu juga kalau dilihat dari segi pendidikan, kami kekurangan dari segi sekolah, umpamanya, di Sungai Tangkas ketiadaan sekolah agama dan masyarakat setempat menyeru.. memohon daripada kami supaya berusaha untuk mendirikan sekolah agama di sana. Begitu juga penduduk di Bandar Baru Bangi memerlukan sebuah sekolah Maahad Tahfiz, yang sekarang Kerajaan Negeri Selangor mulai membina beberapa buah Maahad Tahfiz ini. Dan kami harap sebuah daripada Maahad Tahfiz ini dapat didirikan di Bandar Baru Bangi sendiri di samping kita memberi bantuan-bantuan pelajaran kepada anak-anak miskin dan sebagainya. Begitu juga di tempat kami, begitu banyak permohonan-permohonan untuk mendirikan masjid-masjid umpamanya Bandar Seri Putra dan Bukit Mahkota yang saya sebutkan tadi, dua-dua bandar di sini belum ada sebuah masjid pun. Setakat ini mereka menumpang di masjid KUIS (Kolej Universiti Islam) di Seri Putra itu sendiri tetapi bila menumpang tempat orang kita tidak boleh buat pandai-pandai ya, kita nak pergi beribadat pun mesti mengikut aturan maklum sahaja masuk ke dalam sebuah institusi dan kita tidak bebas sebab itu penduduk di sini telah memohon supaya didirikan di sini sebuah sekurang-kurangnya sebuah masjid dahulu yang lebih baik setiap bandar itu, Bandar Seri Putra dan Bandar Bukit Mahkota masing-masing seharusnya mempunyai masjid-masjid yang sendiri..yang tersendiri. Begitu juga di 'West Country', ini adalah merupakan satu kawasan yang lama, lebih awal daripada UKM dan juga Bandar Baru Bangi itu sendiri, dulu pada peringkat permulaan bila UKM ini didirikan, untuk sampai ke sana kita terpaksa melalui 'West Country' ini sendiri begitu juga untuk ke Bandar Baru Bangi. Tetapi keadaan di sini agak sedih berterusan semacam zaman lama dahulu masih menggunakan sebuah surau tua dengan bangunan kayu yang agak uzur. Penduduk di sini sebenarnya telah memohon lama supaya didirikan sebuah masjid di tempat ini dan tempat yang sesuai lokasinya sudah ada dan kita harap Insyallah pihak berkenaan terutama JAIS dan juga MPKJ kita harap dapat mempertimbangkan supaya sebuah masjid dapat didirikan di Bandar, di 'West Country' ini. Begitu juga di tempat kami iaitu di Kajang Prima, memerlukan sebuah masjid. Saya terpaksa menyebutkan perkara ini, sebenarnya di sini asalunya sudah diluluskan suatu tapak untuk surau di sebuah taman permainan, jadi penduduk setempat tidak menyenangi taman padang permainan ini didirikan surau, barangkali ada kewajaran juga mereka protes, takut mengganggu ketenteraman penduduk setempat. Perkara ini sampai kepada Menteri Besar sendiri, Yang Amat Berhormat kita dan kita sekarang belum dapat dipastikan surau ini dapat didirikan atau tidak. Kita telah mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengambil alih tanah komersial di tempat itu bukan sahaja mendirikan surau kita ingat boleh meningkatkan terus kepada mendirikan masjid bagi keperluan-keperluan masa depan penduduk setempat yang memang sentiasa bertambah. Jadi sebab itu kita mengharapkan pihak berkenaan, pihak berwajib dapat memberi pertimbangan kepada penduduk setempat dapat memiliki dapat sebuah masjid untuk kegunaan mereka di tempat itu. Begitu juga di Sungai Tangkas, yang saya sebutkan tadi di German Institute itu pun sehingga sekarang masih belum ada sebuah masjid. German Institute Bandar Universiti Sungai Tangkas ini satu kawasan yang sedang berkembang. Mereka masih belum mempunyai masjid, hanya ada satu dua surau dan terpaksa menggunakan masjid UKM juga. Sebab itu dengan adanya German Institute ini hanya di sini ada sebuah surau kecil, mereka telah meminta kita supaya *recommend* untuk mengangkat taraf surau itu untuk diadakan Sembahyang Jumaat kita telah pun sokong dan setakat ini surau itu telah dijadikan untuk penggunaan sebagai taraf masjid oleh

pelajar-pelajar di situ dan penduduk di Bandar Universiti itu sendiri. Tetapi sebagaimana yang saya katakan kita menumpang, kalau menumpang dalam institusi pengajian tinggi, tempat itu kecil apa lagi suraunya amat kecil tetapi terpaksa digunakan di situ sebagai tempat sembahyang Jumaat tetapi agak kurang selesa. Sebab itu kita mengharapkan supaya tempat ini didirikan sebuah masjid yang sempurna yang dapat digunakan oleh penduduk-penduduk di Bandar universiti itu sendiri dan juga German Institute itu sendiri dan sebuah Bandar yang akan diwujudkan di situ yang saya kira sepatutnya sekarang kita telah sedia bersedia dengan sebuah tempat masjid yang agak sempurna di samping adanya sekolah agama. Ni saya tak sebut sekolah kebangsaan dan sekolah menengah oleh ini di mana di bawah persekutuan, di situ juga sepatutnya didirikan sekolah rendah dan sekolah menengah bagi keperluan penduduk setempat. Sebenarnya dari segi surau-surau memang banyak permohonan-permohonan dan kebanyakannya kita telah *recommend* dan dapat retinya didirikan surau-surau yang kita sebutkan tadi masjid-masjid yang memang diperlukan, oleh kerana tempat ini adalah tempat yang berkembang pesat dan menjadikan suatu kawasan Bandar di selatan anjung bagi Negeri Selangor di sebelah selatan ke Negeri Sembilan. Sebab itu kita mengharapkan supaya tempat ini dapat diberi kemudahan yang sempurna sesuai dengan kawasan-kawasan institusi pengajian tinggi yang banyak di situ yang kita panggil sebagai bandar ilmu. Itulah harapan kita terutama daripada ADUN Bangi supaya apa yang kita dibangkitkan dapat perhatian oleh semua pihak yang berkenaan. Sekian Tuan Speaker, terima kasih.

YB TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Kg. Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker. Kg. Tunku juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Pertama sekali saya merasa melafazkan ucapan syabas kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah berjaya memimpin rakyat dan Kerajaan Negeri Selangor ini ke arah satu zaman yang berbeza dari zaman yang terdahulu. Walaupun begitu, saya rasa pada bila kita mentadbir kerajaan negeri Selangor ini kita juga perlu berhati-hati dengan situasi global di mana sekarang ini kemerosotan ekonomi masih terus melanda di seluruh dunia dan negeri-negeri termasuklah Selangor malahan di seluruh Malaysia pun mengalami kesan-kesan negatifnya. Saya difahamkan dari segi pelaburan asing statistik yang diumumkan oleh MIDA telah jatuh berbanding tahun yang lalu iaitu jatuh melebihi sembilan puluh peratus, ini sangat dahsyat berbanding dengan lima bulan yang lalu daripada 46.1 bilion jatuh tak sampai sepuluh peratus 4.2 bilion dan saya rasa ini semua kita terasa. Tapi apa pun Kg. Tunku berpendapat seandainya sekiranya Kerajaan Negeri Selangor terus pegang kepada prinsip keterbukaan, ketelusan dan perbelanjaan berhemah, bermerit, *value for money* dengan izin maka saya percaya rakyat akan memberi kepercayaan dan yakin kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana apabila rakyat membayar cukai mereka tak akan menganggap cukai dan wang yang dibayar kepada Kerajaan Negeri Selangor akan digunakan sebaik-baiknya untuk semua rakyat. Ianya tidak akan dibazirkan dan masuk ke poket individu-individu tertentu tetapi digunakan untuk rakyat. Ini adalah saranan saya kepada Kerajaan Negeri Selangor tetapi saranan tetap saranan atau beberapa pemerhatian yang saya rasa perlu dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu di dalam perbekalan tambahan ini saya nampak ada pemberian bantuan kepada sekolah-sekolah SKJT, SKJC, SAR dan sekolah Menengah Persendirian Cina. Saya berpendapat adalah wajar supaya peruntukan ini atau bantuan ini bolehlah dikekalkan untuk tahun yang akan datang jikalau kita mempunyai kemampuan yang lebih maka saya ingin cadangkan ditambah peruntukannya atau bantuannya. Tetapi sekilas pandang saya juga berpendapat ada baiknya kalau kita boleh *think out of the post* dengan izin bahawa kita mungkin boleh mewujudkan biasiswa kepada murid-murid yang menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam sekolah dari segi akademik dan kokurikulum kepada pelajar-pelajar di

sekolah-sekolah ini supaya kita boleh membina satu kelompok modal insan yang boleh kita guna pada masa yang akan datang. Mungkin sepuluh tahun atau dua puluh tahun dari sekarang. Jadi tindakan ini adalah satu perancangan untuk masa depan dan saya rasa ada baiknya kalau kita boleh memperkasakan institusi seperti Yayasan Selangor yang memang khusus diadakan untuk membangunkan modal insan di Negeri Selangor. Tuan Speaker dan rakan-rakan yang lain, saya berpendapat juga program SPIES dan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) ini juga perlu dirombak dan direka semua mengikut kesesuaian kawasan masing-masing. Memang saya tidak boleh menafikan bahawa program ini adalah baik untuk rakyat tetapi saya berpendapat oleh kerana di Selangor ini kesemua lima puluh enam DUN itu mempunyai keunikannya ataupun yang berbeza-beza, ada di kawasan kampung, ada di kawasan Bandar, ada di kawasan separa kampung, pekan, Bandar dan sebagainya. Jadi saya perlu dilihat semula kerana bagi kawasan DUN di tempat-tempat *urbanized* yang merupakan Bandar, sambutannya kurang memuaskan dan tidak begitu memberangsangkan dan saya rasa daripada kita memperuntukkan wang untuk menjalankan program SPIES dan PTRS ini saya rasa, saya difahamkan bahawa perbelanjaan berjuta-juta ringgit telah diperuntukkan. Saya rasa adalah baik kalau kita boleh gunakan untuk apa yang saya katakan tadi mewujudkan biasiswa. Biasiswa ini adalah satu pelaburan dari segi jangka panjang, kalau boleh saya rasa kita juga boleh memperkasakan perpustakaan-perpustakaan awam yang ada di bawah PPAS di dalam rang undang-undang perbekalan tambahan ini saya difahamkan ada pembelian tambahan untuk peralatan-peralatan perpustakaan Negeri Selangor. Kalau kita melihat apa yang diperuntukkan pada tahun 2009 ini sebanyak 35 juta telah diperuntukkan dan saya rasa sekaranglah masanya untuk kita untuk memperkasakan perpustakaan di Negeri Selangor ini dan saya yakin dan saya ingin mengucapkan syabas kepada EXCO kerana telah mewujudkan satu *re-branding exercise* untuk PPAS dan saya menyarankan supaya usaha-usaha ini dikekalkan, diteruskan malahan kalau boleh kita juga memperkasakan bukan sahaja perpustakaan PPAS malahan perpustakaan yang terletak di bawah PBT. Dan saya juga ingin meminta supaya dari segi judul dan bahasa dan buku dia diperbanyakkan. Kalau kita melihat laporan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor tahun 2007 hanya ada 930 ribu buku sahaja yang dipinjam. Saya rasa ini adalah sangat sedikit kerana apabila dibandingkan bilangan buku yang dibaca dan dipinjam dengan rakyat Negeri Selangor ini, ini hanya bermakna seorang rakyat Selangor hanya membaca 0.18 buku setahun sahaja. Ini tidak mencukupi dan saya ingin menyarankan kepada Yang Berhormat yang menguruskan portfolio ini mungkin pada tahun 2010 ini kita mewujudkan satu kempen besar-besaran untuk menggerakkan budaya membaca di Negeri Selangor ini. Bolehkah saya di sini ingin mencadangkan kalau boleh tahun 2010 ini kita umumkan sebagai Tahun Membaca Selangor supaya kita boleh mempergiatkannya. Dan saya rasa kita mempunyai potensi termasuk kita mempunyai begitu banyak pengeluar-pengeluar buku pengedar-pengedar buku, penulis-penulis buku dan saya rasa kita mampu menjayakannya. Satu lagi ialah tentang Pesta Buku Selangor ini saya juga ingin menyarankan supaya kita jalankan kempen-kempen ini tetapi janganlah kita tumpu di Shah Alam sahaja, saya berpendapat banyak tempat lagi yang kita masih belum masuk untuk mengadakan kempen buku. Kalau kita asyik mengadakan kempen baca, kempen baca buku ini di Shah Alam sahaja, saya rasa tidak mencukupi, sekurang-kurangnya kempen yang sama perlu diadakan di tempat-tempat seperti Klang, Banting, Petaling Jaya, di Ampang dan sebagainya. Saya rasa ini adalah satu usaha yang sangat-sangat penting. Sekinchan mengatakan, Yang Berhormat Bangi mengatakan Bangi merupakan sebuah bandar budaya, Bandar berilmu. Jadi ini adalah saranan saya Tuan Speaker dan juga saya ingin menyentuh sedikit tentang kakitangan awam, tadi Yang Berhormat Sungai Panjang sekarang sudah ada ponteng di sebelah petang, menyarankan supaya kakitangan awam ini ditukar-tukar. Saya, ini saya terpaksa bersetuju lah dengan cadangan dia, dan saya juga dan saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik. Kita setuju bukan kerana dianya kawan kita, tetapi kita setuju kerana ia ada alasan yang baik untuk dilaksanakan. Saya meminta kerajaan sebenarnya saya pernah

membangkitkan dalam forum yang lain tetapi saya berpendapat ada baiknya untuk bagi sekali lagi di dalam sidang Dewan yang mulia ini supaya kita mempertimbangkan mana-mana kakitangan kerajaan yang dilantik secara kontrak dan sudah berkhidmat melebihi lima tahun ataupun sepuluh tahun kita kekalkannya sebagai kakitangan awam. Setiap tahun atau setiap tahun apabila kakitangan ini sampai ke akhir tempoh kontrak dia, mereka akan menghadapi masalah dan saya berpendapat ada juga kakitangan awam yang dilantik secara kontrak menunjukkan prestasi yang baik tetapi oleh kerana kontrak mereka kena *renew* setiap satu dua tahun, jadi mereka menghadapi masalah untuk dibuli oleh *superior-superior* mereka. Dan saya juga ingin mencadangkan satu lagi cadangan kepada Yang Berhormat EXCO supaya diadakan satu temu duga terbuka., bukan untuk semua jawatan hanya untuk jawatan-jawatan yang tinggi sahaja khususnya untuk jawatan seperti Datuk Bandar, YDP, Ketua Jabatan di PBT. Ini cadangan saya supaya kita boleh menyerap, menyerap *experts-experts* ataupun pakar-pakar dalam bidang tertentu untuk diserapkan di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Kita boleh melantik mereka secara kontrak kerana pelantikan secara kontrak ini gajinya kita akan dapat berunding sehingga kita mencapai satu tujuan dan saya cadangan saya adalah kerana dalam kes keruntuhan *supermarket* Jaya 14 itu kita ada melihat banyak masalah di dalam PBT di mana PBT tidak mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk menangani kes-kes sebegini serius. Kita juga sebenarnya melihat perkara yang sama apabila berlakunya krisis ataupun kes Bukit Antarabangsa. Jadi saya rasa ada baiknya kalau kita boleh menjalankan temu duga terbuka untuk mencari mereka yang berkebolehan dan mempunyai kepakaran yang tinggi. Saya juga ingin menyentuh tentang.. Tuan Speaker, tentang pelantikan kontraktor oleh kerajaan negeri Selangor. Aaa...saya berpendapat, pelantikannya perlu lebih telus dan lebih terbuka, tanpa mengira kaum dan agama. Baru-baru ini ada kontroversi tertimbul bahawa borang pelantikan kontraktor itu ada masalah. Dan saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana telah membuat tindakan cepat untuk memperbetulkan aaa...persoalan-persoalan yang ditimbulkan itu. Walau macam mana pun, saya telah, saya juga ingin meminta, supaya pelantikan kontraktor-kontraktor oleh kerajaan negeri Selangor ini disegerakan. Walau pun ia telah bermula pada tahun yang lepas dan walau pun semua pihak telah memberi *recomendation* (dengan izin) kepada kerajaan negeri Selangor, tapi sampai sekarang kita masih belum tahu tentang status mereka. Sama ada mereka berjaya dimasukkan dalam kumpulan kontraktor yang dilantik itu atau tidak. Kita masih belum tahu lagi. Sebabnya ialah, tidak ada satu tarikh tamat. Jadi saya rasa perkara ini perlulah diperkemas oleh EXCO-EXCO yang berkenaan dan saya juga ingin meminta kerajaan supaya secara beransur-ansur mengurangkan kuota saham bumiputera 30% dan juga syarat-syarat untuk melantik kontraktor-kontraktor bumiputera sahaja. Kita telah melihat kerajaan persekutuan di bawah Barisan Nasional telah mengambil satu langkah untuk menghapuskan keperluan ekuiti 30% saham bumiputera. Saya berpendapat ada baiknya kalau kita mengikut sesuatu yang baik supaya kita boleh bertanding dengan Barisan pada masa yang akan datang nanti. Saya juga ingin menyentuh Tuan Speaker, tentang tanah, tanah kerajaan, dan saya, kes ini adalah lebih sikit kepada apa yang berlaku di PKFZ. Saya berpendapat kerajaan negeri ya, pada masa akan datang perlulah lebih berhati-hati dalam pemberian tanah kepada persatuan-persatuan tertentu. Kita lihat dalam kes PKFZ ini, tanah begitu luas iaitu 1000 ekar telah diberi kepada Koperasi Pembangunan Pulau Lumut dan sekarang ini tanah itu diberi kepada mereka dan mereka menjual tanah kerajaan yang begitu berharga itu kepada sebuah pemaju asing, pemaju luar. Saya berpendapat kalau tanah ini masih lagi kepunyaan kerajaan negeri Selangor dan kerajaan negeri Selangor yang memperuntukkan dana ini kepada Lembaga Pelabuhan Kelang untuk dibangunkan di PKFZ maka untungnya kepada kerajaan negeri Selangor adalah amat besar. Sekarang ini kita berasa begitu kesayangan kerana tanah ini diberi kepada Koperasi. Matlamat asalnya adalah untuk membantu koperasi tapi ini telah dijadikan sebagai satu alat oleh koperasi itu untuk mengaut keuntungan cepat. Saya berpendapat ADUN yang terlibat seperti ADUN Sementa perlulah membuat penjelasan di dalam Dewan, sidang Dewan yang

mulia ini. Lebih-lebih lagi nanti kita ada satu usul, saya amat berharap beliau boleh memberi penjelasan, daripada beliau membuat apa ni, '*legal sut*' (dengan izin) terhadap individu-individu atau pun syarikat-syarikat *price water house* dan juga saya ingin menyentuh sedikit sebanyak tentang laporan tadi YB Sg. Panjang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Selangor di tempat yang kedua atau ketiga dan di pintas oleh negeri Sarawak dan saya berpendapat itu adalah satu kenyataan yang(dengan izin) di mana saya difahamkan bahawa kerajaan negeri Sarawak atau negeri Sarawak ini boleh memintas kita kerana di negeri Sarawak ada satu projek yang besar. Aaa. Mengikut apa yang saya difahamkan projek ini adalah satu projek, pembinaan kilang aluminium, di mana satu syarikat kroni Ketua Menteri Sarawak, telah menandatangani satu perjanjian *joint-venture* (dengan izin) pada tahun 2009 untuk membina satu kilang peleburan aluminium di Silimajau. Saiz pelaburan ini adalah kalau saya tak silap 5.3 bilion ringgit. Satu projek seperti ini telah melonjakkan negeri Sarawak sehingga ia memintas negeri Selangor. Dan saya ingin juga memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa projek ataupun industri sebegini iaitu industri peleburan aluminium adalah satu industri yang tidak mesra alam sekitar. Kerana ia melibatkan penggunaan tenaga elektrik yang sangat-sangat besar dan dari mana kita mendapat bekalan elektrik yang begitu banyak ini.? Ia datang daripada Bakun. Tenaga elektrik yang dijana oleh stesen jana kuasa Bakun kerana elektrik yang dijana oleh stesen jana elektrik Bakun ini tidak dapat digunakan sepenuhnya. Maka kerajaan negeri Sarawak bermati-matian untuk mencari satu projek yang besar yang boleh menghadamkan tenaga elektrik yang begitu banyak ini. Jadi mereka telah mendapat projek ini. Tapi saya, pada pendapat saya ini bukan satu pelaburan ataupun strategi yang bijak. Saya juga ingin menyentuh Tuan Speaker tentang aaa...aa. prestasi Tourism Selangor . Saya telah difahamkan bahawa peranan yang dimainkan oleh Tourism Selangor ialah untuk mempromosikan sektor pelancongan di negeri Selangor dan saya ingin bertanya tentang lawatan-lawatan yang diadakan oleh Tourism Selangor Sdn Bhd ke Singapura oleh PBT-PBT. Saya difahamkan ada beberapa , terdapat beberapa lawatan yang dianjurkan oleh PBT, diuruskan melalui Tourism Selangor tidak dapat dirancang dengan rapi dan pulangan yang diperolehi daripada lawatan ini adalah rendah. Dan saya meminta supaya EXCO yang bertanggung jawab terhadap Tourism Selangor ini bolehlah memantau perkara ini betul-betul. Saya juga meminta kalau boleh supaya dibekalkan satu senarai lawatan rasmi yang diaturkan oleh Tourism Selangor dalam tempoh satu tahun yang lalu. Tuan Speaker saya juga ingin menyentuh sedikit tentang bandar selamat. Saya difahamkan pada masa sekarang di peringkat majlis bandar raya Petaling Jaya , satu jawatankuasa telah ditubuhkan. Ini adalah satu jawatankuasa pelan tindakan. Iaitu satu jawatankuasa *ad-hoc* sahaja untuk menguruskan isu-isu tentang bandar selamat. Memang kita sedia maklum bahawa isu tentang jenayah ini adalah tanggungjawab utama PDRM. Tapi saya berpendapat, selain daripada PDRM, PBT dan juga jabatan Perancang Bandar masih boleh memainkan peranan yang penting untuk memastikan bandar-bandar di negeri Selangor ini selamat. Selamat dan, daripada kegiatan jenayah. Oleh itu saya sebenarnya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri Selangor sama ada mungkin ke tidak kita menubuhkan satu lagi jawatankuasa baru di PBT untuk menguruskan isu bandar selamat ini. Aaa...seperti, saya berpendapat ini adalah satu langkah yang lebih konkrit dan lebih mantap daripada kita mengadakan satu jawatankuasa *ad-hoc* untuk menguruskan isu-isu ini. Dan aaaa...saya juga ingin menyentuh sedikit sebanyak Tuan Speaker, tentang, tentang apa ni, tentang rancangan mencegah banjir , pada tahun yang lalu,...aa...pada bajet 2009, yang dibentangkan pada tahun yang lepas, kita ada , kita telah memperuntukkan 44.9 juta ringgit untuk rancangan mencegah banjir di bawah jabatan pengairan dan saliran Selangor. Dan saya sekarang ini kita pula dimaklumkan dalam pembekalan tambahan ini bahawa JPS meminta untuk menambah peruntukan sebanyak 7 juta ringgit. Saya tidak ada masalah dengan tambahan bajet ini, tetapi saya perhatikan bahawa peruntukan tambahan ini, adalah untuk menampung emolumen dan bayaran pekerja. Dan ini adalah saya yang , apa yang saya rasa ialah tidak begitu baik kalau hanya untuk menampung emolumen dan bayaran pekerja saja kerana isu banjir ini adalah satu

isu yang cukup besar. Saya ingat bahawa, wang ringgit yang diperuntukkan untuk JPS ini sewajarnya digunakan untuk membersihkan sungai-sungai yang ada di negeri Selangor ini dan ini adalah kerja-kerja yang tidak boleh dilengahkan lagi. Aaa... oleh itu saya meminta lah supaya jabatan berkenaan daripada memohon peruntukan tambahan untuk membayar gaji dan emolumen, pada masa yang akan datang supaya lebih berhemah dalam perbelanjaan dan memastikan wang ringgit yang lebih banyak boleh diperuntukkan untuk pembersihan sungai dan pencegahan banjir-banjir kilat. Kerana kalau sungai kita masih lagi banjir, seperti biasa segala rancangan, rancangan pembangunan kerajaan negeri Selangor, pakej rangsangan ekonomi Selangor, tidak akan dapat berjalan dengan lancarnya. Saya aaa... Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang bekalan air.. tentang penyaluran air dari negeri Pahang ke negeri Selangor. Sebab ada satu perkara yang saya berasa bimbang, iaitu saya difahamkan oleh rakan-rakan setugas saya dari Pahang bahawa kes lombong emas yang menggunakan zaneda di Pahang, yang sekarang ni menjadi isu hangat. Lokasi lombong tersebut terletak berdekatan sangat dengan sumber tadahan air Pahang ini di mana air itu akan disalurkan ke negeri Selangor. Saya meminta supaya Tan Sri Menteri Besar boleh melihat perkara ini dengan lebih teliti supaya memastikan air yang disalurkan dari negeri Pahang ini adalah bersih dan tidak dicemari oleh zaneda . Dan, Tuan Speaker saya juga ingin membangkit beberapa perkara, yang saya rasa telah dibangkitkan dalam sidang DUN yang lepas tetapi nampaknya belum ada apa-apa lagi tindakan yang telah, diambil untuk memperbaiki perkara itu. Saya telah mencadangkan dalam sidang dewan yang lepas, supaya garis panduan perancangan bandar dan desa yang sedia ada dirombak ataupun dipinda semula. Yang pertama ialah tentang penyediaan tempat letak kereta di kawasan perumahan berbilang tingkat. Yang kedua saya juga mencadangkan supaya diwujudkan rizab dana pemancar gelombang elektro magnetik syarikat-syarikat Telco , agar isu-isu pemasangan menara *play station* dapat diselesaikan untuk projek perumahan yang akan datang. Saya juga mencadangkan supaya dalam sesuatu projek perumahan dan pembangunan, kita perlulah memastikan talian telefon dan *fiber* optik ini dapat dipasang untuk membantu memajukan penggunaan Internet jalur lebar di negeri Selangor. Saya juga mencadangkan rizab dana disediakan untuk pemasangan CCTV supaya kita boleh mewujudkan satu bandar yang selamat. Saya perlu mengaku bahawa jabatan perancang bandar dan desa memang ada memberi ulasan bertulis kepada saya. Tetapi kalau setakat ulasan bertulis tanpa tindakan susulan, saya rasa ini adalah tidak mencukupi. Oleh itu saya menyarankan kepada kerajaan negeri Selangor supaya mengambil tindakan pro aktif untuk memastikan cadangan-cadangan ini bolehlah dilaksanakan jikalau ianya *viable* (dengan izin). Saya juga ingin pada masa yang saya memang ingin memberi ucapan syabas kepada EXCO yang bertugas, yang menjaga portfolio perumahan di mana sekarang ini petugas-petugas COB telah dilantik untuk melakukan tugas COB ini cuma saya, perhatian saya ialah supaya aaa....dasar ini dilaksanakan dengan cepat, perlulah dilaksanakan dengan cepat kerana terdapat banyak kes yang tertangguh sehingga sekarang. Saya tahu bahawa ada beberapa set atau modul, sama ada kita *centralize* kan atau *decentralize* kan. Saya rasa, saya mengesyorkan supaya kerajaan negeri Selangor mengambil langkah proaktif untuk membuat satu keputusan cepat. Supaya kita boleh memulakan tugas kita seberapa cepat yang boleh. Saya juga ingin bertanya tentang perbadanan adat Melayu dan warisan Selangor yang telah diluluskan dalam sidang DUN yang lepas tentang apakah status ataupun kedudukan terkini. Sekarang saya juga ingin bertanya tentang pembinaan pusat-pusat kebudayaan Tiong Hua, India dan juga Melayu dan apakah statusnya sekarang khususnya pusat kebudayaan Tiong Hua yang masih belum ada sebarang permohonan rasmi daripada Kerajaan Negeri Selangor. Pada masa yang sama saya juga terbaca satu artikel daripada Selangor Kini bahawa Yang Berhormat EXCO yang menguruskan Portfolio Perumahan ini mencadangkan untuk membeli semula lot-lot bumiputera yang tidak dapat dihabiskan ataupun dijual oleh pihak pemaju. Pada pandangan saya cara ini adalah cara yang kurang berkesan. Saya sebenarnya kurang bersetuju dengan cadangan ini. Dan saya berpendapat apa yang diperlukan ialah membina

rumah mampu milik yang bersesuaian dengan keperluan dan pendapatan golongan bumiputera. Saya rasa adalah perlu supaya kita menuju ke arah itu daripada kita membuat cadangan untuk membeli semula lot bumiputera khususnya lot bumiputera yang diperuntukkan untuk kawasan perumahan *high end* seperti banglo dan sebagainya. Sebab saya rasa banglo untuk orang kaya sahaja seperti Sungai Panjang. Kalau untuk orang biasa tak perlu duduk banglo tetapi rumah mampu milik yang diperlukan. Jadi galakan harus diberikan kepada pemaju termasuk pemaju-pemaju kerajaan Negeri Selangor seperti PKNS untuk memperbanyakkan kategori rumah seperti ini.

Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Sungai Panjang juga menyentuh tentang satu syarikat yang dikatakan sebagai syarikat kroni dalam pelancaran *high win* satu bentuk Internet di mana beliau menuduh bahawa kerajaan telah menandatangani perjanjian selama 20 tahun dan sebagainya. Saya ingin memperbetulkan sebenarnya di dalam dewan yang mulia ini, walaupun syarikat berkenaan tidak memegang lesen *Wimax* daripada SKMM tetapi saya ingin menegaskan di sini bahawa apa yang difahamkan pada saya bahawa syarikat yang menandatangani kontrak atau MoU dengan kerajaan negeri Selangor mereka bukan pemegang lesen, mereka bukan pun pembekal peralatan *Wimax*. Apa yang dibekalkan adalah perkhidmatan Hibrid (*Wireless Infrastructure Network*) ataupun nama singkatan *hiwin*. Ini adalah salah satu teknologi yang baru di mana kita menggabungkan *wifi* dengan *Wimax*. Ini adalah penerangan secara ringkas. Jadi saya ingin memperbetulkan Yang Berhormat Sungai Panjang dalam dewan yang mulia ini supaya boleh meneliti data-data atau maklumat-maklumat baru tentang dunia Internet ini sebelum membuat kenyataan yang memesongkan dewan yang mulia ini. Tapi malangnya beliau tidak ada di sini. Saya juga ingin bertanya Tuan Speaker sama ada kerajaan negeri akan terus menyenaraihitamkan syarikat-syarikat dan kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam kes Jaya Super market di Seksyen 14 ini. Saya bertanya soalan ini kerana salah satu syarikat yang disenaraihitamkan iaitu DB Architects ialah satu syarikat arkitek yang saya difahamkan agak besar. Kalau kita senarai hitam sudah tentu ini akan mendatangkan kesan yang berpanjangan kepada syarikat ini. Saya juga bersetuju dengan tindakan drastik ini kerana saya pun tidak mahu melihat Selangor dan Petaling Jaya ini dipenuhi dengan pembangunan yang tidak mampan. Apa yang kita perlukan ialah pembangunan yang *sustainable*, yang mampan, yang boleh menjadikan Bandar kita ini *livable* tapi saya juga ingin bertanya sama ada mungkin ke dari segi undang-undang kita buat sedemikian dan kalau boleh ianya akan memberikan satu kesan saringan yang sangat penting untuk *industry prior* dengan izin pada masa akan datang. Jadi inilah yang saya ingin bangkitkan di sini. *Point* saya yang terakhir adalah supaya dicadangkan membentuk satu kuasa pemantauan bajet. Kita membentangkan rang undang-undang ini pada pertengahan sidang dewan ini. Betulkan saya kalau saya silap, pada pengalaman saya ini adalah sedikit luar biasa kerana biasanya rang undang-undang tambahan dibentangkan pada akhir tahun. Walau bagaimanapun saya ingin mencadangkan untuk memantapkan perihal kewangan kerajaan negeri mungkin boleh menubuhkan satu jawatankuasa pemantauan bajet. Cadangan ini pernah dibangkitkan dalam Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan saya rasa inilah salah satu cadangan yang baik dan wajar dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan itulah apa yang ingin saya sampaikan di dewan yang mulia ini. Saya Kampung Tunku mohon menyokong. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Tuan Speaker. YAB Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin memulakan perbahasan saya pada petang ini dengan mengalu-alukan penyertaan sahabat seperjuangan saya daripada Kota Alam Shah dalam Persidangan Dewan Negeri Selangor kali ini.

Tuan Speaker, sekiranya Kerajaan Pusat berpegang teguh kepada prinsip negara hukum, pastinya Yang Berhormat Kota Alam Shah tidak akan merengkok dalam tembok kezaliman di Kamunting. Malangnya, walaupun Perdana Menteri beralih tangan, UMNO masih lagi meneruskan hukum rimba di dalam pentadbiran dan menyebabkan institusi demokrasi dalam negara kita terus musnah. Sehubungan itu, sambutan 50 tahun Dewan Negeri Selangor membawa makna yang cukup besar. Kalau kita teliti ucapan YAB Dato' Menteri Besar pagi semalam ianya menjurus ke arah untuk kita kembali semula kepada negara hukum dan hak rakyat negeri Selangor melalui dasar-dasar yang menyentuh kepedulian rakyat.

Saya dengar dengan tekun sebentar tadi perbahasan Sungai Panjang. Saya tidak mengganggu kerana saya terpukau dengan perbahasan beliau. Alangkah indahnya dan sejahteranya rakyat negeri Selangor kalau Sungai Panjang ketika berada di Tingkat 21, melaksanakan apa yang diucapkan sebentar tadi. Malangnya beliau hanya terfikir setelah rakyat merehatkan beliau pada bulan Mac 2008. Mungkin kerana jawatan barunya yang dilantik oleh Presiden UMNO iaitu Ketua Pemikir UMNO Negeri Selangor, satu jawatan baru yang tidak pernah wujud dalam mana-mana organisasi.

Tuan Speaker, saya ingin memulakan perbahasan perbekalan tambahan 2009 pada petang ini dengan merakamkan penghargaan kepada kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor di bawah kepimpinan YAB Dato' Menteri Besar di atas penganugerahan Sijil Akaun Bersih 2008 oleh Ketua Audit Negara baru-baru ini. Ini membuktikan bahawa pentadbiran baru kerajaan negeri Pakatan Rakyat telah mengurus amanah ini dengan baik dan bertanggungjawab. Saya juga ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada Dato' Pegawai Kewangan Negeri dan juga Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai kerajaan yang telah melaksanakan khidmat mereka dengan cemerlang dan mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang telah ditetapkan.

Perbahasan kita pada hari ini tertumpu pada usul untuk mendapatkan peruntukan tambahan berjumlah 120 juta untuk belanja mengurus dan juga pembangunan. Tuan Speaker, saya tidak menjangkakan terdapat halangan besar untuk melakukan demikian memandangkan negeri Selangor mempunyai *reserve* yang agak besar. Saya dimaklumkan sudah menjangkau lebih RM 800 juta *reserve* kerajaan negeri Selangor. Namun, perdebatan yang timbul pada petang ini ialah persoalan urus tadbir yang baik. EXCO Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri wajib mematuhi amalan belanja yang berhemah. Peningkatan perbelanjaan yang tidak dibajetkan bukanlah satu amalan urus tadbir kewangan yang baik bagi sesebuah kerajaan. Kerajaan dan EXCO Kerajaan Negeri harus berpegang teguh kepada prinsip ini kerana saya bimbang, kalau amalan ini diteruskan di mana perbelanjaan tidak mengikut perkara yang telah dibajetkan, mungkin empat atau lima tahun yang akan datang, *reserve* Kerajaan Negeri akan pupus. Maka kerajaan negeri terpaksa mendepani dengan bajet defisit dan menggalas tanggungjawab yang lebih mencabar untuk kembali kepada bajet berimbang.

Pada tahun lalu, YAB Dato' Menteri Besar telah membuat unjuran bukan andaian seperti yang dikatakan oleh Sungai Panjang. Dalam pertimbangan ekonomi, tentulah kita terpaksa membuat unjuran pendapatan dan perbelanjaan. Kerajaan negeri telah mengunjurkan kutipan hasil pada tahun ini sejumlah RM 1.4 bilion dan perbelanjaan juga mencatatkan angka yang sama, iaitu RM 1.4 bilion. Maka, Dato' Menteri Besar mencadangkan supaya kita menguruskan *balance budget* (bajet berimbang). Namun Tuan Speaker, apa yang kita catatkan sehingga Mei tahun ini pendapatan negeri hanyalah RM,500 juta sahaja iaitu 35.7%. Kalau kita meneruskan trend yang sama, kita menjangkakan sehingga hujung tahun, ini kita hanya boleh mencatatkan tambahan sebanyak lebih kurang RM 600 juta sahaja. Kalau kita ikut trend yang sama apa yang telah berlaku sepanjang beberapa bulan yang lalu. Ini akan menyebabkan pendapatan negeri hanya mencatatkan RM 1.1 bilion; kekurangan RM 300 juta. Dan ini juga merekodkan,

kita hanya dapat mencapai pendapatan hanya 81%. Kekurangan sebanyak 19% atau lebih kurang RM 300 juta. Kalau ini berlaku Tuan Speaker, maka kerajaan negeri terpaksa berdepan dengan bajet defisit berjumlah 20% pada tahun ini. Sebab itulah perbahasan pada petang ini penting. Sementara kita ingin memberikan dukungan untuk peruntukan tambahan tetapi kerajaan negeri, EXCO kerajaan negeri haruslah mengambil langkah-langkah yang pro aktif untuk memastikan pendapatan negeri akan terus bertambah. Saya telah mencadangkan tadi supaya EXCO kerajaan negeri mematuhi prinsip perbelanjaan mengikut perkara yang telah dibajetkan. Walaupun saya mengambil maklum bahawa ada perbelanjaan yang tidak dapat kita kesan ketika membuat unjuran tetapi peratusannya masih boleh dikawal dan diselia dengan bertanggungjawab.

Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada muka surat 2 dalam laporan Perbendaharaan yang telah dibekalkan. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan negeri asas pengagihan perbelanjaan ini di mana sejumlah 36% diperuntukkan untuk belanja mengurus dan hanya 64% untuk pembangunan. Peratusan ini mencatatkan lonjakan tambahan sebanyak 25%. Kerana peruntukan tambahan pada tahun 2008, hanya 11% sahaja yang diperuntukkan untuk belanja mengurus tetapi kali ini 36% satu lonjakan yang cukup besar yang menuntut penjelasan dari kerajaan negeri. Mengikut amalan urus tadbir kerajaan yang baik, biasanya belanja mengurus tidak melebihi 20% daripada jumlah bajet yang diperuntukkan.

Tuan Speaker, apa maknanya negeri Selangor ini menjadi negeri yang maju tetapi perkara-perkara asas kita tidak dapat tumpukan untuk menjamin kesejahteraan rakyat. Saya tidak dapat menafikan sama sekali bahawa program-program kebajikan melalui program merakyatkan ekonomi negeri Selangor yang diketuai oleh YAB Dato' Menteri Besar cukup berjaya sepanjang tempoh setahun yang lalu. Tetapi kita juga mendengar banyak aduan yang diterima sejak akhir-akhir ini. Ada dua perkara yang ingin saya lontarkan pada perbahasan saya pada petang ini. Pertama; aduan yang paling popular hari ini ialah masalah penyelenggaraan jalan raya-jalan raya di negeri Selangor (*road maintenance*) termasuk di bandar-bandar besar di Shah Alam, Petaling Jaya, Klang, Gombak, apatah lagi daerah-daerah di luar bandar di mana terlalu banyak jalan-jalan yang berlubang dan tidak di selenggara dengan baik, menyebabkan rakyat berasa kecewa kerana perkara yang semudah itu; kemudahan asas yang amat diperlukan oleh setiap rakyat negeri Selangor tidak dapat diuruskan dengan baik dan sempurna. Kalau kita lihat kepada peruntukan tambahan yang dipohon Kerajaan Negeri, saya difahamkan membayar kepada *Highway Civil Maintenance* (HCM) pada muka 11, setiap tahun berjumlah RM 25 juta. Dan dalam peruntukan tambahan ini, Kerajaan Negeri memohon RM 10 juta untuk menampung kos yang berkenaan. Ini tidak termasuk peruntukan MARRIS daripada Kerajaan Pusat. Persoalannya dengan jumlah peruntukan yang sebegitu besar, mengapa jalan-jalan di Negeri Selangor termasuk di bandar-bandar utama di Shah Alam, Klang, Petaling Jaya masih lagi tidak dapat diselenggarakan dengan baik.

Yang kedua; soal kebersihan juga aduan yang paling banyak saya terima bukan sahaja di luar daerah tetapi kebersihan di bandar-bandar utama Shah Alam, Petaling Jaya, Klang semakin hari semakin meleset. Saya bimbang kalau perkara-perkara asas seperti ini tidak ditangani dengan baik melalui pengarahannya yang cukup jelas daripada pimpinan yang baru kepada PBT, saya bimbang ianya akan menghakis keyakinan rakyat kepada kerajaan yang baru ini.

Saya juga terpanggil untuk meneliti angka-angka ekonomi yang agak membimbangkan. Peningkatan perbelanjaan yang besar, hari ini kita minta RM 120 juta tambahan tanpa pendapatan negeri yang bertambah akan menyebabkan, saya ulangi, Kerajaan Negeri terpaksa mendepani dengan bajet defisit. Amat mudah untuk kita mengurus bajet defisit iaitu dengan

meneruskan amalan belanja dengan boros tetapi Kerajaan Negeri juga perlu mengambil langkah-langkah segera untuk meningkatkan pendapatan negeri.

Angka-angka ekonomi yang saya ingin berkongsi pada petang ini ialah sebagai contoh kutipan hasil daripada tanah dan galian termasuk pasir dan bahan batu lain amat membimbangkan. Jumlah keseluruhan kutipan pada tahun ini daripada Januari hingga Mei hanyalah RM 8.5 juta berbanding dengan kutipan pada 2008 berjumlah RM 36 juta dan kalau saya cerakinkan mengikut daerah Klang hanya RM10,000.00 sahaja. Petaling hanya RM 45,000.00 yang terbesar ialah Hulu Langat RM 3.5 juta, Sepang RM 1.2 juta. Yang lain-lain jumlahnya terlalu kecil. Persoalan yang saya kongsi ialah di manakah keberkesannya Kumpulan Semester yang dibentuk oleh Kerajaan Negeri. Walaupun niat dan matlamatnya baik tetapi akhirnya yang menentukan keberkesanan sesebuah organisasi itu ialah keputusan atau pungutan yang diperolehi. Semalam dalam Dewan ini EXCO memberitahu daripada September sehinggalah Julai pada tahun ini kutipan royalti melalui Semester hanyalah RM 4 juta. Kalau ini berterusan, apakah kita mampu meneruskan program merakyatkan ekonomi Negeri Selangor fasal yang kedua. Saya bimbang Tuan Speaker, banyak perkara telah kita bahaskan tetapi kalau perkara-perkara asas dan prinsip ini tidak kita teliti dengan baik, saya bimbang program-program yang akan dapat memberikan manfaat kepada rakyat Negeri Selangor ini tidak dapat diteruskan. Saya boleh menjangkakan EXCO akan bangun petang esok beritahu itu unjuran RM 150 juta. Saya setuju dalam merangka perbelanjaan kewangan memang kita kena buat unjuran tetapi kalau unjuran RM 150 juta kutipannya RM 4 juta, saya tidak boleh maafkan Tuan Speaker. Saya boleh maafkan kalau unjuran RM 150 juta, kutipan RM 100 juta saya boleh maafkan. Ada perkara-perkara yang tidak terhidu.

YB TUAN WONG KOON MUN: Tuan Speaker, Tuan Speaker boleh celar sedikit. Terima kasih kepada Tuan Speaker saya masih ingat semalam dalam sesi pertanyaan. Anggaran saya kutipan pasir adalah RM6.9 juta tetapi jawapan daripada Kota Anggerik ialah RM20 juta. Tetapi hairan juga saya dengar daripada Hulu Klang bahawa sebenarnya ialah RM4 juta so saya perlu mendapat satu penjelasan mana satu angka yang betul. Sekian.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih, Kuala Kubu Bharu, saya bukan Hulu Klang. Hulu Klang tahun 1999 dulu. Kali ini Bukit Antarabangsa. Saya dah di peringkat antarabangsa sekarang. Ya,ya tahniah.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih, Kuala Kubu Baharu jangan *confused* seperti Sg. Panjang. Apa yang dijawab oleh EXCO semalam RM 22 juta, itu adalah jumlah jualan. Keuntungan sebelum cukai RM 7 juta. Royalti yang dibayar RM 4 juta faham. Terima kasih. Kita adakan kuliah lepas ini nanti untuk Barisan Nasional. Saya bukan nak menyerang Dasar Kerajaan Negeri. Mukadimah saya sebut tadi, ini satu dasar yang baik matlamatnya, murni tetapi akhirnya yang diukur ialah output atau pungutan hasil daripada satu agensi yang baru ditubuhkan. Kalau unjurannya RM 150 juta, kutipannya RM 4 juta walaupun ianya belum sampai ke hujung tahun 2009 tetapi apakah EXCO boleh beri jaminan 6 bulan yang akan datang, ada satu peningkatan sebanyak RM 144 juta. Saya bimbang.

YB TUAN NG SUEE LIM: YB Bukit Antarabangsa, setuju tak kalau saya cadangkan satu Jawatankuasa Bebas Siasat untuk Semester ini? Setuju atau tidak?

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Sekinchan mencadangkan. Saya boleh sokong kita dengar besok apa EXCO akan jawab. Yang penting kita mahu supaya perkara ini diteliti dengan cara yang cukup bertanggungjawab sebab operasi mencuri pasir ini masih berjalan. Tuan Speaker, saya telah dihubungi oleh seorang pencuri pasir ini. Azmin, saya nak beritahu

saya curi pasir. Saya kata kenapa curi? Dia kata sebab tidak ada pilihan yang lain dan dia beritahu untungnya cukup besar. Boleh tak dia kongsi sedikit dengan Kerajaan Negeri. Kenyataan itu sebenar menyinggung saya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri tetapi itulah realiti di bawah. Sementara Kerajaan Negeri gagal mengutip hasil daripada pasir-pasir dalam Negeri Selangor, operasi mencuri masih berleluasa. Sebab itulah dalam membuat unjuran ini saya ingin mencadangkan....

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Yang Berhormat mungkin istilah mencuri pasir tidak tepat. Dia bukan curi pasir ia cuma melarikan pembayaran royalti. Kena menggunakan istilah mencuri pasir itu mungkin mengelirukan sebab dia orang yang betul-betul mencuri pasir dia rasa betul sekarang ini.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Baiklah Tuan Speaker, saya tarik balik istilah mencuri tapi diambil pasir tanpa lesen. Saya tak tahu apa maksud itu. Sebab itulah dalam kita merangka unjuran pendapatan sesebuah agensi seperti ini, saya mencadangkan ianya mesti melibatkan semua agensi-agensi kerajaan. Janganlah perhitungan unjuran ini hanya berlegar di kalangan satu dua kerat orang yang tidak dapat maklumat sepenuhnya mengenai apa yang berlaku di bawah. Sebagai contoh, sebahagian daripada tanah yang diunjurkan akan mendapat kutipan hasil adalah ini tanah-tanah dalam prosiding mahkamah. Ada tanah-tanah yang sudah pun di kaveat. Maka inilah menyebabkan unjuran itu tersasar jauh daripada matlamat asal. Ianya hanya boleh diselesaikan sekiranya Kerajaan Negeri mengambil pendekatan melibatkan pihak-pihak agensi-agensi kerajaan dalam menentukan unjuran yang objektif bagi mengutip hasil daripada Kumpulan Semester ini. Kalau tidak ianya tidak dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan dan yang keduanya, ianya akan menyebabkan banyak program-program yang memberi manfaat kepada rakyat tidak dapat diteruskan.

Yang kedua Tuan Speaker, kutipan hasil daripada premium tanah. Ini juga penting.

Sumber pendapatan Kerajaan Negeri selain daripada sumber kutipan royalti daripada pasir, bahan mineral lain, juga daripada tanah. Kita tidak ada gas dan petroleum, kita ada tanah tetapi kita lihat angka daripada Januari tahun ini sehingga Mei 2009 premium tanah hanyalah RM 90 juta sahaja. Sedangkan pada tahun 2008 premium yang dikutip adalah RM 458 juta. Apakah Kerajaan Negeri boleh memberi jaminan dalam 6 bulan yang akan datang kutipan ini akan meningkat? Sekali lagi kalau jaminan ini tidak dapat diberikan, saya cukup bimbang banyak program-program akan terbantut.

Begitu juga hasil taksiran bagi PBT bagi tahun ini. 6 bulan yang lalu hanya RM 450 juta sahaja sedangkan pada tahun 2008 berjumlah RM 892 juta. Sebagai contoh MBSA tahun lepas RM 131 juta; tahun ini baru RM 64 juta. Saya beri yang besar-besar sahaja Majlis Bandaraya Petaling Jaya tahun lalu RM 145; juta tahun ini hanya RM 73 juta, MPAJ RM 69 juta tahun 2008, tahun ini baru RM 33 juta; dan seterusnya.

Saya ingin mencadangkan supaya perkara ini juga diteliti oleh kerana Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Selangor juga menghadapi masalah dengan Kerajaan Persekutuan. Walaupun Sg. Panjang cuba mempertahankan bos dia yang baru tetapi dia tidak faham realiti UMNO memang jahat. Lihat di Kelantan. Mungkin Sg. Burong nak mempertahankan. Di Kelantan, UMNO dah curi gas 6 tahun yang lalu. Curi petroliaam 6 tahun tetapi satu sen royalti pun tak dibayar kepada Kerajaan Kelantan. Apakah ini adil namanya? Apakah ini negara hukum namanya? Hari ini Timbalan Perdana Menteri beri jawapan, dia kata oleh kerana jarak pusat gas itu tak masuk dalam persisiran sempadan Negeri Kelantan. Dia bohong. Jaraknya hanya 150 km. Di Sabah jaraknya hanya 210 km tapi dapat royalti. Di Terengganu jarak daripada persisiran pantai 220

km, mereka dapat royalti. Di Kelantan jaraknya hanya 150 km tetapi tak dapat royalti kerana apa? Kerana itu kerana itu Kerajaan Pakatan Rakyat. Tetapi UMNO lupa dalam mendabik dada, memperjuangkan Melayu, Ketuanan Melayu, cabut keris tiap-tiap hari, dia lupa 90% rakyat Kelantan adalah orang Melayu. Sebab itu saya nak isytiharkan dalam Dewan Undangan Negeri pada kali ini, pengkhianat Melayu adalah UMNO itu sendiri. (Dewan bertepuk)...

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh Tuan Speaker, penjelasan...

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Saya dah agak Sg. Burong akan bangun...

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya tertariklah dengan Antarabangsa yang hari ini bila duduk di luar daripada Barisan Nasional bukan main dok kutuk UMNO jahat. Saya ingin penjelasan sewaktu itu siapa yang pernah menjadi Menteri Kewangan? Siapa yang menjadi penasihat-penasihat Menteri Kewangan? Bukankah orang yang bercakap tu, saya rasa kalau kita meludah ke langit, silap jatuh ke muka diri sendiri.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Sg. Burong. Enam tahun yang lalu, Menteri Kewangan ada di Sg. Buloh, tidak ada di dalam Kementerian. Betul saya dulu UMNO, tetapi saya insaf. (Dewan bertepuk..). Saya mengambil sikap yang mudah. Di dalam Islam ini kalau kita tahu benda itu salah, kita beristighfar pada Allah SWT dan saya sedar dan yakin bahawa UMNO ini masih di dalam jahiliah. Maka saya mengambil keputusan untuk berhijrah daripada UMNO kepada KEADILAN. Jadi saya dengan tangan terbuka, menjemputlah Sg. Burong, bila insaflah, sekarang tak apa..sekarang duduk dulu. Oleh kerana belum ada keinsafan, belum ada kesedaran tapi kalau boleh lepas solat subuh besok Insya-Allah kita akan umumkan Sg. Burong menyertai KEADILAN, Insya-Allah.

Y.B TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Tuan Speaker dan Bukit Antarabangsa memberi laluan. Saya mohon penjelasan mengenai isu gas dan minyak royalti yang ditimbulkan di Negeri Kelantan, perjanjian.. saya dimaklumkan bahawa PETRONAS akan membuat penjelasan mengenai perkara ini dan sabarlah tunggu penjelasan sebenar dari PETRONAS yang akan melibatkan peraturan, undang-undang kuat kuasa dan sebagainya. Cuma saya nak bertanya kepada Bukit Antarabangsa, kenapa pula tiba-tiba apabila Pilihan raya Kecil Manik Urai, tiba-tiba sahaja isu ini dibangkitkan. Tidak dibangkitkan sedangkan kerajaan negeri sudah diperintah oleh PAS dari tahun 1990 kenapa tiba-tiba isu ini begitu hebat diperkatakan apabila Pilihan raya Kecil Manik Urai, tidak sebelumnya, saya mohon penjelasan. Terima kasih.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Permatang, cukup setia dengan Sg. Panjang. Dua perkara, pertama betul PETRONAS hari ini buat,.. bukan PETRONAS tetapi Timbalan Perdana Menteri hari ini membuat kenyataan mengarahkan PETRONAS bagi tempoh 48 jam. Tapi setelah kita desak berulang kali. Maknanya bukan dengan keikhlasan, kejujuran UMNO dan Barisan Nasional untuk berkongsi maklumat ini. Tidak. Setelah Pakatan Rakyat bangun dan bangkit memberi kesedaran kepada rakyat bahawa kita ditindas, kita dizalimi baru nak jelaskan. Tak apalah, saya tunggu 48 jam, tetapi kita ada rekod. Ada sebahagian kawasan itu bertindih dengan Thailand di bawah *Joint Development Authority*, JDA dan memang ada perjanjian, keuntungannya 50-50 dan kita dah pergi Thailand dah, UMNO dia pergi tempat lain tetapi kita pergi jumpa Kerajaan Thailand, kita *trace record*, daripada 50% yang diperolehi dari Kerajaan Thailand, kita boleh nilai berapa banyak untuk Kerajaan Malaysia dan kita hanya tuntutan 5% daripada 50% yang berkenaan. Itu pun tak boleh beri. Tak apa saya tunggu penjelasan daripada PETRONAS.

Yang kedua Permatang bangkitkan kenapa sekarang. Saya nak bangkitkan juga kenapa baru sekarang nak batalkan PPSMI. Lima tahun dah kerajaan mempertahankan PPSMI, berbelanja RM 4.5 bilion, baru malam tadi sedar dasar ini silap. Alasan yang diberikan oleh Timbalan Perdana Menteri ialah sebab ada laporan dari badan UNESCO yang mengesahkan dalam kajiannya bahawa apabila seseorang rakyat itu hendak maju dalam bidang sains dan teknologi ianya mestilah dididik dalam bahasa ibundanya. Itu penjelasan Timbalan Perdana Menteri. Permatang, hujah yang sama digunakan oleh Pakatan Rakyat 5 tahun yang lalu. Tapi UMNO sombong, tak mahu dengar sebab masa itu dia takut dengan Dr. Mahathir. Sekarang ini baru berani, itu pun sebelum umum, Timbalan Perdana Menteri jumpa dulu Tun Mahathir, boleh tak aku umum. Siapa Perdana Menteri? Siapa .. bukan saya kata, ini bukan tuduhan, ini Tan Sri Muhyiddin yang membuat kenyataan semalam, saya dah semak dengan Tun, Tun setuju. Hari ini Tun kata tak setuju sebab dia mudah lupa Tuan Speaker. Inilah permainan politik UMNO. Sebab dia tahu Manik Urai 99% adalah pengundi Melayu dan dia tahu orang Melayu marah, tokoh akademik marah, cendekiawan marah, baru hari ini nak batalkan tetapi belanja dah RM 4.5 bilion dan bukannya batal besok, 3 tahun yang akan datang. Dia lupa 3 tahun yang akan datang, kami yang berada di Putrajaya, jangan bimbang. Yang kedua saya nak bangkitkan kalau 5 tahun berbelanja RM 4.5 bilion, 3 tahun yang akan datang berapa bilion pulak? Kalau tempoh 5 tahun boleh belanja RM 4.5 bilion, 3 tahun lagi mungkin RM 3 bilion, RM 7.5 bilion habis begitu sahaja. Apa akan jadi *software* berkenaan? Apa akan jadi kepada bahan-bahan yang telah dibeli selama tempoh 5 tahun ini? Satu pembaziran Kerajaan Barisan Nasional. Sebab itu saya nak bawa balik kepada Selangor. Selangor jangan buat macam UMNO. UMNO ini kata Tok Guru Nik Abdul Aziz dah *gemulah*. Saya tak faham apa istilah *gemulah*. Tuan Speaker mungkin faham. Saya tanya Tok Guru Nik Aziz di Manik Urai. Saya tanya Tok Guru *gemulah* ini apa? *Gemulah* ini rupanya asal dari perkataan dah pulang ke rahmatullah. Jadi kita tak mahu pembaziran seperti ini, boros seperti ini, rasuah seperti ini kerana rakyat akan menghukum kita dalam pilihan raya yang akan datang. Saya nak balik ke Selangor, dah jauh dah ke Kelantan, Thailand, kejap lagi Mongolia, ada Mongolia ni.

Kita ada masalah dengan kerajaan pusat. Contohnya peruntukan iaitu Geran Jalan Raya berdasarkan sistem maklumat rekod-rekod jalan raya Malaysia ataupun MARIS. Tuan Speaker pada tahun 2007, Pusat beri RM 276 juta. Pada tahun ini hanya RM 150 juta. Adil? Tidak adil, pemberian berdasarkan tahap ekonomi. Tahun lepas; Tahun 2007, RM 16 juta, tahun ini .. kosong, belum beri. Pemberian 5% bagi projek Kerajaan Persekutuan belum beri. Projek mengurus yang 50% di bawah jabatan, belum beri. *Capitation Grant* pada tahun 2008 .. RM 70 juta, tahun ini baru RM 36 juta. Ini menunjukkan, sementara kita menghadapi masalah dengan Kerajaan Pusat yang menggunakan tekanan, ugutan untuk menghalang kemajuan di Negeri Selangor. Tak cukup itu dia guna SPRM untuk menekan pimpinan Negeri Selangor, lembunya, keretanya, Hari Rayanya, Yang *mention* mahligainya sampai sekarang sentuh pun tidak. Tanya pun tidak. Saya tidak mahu terbabit dalam perbalahan Sekinchan dengan Sg. Panjang.

YB TUAN NG SUEE LIM: Hah.. tentang mahligai saya nak masuk sedikit, minta sikit..

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Nanti dulu, belum masuk lagi. Sg. Panjang dia gunakan pentas ini untuk mempertahankan dan membela diri dia. Tak apalah itu hak dia, tetapi saya nak beritahu ini bukan soal, saya tidak mahu membuat tuduhan. Kalau betul dia mampu tidak ada masalah. Saya tak ada masalah. Buat secara baik, amanah, bertanggungjawab, tak rasuah. Saya tidak ada masalah. Tetapi Tuan Speaker perkara yang saya nak tekankan di sini ialah mungkin dari segi prosedurnya betul. *Procedurally correct* atau *right* tapi *morally is wrong*. Bagaimana seorang Menteri Besar, cabutlah gigi berapa banyak pun, bubuhlah gigi emas berapa banyak pun, takkan boleh bina rumah sebesar itu. Kalau betullah boleh bina pun,

takkan tak terasa sedikit pun, takkan tak ada *conscience* sedikit pun; bagaimana aku boleh duduk mahligai ini sedangkan masih ramai rakyat Negeri Selangor yang duduk di tebing-tebing sungai sebagai peneroka bandar. Tak terasa ke? *Conscience* kita di mana? Kita pimpinan politik, kita bukan tauke usahawan besar, kita pimpinan politik sebab itu saya kata mungkin *Procedurally* tetapi *morally is wrong*, sebagai Menteri Besar buat *mansion* sebegitu. Saya ada *calculation*, saya bukan nak buat tuduhan tetapi jawablah nanti. Dia kata ada 2 lot. Jumlah kedua-dua lot ini 52221 kaki persegi.. baik. Saya terima baik jawapan Sg. Panjang dia kata RM 3.5 juta saja. Saya bawa Setiausaha Kerajaan Negeri, saya bawa pegawai BPR. Apa kena mengena dengan SS nak pergi tengok rumah pula ni. Apa kena mengena Pengarah BPR nak pergi tengok rumah? Pengarah BPR, kalau siasatan, dia teruskan. Apa dia *tour* ke? Pergi Disneyland, pergi rumah bawa SS, bawa Pengarah BPR, ini apa benda? Itu tak menjamin bahawa urusan itu betul. Jangan gunakan Setiausaha Kerajaan Negeri, jangan guna pegawai kerajaan negeri, jangan gunakan Pengarah BPR untuk menghalalkan cara yang haram, tidak boleh... tidak boleh. Dia kata harga RM 3.5 juta, okey kalau saya boleh terima angka itu, saya juga tidaklah sebahalul seperti ramai orang di sebelah sana. Kalau 52,000 kaki persegi dibahagi dengan RM 3.5 juta maknanya 1 kaki persegi RM 67. Sg. Burong boleh percaya, 1 kaki persegi RM 67? Pergilah cari pemaju hartanah mana sekalipun, kalau lokasi itu, rumah seperti itu, rumah banglo biasa yang *tiles* biasa, 1 kaki persegi ialah RM 110. Itu kalau *tiles*.. lantai biasa. Kalau.. pergilah cari pemaju hartanah mana pun, rumah banglo 1 kaki persegi, kalau dia pakai *grandnite* apatah lagi *design* nya daripada Bali, minima RM 180, 1 kaki persegi. Saya kalikan RM 180 1 kaki persegi kerana dia ada *grandnite*, dia ada *swimming pool*, *designnya* Bali, saya tengok pintunya, Ya Allah...oii.. malu, raja pun tak duduk begitu, ini Raja Bersiong duduk begitu. Kalau saya kalikan RM 180 1 kaki persegi dengan 52,000 kaki persegi, nilai hartanah itu dah mencecah RM 10 juta. Jawab Sg. Panjang. Jangan perbodohkan Dewan Negeri Selangor, kamu boleh perbodohkan Ketua UMNO Cawangan Sungai Panjang bukan Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam dewan ini. Ini *simple calculation*, saya tak mahu tuduh tapi dia kena jawab sebab memang 2 lot, jumlah persegi 52,000 kaki persegi. Kalau angkanya RM 3.5 juta, RM 67 sekaki persegi mustahil sama sekali. Sebab dia kata itu bukan dia buat. Itu memang beli hartanah dan rumah. Itu sahaja yang saya nak jawab.

YB TUAN NG SUEE LIM: Tambahan sikit. Berhubung dengan istana Yang Berhormat Sg. Panjang itu, jadi saya nak tekan sikit soal harga dan saya sekarang dilantik secara rasmi oleh Yang Berhormat Sungai Panjang pada tengah hari tadi melalui pegawai peribadi beliau, beliau menghantar surat yang tidak..surat yang macam ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat sila tengok surat yang macam ini, saya ingat jemputan kahwin Yang Berhormat isteri yang ke 2 ataupun kahwin *kondangan*. Macam ini, nama pun salah, tapi saya terimalah kerana ada jemputan sudi, kita terima, dia bagi kita terimalah. Tengok kandungan surat, Tuan Speaker, masya-Allah .. Dato' Seri Mohamad Khir bin Toyo, 12/1, Assentra Business Park, Jalan Presiden.... Jalan Presiden FU 1/F, Glemarie 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. 8hb Julai, okeylah 8hb Julai, Ng Suee Lim, betullah nama saya betul, Pelantikan Ng Suee Lim sebagai ejen untuk menjual banglo, dia sebut banglo tak sebut istana Khir Toyo, di mana lot 8, Jalan Suasa, Seksyen 7 Shah Alam, kepunyaan Dato' Seri Mohamad Khir Toyo. Saya pelik di sini Tuan Speaker, kalau lantik saja sebagai ejen, banglo tersebut 2 lot, saya sebut dua lot, tapi ini lot 8, lot 10 mana pergi? Lot nombor 10 mana pergi, saya jual 10 macam mana nak jual? Saya tak tahu, saya bukan ejen hartanah baru hari ini nak dilantik, saya nak tanya Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Tan Sri, ejen hartanah boleh jual separuh ya.. masya-Allah.. saya Sekinchan diputar belit sampai begitu. 1 lot Jalan Suasa, padahal istana beliau di Jalan Suasa 7/1L, tapi itu Jalan Suasa itu semua saya jual? Jiran-jiran pun saya jual? Yang Berhormat Bukit Antarabangsa, macam mana pelantikan daripada Sg. Panjang ini. Ini dia memang sengaja mengelirukan media-media, mengelirukan orang ramai, dia tidak ikhlas memang sejak perangai Sg. Panjang jadi Menteri Besar 8 tahun, memang tidak pernah ikut peraturan. Surat pelantikan pun tak

betul. Nak tipu Sekinchan, jadi Sekinchan tak boleh nak terima surat pelantikan macam itulah, secara rasmi saya umumkan dan dia kata dia nak *sue* saya, saman saya. Dalam masa yang sama nak lantik saya suruh jual RM 24 juta. Dalam masa yang sama nak *sue* saya juga. Nak duit pun nak *sue*. Macam mana Sg. Panjang, ni dah melebihi-lebih ni, lagi satu saya nak beritahu Dewan Yang Mulia ini, pembeli-pembeli yang serius, harga jualan seperti RM 24 juta yang dinyatakan oleh Ng Suee Lim, okey saya terima. Pembeli-pembeli yang serius hendaklah menandatangani 10% daripada harga jualan kepada peguam cara yang akan dilantik oleh saya...belum tengok rumah dah kena bayar deposit 10 %....Saya baru tanya peguam saya di belakang...Kota Alam Syah... mana Kota Alam Syah...tolong angkat tangan...oo...minum... minum...baru saya tanya dia kata prosiding biasa tengok dulu, setuju, baru buat SNP baru bagi 10%. Ini nak kena bayar dulu. Undang-undang rimba mana YB Sg. Panjang pakai saya tak tau..Masya-Allah...Saya minta penjelasan daripada Bukit Antarabangsa....mungkin dia lebih arif. Sekian terima kasih.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih Sekinchan. Saya ingat saya tak payah jawablah..memang jawapannya lagi jelas dan nyata , sebab itu saya harap Dewan ini tempat kita kembalikan negara hukum dan hak rakyat. Jangan guna sewenang-wenangnya untuk mengelirukan rakyat. Tapi Sekinchan kalau dapat komisen tu, kita bincanglah dalam Pakatan Rakyat.....

YB TUAN NG SUEE LIM: Kita sumbang dalam tabung Pakatan Rakyat.....

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN AL: Kita sumbang nanti, Insya-Allah.

YB TUAN NG SUEE LIM: Amal Ibadah.....

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Akhirnya Tuan Speaker, saya nak merumuskan perbahasan saya pada petang ini dengan memberikan cadangan. Sebentar tadi saya memberikan sedikit teguran...sedikit saja tu...menyinggung sedikit...tegur sedikit....saya rasa EXCO boleh terima, sebab ini untuk kebaikan semua..ya...Pertama saya nak mencadangkan kita lihat semula fungsi MTES, Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor. Matlamat pembentukan MTES ini memang baik. Saya dimaklumkan sekarang MTES bersidang setiap hari Jumaat. Bagus, untuk mengurangkan kerenah birokrasi. Semua Ketua-ketua Jabatan hadir memberikan taklimat dan penjelasan dan MTES harus berfungsi untuk *facilitate*, khususnya permohonan-permohonan baru yang menjurus ke arah untuk menjana ekonomi Negeri Selangor MTES juga harus berpegang kepada matlamat asalnya iaitu sebagai "*fast track*" ataupun "*green lane*" untuk membuat keputusan. Walaupun ianya "*fast track*" ia mestilah berpegang teguh kepada peraturan-peraturan dan syarat yang telah kita tetapkan. Tapi malangnya Tuan Speaker, daripada pengamatan saya, saya melihat MTES sekarang ini sudah menjadi sebuah Mahkamah Tinggi, menjalankan prosiding, mendakwa, menyiasat dan menghukum. Dan hukuman ini pula dibuat atas dasar yang cukup prejudis, yang tidak sihat. Kalau MTES bertindak sebagai Mahkamah Tinggi, yang buat siasatan, yang mendakwa dan yang menghukum, saya bimbang tidak banyak pelabur-pelabur yang mahu turun ke negeri Selangor. Kerana MTES sepatutnya membantu menyediakan lorong-lorong yang mudah dengan syarat yang tetap, yang jelas, dasar yang jelas supaya permohonan baru ini dapat kita percepatkan khususnya dalam keadaan ekonomi yang gawat pada hari ini. Kita mahu satu pertumbuhan ekonomi yang baru segera supaya rakyat negeri Selangor tidak akan terkesan dengan kegawatan yang mula melanda negara kita pada hari ini. Kita memerlukan pertumbuhan. Tanpa pertumbuhan kita tak boleh agihkan pembangunan. Sebab kalau tak ada pertumbuhan yang kita agihkan kemiskinan. Kita tak mahu agihkan kemiskinan ke setiap daerah. Kita mahu agihkan pembangunan, kita mahu agihkan kemajuan, kita mahu agihkan

keuntungan supaya rakyat dapat manfaat. Tetapi kalau terlalu banyak halangan, terlalu banyak birokrasi, terlalu banyak siasatan, terlalu banyak “*task force*” yang diwujudkan, saya bimbang ianya akan melembapkan pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor. Bagi saya, saya setuju dengan prinsip Dato Menteri Besar di mana apa juga permohonan baru kita teliti, kalau ianya melihat kepada prinsip “*value for money*”, prinsip yang jelas, kita harus percepatkan.

Masalah yang kedua yang saya lihat ialah di peringkat PBT. Pemaju sudah dapat kelulusan tetapi ada Wakil Rakyat yang campur tangan. Ada ahli PBT yang campur tangan. Tak boleh, sebab kalau kelulusan yang diterima oleh pemaju ataupun industri ataupun masyarakat perniagaan, kelulusan itu setelah melalui banyak proses, khususnya melalui Majlis Perancang Negeri Selangor (SPC) “*State Planning Community*”. Makna dalam SPC tu semua badan sudah ada, sudah...dah siasat sudah teliti daripada pihak laporan PBT, jabatan-jabatan sudah terima. Pemaju sudah dapat kelulusan. Bila nak majukan, ADUN campur tangan, PBT campur tangan. Kalau ini juga berterusan, di mana hak kita, apa hak kita untuk menghalang pembangunan di Negeri Selangor. Ya kita Wakil Rakyat, kita Ahli Majlis, tetapi kalau pemaju atau syarikat itu telah melalui semua proses yang cukup ketat, dia tahu apa keperluan yang telah ditetapkan oleh PBT, yang ditetapkan oleh “*State Planning Committee*”, yang ditetapkan oleh MTES. Kalau semuanya telah dilalui dan kelulusan telah diterima ADUN, dan ahli PBT tidak ada hak untuk menghalang kemajuan tersebut. Dia bayar cukai, bila mereka bayar cukai negeri akan dapat kutipan hasil dan kita boleh gunakan untuk rakyat. Tetapi kalau kesemuanya kita *differ*, tidak ada kekuatan untuk membuat keputusan, satu persatu ditangguhkan, PBT tak boleh bergerak, ADUN kacau, PBT tak boleh bergerak PBT kacau, tidak ada kemajuan baru, tidak ada projek baru, kerana seperti saya sebut tadi MTES bertindak sebagai Mahkamah Tinggi untuk menyiasat, mendakwa dan menghukum. Akhirnya belum ada satu kemajuan yang betul-betul besar dari segi pembangunan ekonomi di Negeri Selangor.

Sebagai contoh, pelantikan ahli-ahli PBT. Saya sempat sentuh sedikit semalam. Saya tidak berniat untuk bertindak secara personal terhadap mana-mana individu atau pun EXCO. Tetapi kita harus melantik Ahli-ahli Majlis yang benar-benar dapat memberikan sumbangan dan kebaikan kepada PBT. Tuan Speaker, maaf saya bercakap. Ada ahli PBT yang masuk dalam Mesyuarat Majlis, mentaliti dia, pemikiran dia masih pembangkang. Masuk dalam PBT, dia nak serang YDP sahaja. Tak boleh. Kita harus menghormati pegawai-pegawai Kerajaan. Kita harus memberikan sokongan dan dokongan yang penuh kepada YDP-YDP. Kita harus memberikan kerjasama yang sebaik mungkin. Kita harus *facilitate* bukan menyulitkan kedudukan mereka. Mereka pegawai kerajaan! Kecualilah jika kita ada bukti yang sahih, ada YDP, ada pegawai kerajaan yang mengkhianati dasar kerajaan. Saya setuju hukuman mesti diambil. Tetapi umumnya, semenjak setahun yang lalu, saya ucapkan tahniah dan penghargaan kepada semua YDP dan pegawai kerajaan yang memberikan kerjasama yang baik kepada Kerajaan Pakatan Rakyat di bawah kepimpinan Dato Menteri Besar. Tetapi ada ahli PBT, lepas mesyuarat dia keluar, buat demonstrasi sebab mentaliti dia masih pembangkang sedangkan kita sekarang sudah sebuah kerajaan. Justeru itu, saya sebut semalam, nak pilih ahli PBT, cari mereka yang boleh mendukung dasar kerajaan. Kadang-kadang mereka masuk, dia bawa dia punya ideologi saja, dia bawa dia punya matlamat saja. Kalau dia dari Kumpulan A, pemikiran dia A sahaja. Kita tidak boleh begitu. Ahli PBT harus mengambil sikap yang “*inclusive*”, kita terima semua pandangan. Sebab itu semalam saya tanya dan Kota Damansara pun tanya, apa sebenarnya kriteria melantik ahli-ahli PBT ini? Sebab PBT ini penting Tuan Speaker. PBT merupakan paksi kepada Kerajaan Negeri. Sumber pendapatan yang dikutip oleh PBT termasuk juga Pejabat-pejabat Daerah cukup besar untuk mendukung program Kerajaan Negeri. Tetapi sekarang ada “*confusion*” di bawah, berserabut di bawah, tak tahu siapa dilantik. Kita tak tahu kriterianya. Kriteria juga berubah setiap hari. Hari ini begitu, besok lain. Sebab itu saya mohon supaya pelantikan ahli-ahli PBT

ini biarlah di kalangan orang yang layak untuk memberikan sumbangan kemajuan kepada PBT tersebut. Bukan kerana dia baik dengan EXCO yang berkenaan. Saya dapat senarai yang terkini. Ada ahli PBT yang berkhidmat dengan baik ditukarkan ke tempat lain dengan sewenang-wenangnya. Tidak ada proses "*consultation*" langsung berlangsung di bawah. Ini amat mendukacitakan sebab ini bukan kerajaan sesebuah kaum. Ini adalah Kerajaan Pakatan Rakyat. Asas pembentukan Kerajaan Pakatan Rakyat itu cukup indah. Kita mahu "*good governance*", kita mahu "*rule of law*", kita mahu demokrasi, kita mempertahankan "*human rights*". Asas pembentukannya indah, tetapi realiti di bawahnya bagaimana? Pembentukan Pakatan Rakyat bukan kerana Ahli Majlis. Sebab itu rundingan itu mesti berjalan dengan baik. Saya tak boleh menang di Gombak kalau hanya bersandarkan ahli-ahli KEADILAN sahaja. Kita ada hanya 6 ribu ahli KEADILAN di Gombak. Saya tak boleh menang, pengundi 99 ribu. Kalau saya campurkan dengan ahli PAS seramai 10 ribu; saya hanya peroleh 16 ribu, saya masih kalah. Tetapi saya menang kerana dokongan rakyat, bukan kerana dokongan parti sahaja tetapi rakyat yang mahukan perubahan dan rakyat yakin yang mampu membawa perubahan di negeri Selangor ialah Pakatan Rakyat, bukan UMNO dan Barisan Nasional. Oleh sebab itu dalam menggubal dasar Pakatan Rakyat di negeri Selangor bincang bersama.

Pandamaran tidak boleh menang kalau hanya Cina sokong dia, dia perlu sokongan Melayu. Dia perlu sokongan India. Ini *reality* politik di Malaysia termasuk di negeri Selangor. Itu saya minta supaya perkara ini tidak berulang. Saya rasa malu dengan Yang Dipertua. Banyak Yang Dipertua bertemu saya di luar di lobi dan melahirkan rasa kekesalan kerana melihat senarai yang bercanggah-canggah. Angkat sumpah hari ini 10 orang, besok 3 orang, lusa 5 orang. Ini proses apa.. mengapa tidak ada suatu permuafakatan dalam EXCO Kerajaan Negeri supaya bincang elok-elok, keluarkan satu senarai yang sempurna mewakili semua pandangan. Dan kalau ini tidak boleh dilaksanakan, saya mencadangkan kepada Dato' Menteri Besar inilah masa yang terbaik untuk kita buat rombakan EXCO Kerajaan Negeri Selangor secara besar-besaran. (Dewan bertepuk) Saya mahu muka-muka baru, sebelah kanan saya, belakang saya tengok Insha-Allah mereka ada kelayakan. Jangan bila dah jadi EXCO, dia rasa dia hebat, dia rasa dia kuat, pandangan orang lain diketepikan. Ini negeri Selangor, kita wujud kerana Pakatan Rakyat, kita wujud bukan kerana parti yang kita wakili. Jadi Tuan Speaker, saya mohon supaya perkara ini diteliti semula, kita mahu satu rombakan EXCO dan lantik bukan saja mengikut agihan parti tetapi kita mahu di kalangan orang yang boleh memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat negeri Selangor kerana kita diangkat oleh rakyat. Kita menang kerana sokongan besar rakyat. Bukan hanya parti kita dan ahli kita tetapi rakyat sedang melihat dan meneropong, kita apakah kemampuan kita membawa perubahan.

Seterusnya saya melihat GLC Tuan Speaker, GLC Negeri Selangor ini *paid-up capitalnya* disumbangkan oleh kerajaan negeri. Tetapi apabila mereka *declare* dividen, dia tak bagi pun kerajaan negeri. Bila susah dia cari kerajaan negeri. Sebab itu saya minta supaya perkara ini juga diteliti semula. Ada sebuah anak syarikat saya minta disiasat *Central Spectrum* tak bayar premium kepada kerajaan negeri berjumlah RM 174 juta. Mengapa ini berlaku. Kalau betul ini berlaku di pentadbiran yang lalu, pentadbiran baru harus meneliti semula supaya perkara ini tidak berulang.

Saya juga ingin mencadangkan Tuan Speaker, oleh kerana pendapatan kita agak kritikal dan merosot, Pejabat-pejabat Daerah dan Pegawai-pegawai Daerah harus melipatgandakan usaha untuk mencari mekanisme baru untuk mengutip hasil-hasil setiap pentadbiran masing-masing termasuk PBT. Walaupun sumber yang dikutip oleh PBT tidak diserahkan kepada kerajaan negeri tetapi sekurang-kurangnya apabila PBT ni dapat dan mampu menguruskan pendapatan mereka sendiri tidaklah dibebankan kepada kerajaan negeri maka seperti peruntukan MARRIS yang kita peroleh daripada Pusat, kalau PBT itu mampu untuk menguruskan kewangan mereka

dengan baik maka kita boleh salurkan ke daerah yang lain yang lebih memerlukan peruntukan yang berkenaan. Sebab itu saya cadangkan supaya Pejabat-pejabat Daerah untuk segera melipatgandakan usaha-usaha mereka mencari pendapatan dan sumber-sumber baru bagi meningkatkan lagi pendapatan Kerajaan Negeri. Dua cadangan seterusnya ialah saya ingin mencadangkan supaya tanah-tanah kerajaan negeri dapat dikenal pasti segera untuk kita mengadakan kerjasama dengan pihak swasta bagi membangunkan satu pembangunan yang dikatakan *reasonable development* yang membolehkan pembangunan ini merangsang pertumbuhan ekonomi dan dengan adanya pembangunan seperti ini kita dapat memenuhi keperluan sebagai contoh *first time home buyers* di negeri Selangor dan juga pegawai-pegawai yang berpendapatan rendah untuk memiliki hartanah, rumah ataupun kondo yang tidak bersifat rumah kos rendah atau rumah murah tetapi sekurang-kurangnya kondo yang mampu milik dan dengan pembangunan seperti ini kita dapat merencanakan lagi aktiviti ekonomi di negeri Selangor.

Saya juga ingin mencadangkan supaya hasrat ini Dato' Menteri Besar yang mempunyai minat yang cukup tinggi di negeri Selangor tentang soal *re-development* beberapa kawasan penting di negeri Selangor termasuk di Petaling Jaya dan kawasan-kawasan tertentu khususnya rumah-rumah pangsa PKNS yang agak uzur yang setelah 40 - 45 tahun dibangunkan dan ada juga prasarana-prasarana yang lain contohnya di Lebuhraya Sunway, ada satu property yang asalnya dibangunkan dengan kos hampir RM 50 juta untuk tujuan riadah tetapi tidak dapat dimanfaatkan sebaik mungkin dan tidak berfungsi dengan sempurna. Maka tempat-tempat seperti ini yang terletak di kawasan-kawasan yang strategik harus difikirkan pembangunan semula dan ianya dapat dimanfaatkan bukan sahaja masyarakat perniagaan tetapi juga untuk rakyat negeri Selangor khususnya.

Akhirnya Tuan Speaker, setelah saya meneliti usul dan permohonan peruntukan tambahan, saya tidak nampak satu jumlah yang besar untuk kita tumpukan soal menyelenggarakan cerun-cerun bukit di negeri Selangor. Sebelum ini kita terlalu bersandarkan kemampuan yang terbatas di kalangan PBT di negeri ini dan sudah tentulah dengan tenaga yang terbatas dan juga kepakaran yang kurang tidak mampu PBT untuk menyelenggarakan cerun-cerun bukit di negeri Selangor yang merupakan salah satu perkara yang penting kerana banyak tragedi tanah runtuh telah berlaku termasuk di Bukit Antarabangsa. Saya pernah berbincang dengan beberapa pimpinan di peringkat negeri untuk kerajaan negeri *engage* dengan IKRAM bagi penyelenggaraan secara menyeluruh di seluruh negeri Selangor supaya IKRAM yang mempunyai kapasiti dan kemampuan yang lebih baik, mengendalikan kerja-kerja ini dengan lebih bertanggungjawab. Namun perkara ini belum nampak penyelesaiannya dan saya harap satu peruntukan juga disiapkan supaya kita dapat bersama-sama dengan IKRAM membentuk satu tenaga bagi mengawal selia dan menyelenggarakan cerun-cerun bukit di negeri Selangor. Dengan kata-kata itu saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong usul yang dibawa oleh Dato' Menteri Besar. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

YB TUAN DR CHEAH WING YIN: Terima kasih Tuan Speaker atas peluang untuk membahas dalam usul bajet tambahan ini. Mula-mula saya ingin, malangnya Sungai Panjang sudah belayar ke lain tempat. Andaian dan realiti. Realiti dan andaian. Seluruh ekonomi dunia telah memasuki dalam keadaan kegawatan itulah realiti sehingga kerajaan pusat terpaksa mencetuskan pakej rangsangan ekonomi. Realiti ialah Kerajaan Pusat boleh membiayai pakej rangsangan dengan beberapa cara yang ada padanya melalui pengeluaran bon-bon, pinjaman dalaman dan luar negeri dan termasuk mencetak wang. Itulah realiti tetapi hasrat Kerajaan Pusat untuk merangsang ekonomi kita patut puji apatah akibat usahanya akan melimpah

memberi faedah ke negeri Selangor. Tetapi kerajaan Pakatan Rakyat merasa akan sangat kepada ekonomi dan kebajikan rakyat Selangor. Kita tidak akan puas hati dan duduk sahaja sebagai saksi pasif atas usaha kerajaan Pusat bahkan kerajaan Pakatan Rakyat memulakan langkah-langkah tersendiri supaya menolong usaha-usaha merangsang ekonomi. Itulah beza di antara negeri Pakatan Rakyat Selangor berbanding dengan misalnya negeri-negeri kawalan Barisan Nasional. Realiti ialah Kerajaan Pusat keupayaan dan kewangannya pun adalah terhad memandangkan realiti ini untuk membiayai usaha tambahan. Kerajaan Pakatan Rakyat mestilah mencari cara-cara lain yang kreatif untuk menggerakkan ekonomi. Kita tahu amat senang menggunakan cara-cara *pump priming* dengan izin, di mana kerajaan tempatan atau pusat hanyalah mengusahakan serta mencurahkan wang sahaja tetapi cara fiskal ini ada kesan buruk. Lanjutan, misalnya bajet yang tak seimbang, kekurangan keberkesanan dan sebagainya. Jadi cara Kerajaan Pakatan Rakyat tanpa tergantung sangat kepada kerajaan Pusat yang sudah terlalu pinjam sangat, kerajaan Pusat yang kadang kala kedekut sedikit sangat kepada kerajaan Pakatan-pakatan Rakyat. Maka kerajaan Pakatan Rakyat mengusahakan langkah sendiri.

Marilah kita tumpukan sedikit perhatian kepada ekonomi andaian yang dinyatakan oleh Sungai Panjang. Bukan andaian sepatutnya itulah ekonomi sasaran di mana kita tumpukan perhatian lebih kepada beberapa suku ekonomi di mana andaian boleh dijadikan sasaran menghala ke realiti. Realiti ialah di antara Negara sedunia Negara China yang masih ada tampung kewangan untuk melabur sehingga kerajaan Pusat Perdana Menteri Dato' Seri Najib baru-baru ini melawat bersama dengan rombongan perdagangan. Jadi tak kan Kinrara EXCO YB Teresa Kok membuat keputusan yang salah apabila dia memimpin rombongan perdagangan melawat Negara China atau Taiwan kecuali apa Sungai Panjang mahu memaksudkan ialah Dato' Seri Najib berbuat keputusan salah pergi ke negeri China dan yang sepatutnya Dato' Seri Najib pergi ke Eropah. Realiti; keberkesanan efisiensi kerajaan dan kewangan kerajaan adalah terhad. Realiti; pihak swasta sama ada tempatan atau luar negeri mampu dan mempunyai kewangan dan ada idea dan keupayaan. Jadi Ijok Menteri Besar Tan Sri Khalid sedang mengusahakan dengan bakal-bakal pelabur swasta. Ini adalah berpatutan ini adalah realiti. Realiti Kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor akan menggembel dengan pihak swasta untuk merangsang ekonomi...

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Damansara Utama, realiti ialah sekarang sudah 4.30 petang. Jadi saya mintak sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sekarang jam sudah 4.30 petang maka dewan ini ditangguhkan sehingga hari esok 10 hari bulan Julai 2009, dan esok sidang akan bermula jam 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)